Bil. 58 **Selasa**
5 November 1996

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-Undang Perbekalan 1997 (Ruangan 14)

USUL:

- Anggaran Pembangunan 1997 (Ruangan 14)
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan 38)

Diterbit Oleh:
CAWANGAN DOKUMENTASI
PARLIMEN MALAYSIA
1998

Dicetak Oleh:
CAWANGAN CETAK
PARLIMEN MALAYSIA
1998

Oktober, 1996.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

" Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

" Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

" Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

" Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

" Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

" Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

" Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

" Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

" Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

" Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

" Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

" Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

" Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

" Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

" Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

" Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

" Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

" Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato'Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat	Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
"	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
"	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
"	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
"	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
"	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
"	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
"	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
"	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
"	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
"	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
"	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
"	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
"	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
"	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
"	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
"	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

Yang Berhormat	Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
"	Puan Chua Soon Bui (Tawau)
"	Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
"	Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
"	Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
"	Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
"	Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
	Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
"	Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
"	Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
"	Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
"	Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
"	Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
"	Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
"	Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
"	Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
"	Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
"	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
"	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
"	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
"	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
"	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
"	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
"	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
"	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
"	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
"	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
"	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
"	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
"	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

Yang Berhormat	Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
"	Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
"	Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
"	Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
"	Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
"	Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
"	Tuan Radin Malleh (Tenom)
"	Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
"	Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
"	Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
"	Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
"	Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
"	Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
"	Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
"	Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
"	Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
"	Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
"	Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

Yang Berhormat	Tuan Tiong Thai King (Lanang)
"	Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
"	Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
"	Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
"	Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
"	Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
"	Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
"	Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
"	Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
"	Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN PARLIMEN MALAYSIA

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Zaharah binti Naim Norwahidah binti Azizi Jainah binti Sakimin Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 5 November, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PELABURAN KE LUAR NEGERI - PERKEMBANGAN

1. Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perkembangan terkini dalam usaha pelaburan ke luar negeri oleh syarikat Malaysia dan sejauh mana pelaburan ini memberi manfaat kepada negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan Malaysia di luar negeri bagi tempoh tahun 1991 hingga bulan Ogos 1996 adalah sebanyak RM21,210.6 juta dan jumlah ini meningkat dari tahun ke tahun. Pelaburan ini tertumpu di 5 buah negara iaitu Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia. Bidang-bidang pelaburan yang diceburi ialah kilang membuat tilam, perniagaan hotel dan pelancongan, kilang-kilang penapis minyak sayuran yang menggunakan minyak sawit dari Malaysia, kilang membuat "polyethylene bag", dengan izin, kilang-kilang membuat keluaran daripada getah, pembangunan hartanah dan gedung perniagaan, projek-projek lebuh raya dan telekomunikasi, projek-projek kelapa sawit bersepadu dan kilang-kilang memasang kereta dan mengeluar komponen-komponen kereta.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar pelaburan ke luar negeri yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia adalah tertakluk kepada syarat bahawa pelaburan tersebut dibiayai oleh dana dari pinjaman luar negeri. Oleh itu, pelaburan-pelaburan tersebut tidak akan mengakibatkan aliran keluar serta-merta dalam imbangan pembayaran. Dalam jangka panjang, pelaburan ke luar negeri akan menghasilkan aliran masuk dana ke Malaysia dalam bentuk keuntungan dan dividen dan seterusnya menghasilkan perolehan pertukaran wang asing kepada Malaysia. Hasilnya, akaun pendapatan pelaburan dalam imbangan pembayaran akan bertambah baik dalam tahun-tahun yang akan datang.

Selain daripada keuntungan dan dividen, pelaburan-pelaburan tersebut juga akan memberi kesan-kesan positif yang lain kepada ekonomi Malaysia iaitu:-

(i) pelaburan-pelaburan tersebut akan menembusi pasaran di luar negeri;

(ii) peningkatan eksport bagi barangan dan perkhidmatan daripada Malaysia sebagai input kepada keluaran syarikat di luar negeri tersebut;

(iii) pelaburan-pelaburan tersebut akan meningkatkan penggunaan teknologi tempatan dan menambah pengetahuan syarikat-syarikat Malaysia terutama sekali dalam bidang perniagaan antarabangsa. Contohnya ialah dalam projek-projek memproses minyak kelapa sawit;

(iv) keluaran syarikat-syarikat luar negeri tersebut akan digunakan sebagai input untuk syarikat-syarikat di Malaysia; dan

(v) memberi peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia memindahkan operasi berintensifkan buruh mereka ke luar negeri di samping mengekalkan kerja-kerja yang mempunyai nilai tambah yang tinggi di Malaysia. Contohnya ialah syarikat-syarikat perladangan Malaysia yang telah mula membuka ladang-ladang kelapa sawit

yang bersepadu di luar negeri dan hasil minyak sawit mentahnya akan dieksport ke Malaysia untuk diproses menjadi minyak sayuran.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pelaburan yang dibuat oleh syarika-syarikat daripada Malaysia yang begitu besar melebihi daripada RM21,000 juta, jadi sudah tentu ada masalah-masalah yang terdapat di kalangan syarikat-syarikat ini apabila mereka melabur di luar negeri. Jadi, saya ingin tahu apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur Malaysia semasa mereka melabur di negara luar dan bagaimanakah masalah-masalah ini bagi pihak kerajaan dapat membantu syarikat-syarikat yang terbabit?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian telah pun membuat penelitian mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur Malaysia di luar negeri. Di antara masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat kita termasuklah sebenarnya khusus di negara dan ekonomi baru yang muncul seperti Vietnam dan Republik Rakyat China di mana tahap infrastruktur fizikal dan bukan fizikal masih lagi kurang baik. Contohnya undang-undang untuk melindungi pelaburan asing masih belum ada lagi di beberapa buah negara yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu, pelabur-pelabur Malaysia menghadapi karenah birokrasi di negara-negara yang mereka laburi seperti dasar pelaburan yang tidak telus dan terlalu banyak kelulusan yang perlu diperolehi di semua peringkat, iaitu Kerajaan Pusat, wilayah atau penguasa tempatan. Pelabur Malaysia juga menghadapi suasana iklim pelaburan dan cara berniaga yang agak berbeza untuk melabur di luar negeri dengan apa yang dialami oleh mereka di Malaysia.

Selain daripada itu, pelabur Malaysia juga menghadapi masalah perubahan dasar kerajaan apabila projek mereka telah dilaksanakan. Sebagai contoh, sebuah negara asing telah menaikkan duti import ke atas minyak sawit dari Malaysia yang digunakan untuk sebuah kilang memproses minyak sawit di negara tersebut yang dimiliki oleh pelabur Malaysia. Pihak kerajaan dan khususnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sentiasa mengadakan hubungan yang begitu erat dengan agensi-agensi dan juga kerajaan-kerajaan negeri di mana ramai pelabur tempatan telah pun melaburkan bersama syarikat-syarikat mereka. Insya-Allah, dengan hubungan yang sedia ada ini, kita dapat pastikan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi dapat diatasi.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita telah terbaca laporan di dalam akhbar yang tidak begitu menyenangkan seperti di Zimbabwe baru-baru ini tentang syarikat-syarikat Malaysia dan dakwaan yang bercorak "ugly Malaysian", dengan izin.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah pandangan kerajaan tentang hal ini dan apakah langkah yang boleh diambil untuk menghalang supaya imej baik yang dipunyai oleh Malaysia melalui pelaburan luar dan kerja serta sumbangan kita di arena antarabangsa itu dapat dipertahankan?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham mengenai masalah yang disebutkan. Kalau masalah mengenai isu Amerika Syarikat - perdagangan Petronas dengan Iran, sekiranya itu, saya akan jawab mengenai isu itu.

Memang tidak wajar dan sebenarnya adalah satu double standard dan hipokrasi dari pihak Amerika Syarikat bila membuat sekatan berkaitan dengan hubungan Syarikat Petronas dengan Iran di mana mereka menggunakan kuasa di luar sempadan mereka untuk cuba mencatur dan juga menguasai perdagangan antarabangsa, lebih-lebih lagi kepentingan mereka dengan negara-negara yang kononnya tidak bersefahaman dengan mereka.

Ini jelas bahawa ia lari daripada konsep perdagangan bebas yang disuarakan dan dilaung-laungkan oleh mereka, lebih-lebih lagi dalam platform WTO dan juga di APEC. Maka, kerajaan telah membuat pendirian yang begitu tegas sekali bahawa tidak akan akur dan tunduk kepada tindakan tersebut dan kita cukup bangga dan telah pun berusaha untuk memastikan imej yang diketengahkan oleh syarikat kita di luar negeri cukup baik sekali dan kita akan sentiasa di belakang syarikat-syarikat tempatan yang melabur di negara-negara tersebut.

SKIM TAKAFUL KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK - JUMLAH BAYARAN PAMPASAN

2. Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) bilangan pampasan yang dibayar kepada pelajar-pelajar di bawah Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok sejak pelaksanaannya dan jumlah yang telah dibayar sebagai pampasan kepada pelajar-pelajar yang ditimpa kemalangan; dan

(b) sama ada kementerian menyedari kesukaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar untuk membuat tuntutan pampasan atas kecederaan yang diperolehi semasa menjalani kegiatan kokurikulum kerana disyaratkan laporan polis perlu disertakan di samping surat akuan perubatan dan sama ada kementerian berhasrat mengarahkan syarikat insurans tersebut mempermudah prosedur untuk membuat tuntutan pampasan.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pampasan yang telah dibayar kepada pelajar-pelajar di bawah Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok ialah sebanyak RM1.06 juta.

(b) Kementerian telah berbincang berhubung dengan kesukaran yang dihadapi dalam urusan pelajar atau waris membuat tuntutan pampasan dengan pihak Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. Pihak syarikat memaklumkan bahawa syarat ini dikenakan adalah untuk mengawal kejadian penipuan di dalam membuat tuntutan.

Namun demikian, pihak syarikat sedang meneliti pendekatan yang wajar bagi mempercepatkan lagi proses tuntutan yang sah oleh pelajar atau waris.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini, dua pelajar institusi pengajian tinggi di New Zealand telah dicederakan akibat letupan bom. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan atau lain-lain institusi kerajaan supaya keselamatan pelajar-pelajar di luar negeri dapat dijamin?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain.

PENCEMARAN UDARA DARIPADA ASAP KENDERAAN - LANGKAH MENGATASI

3. Dr. L. Krishnan [Teluk Kemang] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) adakah benar 85% daripada pencemaran udara di negara kita berpunca daripada asap kenderaan bermotor; dan

(b) jika benar, apakah tindakan kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Adalah benar bahawa 85% daripada pencemaran udara di negara kita berpunca daripada pelepasan asap dan gas dari kenderaan bermotor.

(b) Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:-

(i) mewartakan dan menguatkuasakan mulai 1 September 1996, satu peraturan baru iaitu Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 bagi memantapkan lagi kaedah kawalan pelepasan asap hitam oleh kenderaan berenjin diesel.

Peraturan baru ini memberi penekanan kepada kawalan pelepasan melalui pendekatan pencegahan (preventive) iaitu kawalan di peringkat pembuatan atau pemasangan kenderaan di mana enjin-enjin kenderaan baru dikehendaki mematuhi standard-standard pelepasan tertentu sebelum dibenarkan untuk dikeluarkan atau dipasarkan;

(ii) mempertingkatkan kerja-kerja penguatkuasaan kawalan pelepasan asap hitam dari kenderaan diesel oleh semua Pejabat-pejabat Negeri Jabatan Alam Sekitar melalui Program AWASI (Area Watch And Sanction Inspection).

Program penguatkuasaan ini adalah berbentuk rondaan berterusan di kawasan-kawasan bandar di mana kenderaan-kenderaan yang mengeluarkan asap berlebihan diberhentikan untuk diuji pelepasannya dengan menggunakan peralatan meter asap.

Tindakan kompaun akan dikenakan kepada kenderaan yang gagal mematuhi had asap yang ditetapkan dan notis melarang penggunaan kenderaan daripada beroperasi sehingga diperbaiki dikenakan kepada kenderaan-kenderaan yang telah berulangkali disaman;

(iii) menggubal dua lagi peraturan baru iaitu Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 1996 yang dijangka akan dilaksanakan pada akhir tahun bagi tujuan mengawal pelepasan daripada kenderaan petrol dan motosikal.

Peraturan-peraturan di atas akan memerlukan penggunaan alat 'catalytic converter' yang berperanan untuk mengurangkan pelepasan gas-gas pencemar seperti karbon monoksida, hidrokarbon dan oksida-oksida nitrogen dengan berkesan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana penggubalan peraturan-peraturan bagi pencegahan pencemaran alam sekeliling.

Saya ingin bertanya, apakah kementerian telah cuba mengkaji kandungan chemical di dalam petrol ataupun diesel, iaitu bahan bakar yang selalu digunakan? Kadang-kadang kita dapat dengar bahawa enjin tidak ada masalah, tetapi kandungan diesel itu sendiri yang menyebabkan kenderaan berkuasa diesel apabila menggunakan minyak yang diisi dengan diesel akan menimbulkan masalah dari segi pengeluaran dan pelepasan asap.

Jadi saya ingin bertanya, adakah kementerian mengkaji kandungan diesel ini, dan di samping itu mengenai dengan mewajibkan pemasangan 'catalytic converter', setakat hari ini apakah syarikat-syarikat pengeluar kenderaan yang telah diwajibkan pemasangan alat 'catalytic converter' ini dan adakah syarikat-syarikat yang telah gagal ataupun pengeluaran mereka itu telah gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditentukan?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelebu. Sebenarnya kementerian telah pun menghantar diesel ini untuk dikaji. Sebab itulah sekarang diberi galakan rebate kepada mereka yang memakai diesel yang kurang pelepasan asapnya (smoke emission). Mereka diberi rebate 50% supaya pengeluaran kereta-kereta baru yang menggunakan diesel ini digalakkan untuk dapat dikeluarkan dengan mengurangkan keluaran asap ini.

Mengenai dengan 'catalytic converter' tadi, perkara ini akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Undang-undang ini sedang dibuat.

Dr. L. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagi mengatasi masalah pencemaran udara, apakah kemudahan yang disediakan oleh kementerian untuk menggalakkan syarikat-syarikat yang membuat kereta atau kenderaan untuk membuat kereta elektrik atau yang menggunakan tenaga solar?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini perkara baru. Baru-baru ini pun kita sendiri melihat bahawa Perdana Menteri sendiri telah cuba satu kereta elektrik yang baru di 'invented', dengan izin. Mungkin banyak lagi kereta-kereta elektrik ini akan dikeluarkan. Berhubung dengan galakan yang diberi, macam saya kata 'rebate road-tax' itu, 50% kurang kalau pakai diesel yang mengeluarkan asap kurang.

SIDANG KEMUNCAK SOLAR SEDUNIA - LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN

4. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan hasil Sidang Kemuncak Solar Sedunia para ketua negara dan kerajaan di Harare, Zimbabwe pada bulan September yang beliau hadiri selaku Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Solar Sedunia (WCS) serta nyatakan langkah-langkah yang kerajaan akan ambil untuk menjadikan Malaysia pemimpin dalam penggunaan kuasa alternatif di dunia ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Kemuncak Solar Sedunia yang diadakan pada 16hb. dan 17hb. September tahun ini di Harare telah meluluskan Deklarasi Harare mengenai 'Tenaga Solar dan Pembangunan Lestari' (Solar Energy And Sustainable Development) serta World Solar Programme tahun 1996, tahun 2005.

Melalui Deklarasi Harare, negara-negara yang hadir telah membuat komitmen untuk memajukan penggunaan tenaga solar bagi pembangunan sosio-ekonomi lebih-lebih lagi bagi masyarakat luar bandar khususnya penggunaan tenaga solar ini meliputi juga semua jenis sumber tenaga yang boleh diperbaharui (renewable energy) seperti biomass, angin, ombak dan sebagainya.

Matlamat utama Program Solar Sedunia adalah untuk menambahkan kefahaman mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh sumber-sumber tenaga yang boleh diperbaharui dalam pembangunan sosio-ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar serta menggalakkan kerjasama di pringkat serantau dan antarabangsa.

Di antara lain, projek-projek yang dipersetujui di bawah Program Solar Sedunia adalah:

(i) pembekalan elektrik ke kawasan luar bandar melalui teknologi solar;

(ii) program pendidikan dan latihan dalam bidang teknologi tenaga solar; dan

(iii) mendirikan mekanisme-mekanisme yang sesuai bagi menggalakkan pembangunan dan perkongsian teknologi antara negara-negara Utara-Selatan dan Selatan-Selatan.

Mungkin sukar bagi negara kita menjadi pemimpin dalam penggunaan kuasa alternatif di dunia ini. Walaupun demikian, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk membangunkan sumber tenaga yang boleh diperbaharui untuk mempelbagaikan sumber-sumber tenaga negara serta mengurangkan kesan negatif sumber tenaga lazim ke atas alam sekitar. Untuk mencapai objektif ini, langkah-langkah berikut sedang dan akan diambil:

(i) menggalakkan penggunaannya di tempat-tempat di mana ia adalah kos efektif berbanding dengan alternatif-alternatif lain seperti daerah-daerah terpencil. Di tempat sedemikian kos bagi menyambung grid elektrik adalah lebih tinggi daripada alternatif fotovoltaic;

(ii) membantu institusi-institusi penyelidikan yang menjalankan penyelidikan mengenai tenaga suria dengan tujuan mengurangkan kosnya serta meningkatkan efisiensi teknikalnya;

(iii) menimbangkan insentif-insentif yang bertujuan menggalakkan pembuatan peralatan berkaitan dengan tenaga suria dan mengurangkan kosnya dan juga insentif bagi menggalak penggunaan tenaga suria; dan

(iv) mengatur kempen kesedaran orang ramai mengenai kelebihan tenaga suria berbanding dengan tenaga lain terutamanya dari segi kebersihan alam sekitar.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara yang lain, kuasa solar adalah menjadi satu kuasa, dengan izin, fall back option, apabila ada putus bekalan elektrik. Oleh kerana di Malaysia nampaknya selalu ada berlaku nationwide power blackout, adakah option ini pernah dikaji oleh sama ada kerajaan atau Tenaga Nasional, sama ada boleh menggunakan kuasa solar sebagai satu fall back option apabila berlaku putus bekalan elektrik.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar soalan ini pun pernah ditimbulkan pada beberapa ketika dahulu. Walaupun demikian, kita dapati bahawa tenaga solar belumlah dapat dibangunkan secara besar-besaran setakat sekarang. Ianya cuma boleh digunakan di tempat-tempat yang terpencil dan belum boleh

dibangun secara komersial dan justeru itu kita tidak dapat nampak bagaimana ianya boleh membantu kita dari segi commercial electricity supply. Jadi soalannya sudah dikaji tetapi tidak memberi kesan yang boleh kita terima buat masa sekarang.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, tadi Datuk Menteri ada berkata tentang tenaga suria atau solar dan juga bercakap tentang tenaga alternatif kepada negara. Saya hendak bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk melihat kegunaan tenaga daripada angin memandangkan di Pantai Timur kita kadang-kadang ada, terutama sekali semasa tengkujuh anginnya kuat dan kita lihat juga negara di Amerika, memang sudah ada satu eksperimen yang besar menggunakan tenaga daripada angin ini dan dinyatakan juga bahawa ada kemungkinan tenaga yang dijana daripada angin ini boleh disambung kepada grid. Saya minta sedikit penjelasan daripada Datuk Menteri.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kegunaan kuasa tenaga yang boleh diperbaharui (renewable energy sources) ini memanglah termasuk angin, ombak dan sebagainya. Walaupun demikian, setakat sekarang semua perkara ini masih dalam peringkat penyelidikan dan belumlah sampai ke taraf ianya boleh dibangun dan digunakan. Kita sedar bahawa dalam negara-negara lain juga penyelidikan ke arah perkara ini sedang berlaku. Kita sedar bahawa misalnya, di negara India, mereka sudah juga membuat penelitian dari segi kegunaan angin. Walaupun demikian, nampaknya belumlah dapat memberi kesan yang cukup menyakinkan dari segi kegunaan secara komersil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan.

[Soalan No. 5 - Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram] tidak hadir]

FELDA, FELCRA DAN LKW - PENGECILAN SAIZ

6. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

(a) apakah rancangan jangka panjang untuk agensi Felda, Felcra dan LKW seperti DARA; dan

(b) apakah langkah kementerian untuk memastikan bahawa pengecilan saiz agensi-agensi ini tidak akan mengabaikan kebajikan masyarakat luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Rancangan jangka panjang bagi agensi-agensi yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar seperti Felcra dan Lembaga Kemajuan Wilayah (DARA) sedang dibuat dengan mengambil kira dasar-dasar utama kerajaan iaitu pengecilan saiz perkhidmatan awam, dasar penswastaan dan fokus dasar Rancangan Malaysia Ketujuh yang bertujuan mempercepatkan peningkatan produktiviti dan kecekapan terutama melalui inisiatif swasta. Mengambil kira dasar-dasar di atas Felcra akan meneruskan peranannya dengan lebih agresif dalam membangun kawasan luar bandar melalui kaedah pelaksanaan yang lebih cekap dan menguntungkan. Sehubungan dengan ini, Felcra dicadang dikorporatkan.

Bagi beberapa LKW, kerajaan mendapati sudah sampai masa kewujudannya dalam bentuk yang sedia ada tidak perlu diteruskan memandangkan peranan agensi berkenaan dapat diambil alih oleh agensi-agensi lain dan pihak swasta. Maka, DARA, JENGKA dan Kejora akan dibubarkan.

(b) Langkah kerajaan membubarkan beberapa LKW dan mengkorporatkan Felcra tidak akan mengabaikan kebajikan masyarakat luar bandar. Sebaliknya dengan kaedah dan pendekatan pengkorporatan, Felcra dijangka dapat menyumbangkan ke arah pembangunan luar bandar dengan cara yang lebih menguntungkan masyarakat luar bandar. Bagi Lembaga Kemajuan Wilayah yang akan dibubar termasuk DARA, fungsi-fungsi sosial termasuk pembangunan rakyat termiskin akan diserap dan dilaksanakan oleh Jabatan Agensi

Kerajaan Negeri dan Pusat termasuk bahagian-bahagian yang sedia ada di kementerian. Manakala aktiviti ekonomi akan diteruskan oleh sektor swasta. Dengan itu kebajikan masyarakat luar bandar akan terus dijaga oleh agensi-agensi yang mengambil alih fungsi yang terlibat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini banyak peserta Felcra, Rancangan Tanah menjadi jutawan. Jadi, apakah perancangan kerajaan supaya jutawan-jutawan ini dapat melaburkan wang mereka ini dengan lebih selamat demi untuk jangka masa yang panjang supaya mereka, suatu hari nanti tidak akan jadi tidak ketahuan, Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* sama ada kita memberi mereka cara bon kerajaan ataupun memastikan wang yang diberi itu secara berperingkat-peringkat atau diberi saham dan sebagainya, kerana Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kalau orang itu tidak biasa dengan kesenangan dan bila mereka mendapat wang begitu banyak mereka jadi haru-biru. Jadi, kita takut benda ini berlaku. Jadi, apakah rancangan kerajaan?

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan akan terus menswastakan rancangan-rancangan ini kerana macam Kejora telah dijual dengan begitu murah dan sebagainya dan ini merugikan peserta-peserta dan saya anggap ini menganiayai peserta-peserta. Apakah tindakan kerajaan di masa yang akan datang supaya perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, kementerian melalui program-program pembangunan insan memang dari awal-awal lagi menasihat para peserta bahawa mereka mesti bersedia, mungkin mereka satu hari nanti akan jadi jutawan. Dengan itu, maka mereka tidaklah mensia-siakan apa yang telah dikurniakan kepada mereka pada masa itu.

Mengenai cadangan-cadangan yang lain, bentuk-bentuk bantuan ataupun cara-cara untuk menyimpan habuan itu kita memang menasihatkan beberapa peluang yang ada dan kita mengharap mereka akan mengambil keputusan yang bijak untuk 'to invest,' untuk melabur apa yang mereka dapat itu.

Mengenai penswastaan, memang kementerian apabila menjalankan usaha penswastaan khususnya mengenai beberapa anak syarikat Lembaga Kemajuan Wilayah yang mungkin akan diswastakan nanti, ini akan ditimbangkan oleh kerajaan dan dinilaikan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi untuk menentukan apa-apa tindakan yang diambil atau apa-apa keputusan dan ianya tidak akan merugikan mana-mana pihak.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tidak menolak bahawa kerajaan perlu mengkaji kembali dari semasa ke semasa peranan agensi-agensi seperti LKW. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa sekali lagi mengumumkan bahawa DARA, KEJORA dan Jengka akan dibubarkan. Sebelum ini kita dengar juga kenyataan-kenyataan tentang masa depan pekerja-pekerja di ketiga-tiga agensi ini. Bolehkah Yang Berhormat beri jaminan bahawa pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat di ketiga-tiga agensi ini, masa depan mereka dari segi pekerjaan tetap dijamin oleh kerajaan. Sebab seperti di kawasan saya di Rompin ada keluhan sedikit, mereka sejak bekerja hanya dengan DARA, ada hutang kereta, hutang rumah, anaknya agak ramai juga. Mereka agak keluh-kesah tentang masa depan mereka. Bolehkah Yang Berhormat beri jaminan sedikit tentang masa depan mereka?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan berhati-hati di dalam usaha kita untuk membubar atau mengecilkan jabatan-jabatan kerajaan termasuk LKW ini. Oleh sebab itu, maka walaupun pengumuman dan perkara ini sentiasa ditimbulkan di dalam Dewan ini, ianya masih ditangguhkan, oleh kerana kita mencari jalan bagaimanakah kerajaan dapat menentukan kebajikan masyarakat luar bandar, peserta dan sebagainya, termasuk kakitangan dalam LKW ini, masa depan mereka terjamin. Dengan ini, selepas berbincang dengan kerajaan negeri dan meneliti pelbagai kaedah, maka saya beri jaminan di sini bahawa kakitangan kerajaan dalam DARA, sebahagian dari mereka akan diserapkan kepada kerajaan negeri, dan kepada jabatan-jabatan di kementerian, dan sebahagian daripada mereka ini akan diserapkan kepada badan-badan yang akan diswatakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tuan Yunof Edward Maringking.

[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Yunof Edward Maringking tidak hadir]

LESEN AGENSI PELANCONGAN - PEMBEKUAN

8. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada pengeluaran lesen bagi agensi pelancongan masih dibekukan. Berapakah lesen telah dikeluarkan dalam tempoh pembekuan dan apakah justifikasinya. Antaranya berapa agensikah yang beroperasi di Sabah. Apakah kementerian akan memansuhkan pembekuan tersebut.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Sabbaruddin Chik]: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran lesen perniagan pengendalian pelancongan dan pengembaraan bagi kawasan di enam buah bandar di seluruh negara, iaitu Kuala Lumpur termasuk Lembah Kelang, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu masih dibekukan. Walau bagaimanapun, sekiranya ada permohonan yang mempunyai pakej-pakej pelancongan yang unik dan masih belum diterokai oleh mana-mana agensi yang sedia ada, maka ianya boleh dipertimbang dan diluluskan. Pengeluaran lesen-lesen baru ini juga sebenarnya terhad kepada bidang pengendalian pelancongan ke dalam negeri sahaja, dengan izin, to inbound. Bagi tempoh 1hb. Januari hingga 31hb. Ogos tahun ini sebanyak 127 lesen perniagaan pengendalian pelancongan dan pengembaraan yang baru telah dikeluarkan di seluruh negara, dan jumlah ini adalah termasuk pengeluaran lesen-lesen baru dan lesen-lesen bagi pejabat cawangan bagi syarikat-syarikat yang sedia ada. Daripada jumlah ini, sebanyak 7 lesen perniagaan pengendalian pelancongan dan pengembaraan telah dikeluarkan di seluruh negeri Sabah, 14 lesen dikeluarkan untuk Wilayah Persekutuan, termasuk Lembah Kelang, 10 untuk negeri Sarawak dan 12 lesen bagi negeri Pulau Pinang. Manakala di dalam waktu pembekuan ini, sebanyak 135 lesen agensi pelancongan dan pengembaraan telah dilesenkan untuk beroperasi di seluruh negeri Sabah, tidak terhad kepada Kota Kinabalu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan meneruskan dasar pembekuan ini di 6 buah bandar utama yang saya sebutkan tadi, sehinggalah kepada satu masa yang akan ditetapkan nanti.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit pandangan daripada Yang Berhormat dari Dato' Menteri. Kenapakah pembekuan ini dibuat di keenam-enam bandar dan negeri-negeri ini, dan setakat hari ini daripada jumlah keseluruhan lesen-lesen pelancongan yang telah dikeluarkan, berapa banyakkah di antara lesen-lesen tersebut telah digantung dan dibatalkan, dan apakah sebab-sebab faktor yang menjadi penyebab kepada tindakan yang sedemikian?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita mengambil tindakan untuk membekukan lesen ini, terdapat 2,300 lesen yang telah dikeluarkan. Daripada 2,300 lesen itu, 800 tidak aktif. Ertinya, mereka ini ada lesen tetapi tidak menjalankan perniagaan pelancongan dan sebahagian daripadanya tidak membaharui lesen-lesen tersebut. Jadi, yang tidak aktif ini telah diminta membuat keputusan sama ada hendak memperbaharui ataupun hendak dibatalkan. Sebahagian daripadanya telah membaharui lesen-lesen ini. Yang tidak membaharui lesen telah dibatalkan. Masih lagi terdapat yang membaharui lesen tetapi tidak menjalankan tugas-tugas pelancongan. Maka didapati perkara seperti ini tidak patut dijalankan, sebab itu diputuskan supaya lesen-lesen baru tidak dikeluarkan sehingga lesen-lesen yang tidak aktif ini aktif semula.

Dalam pada itu, terdapat juga mereka yang mempunyai lesen yang tidak aktif ini menjual lesen-lesen. Saya sebagai yang bertanggungjawab tidak mahu perkara menjual lesen ini berlaku. Maka itu kita telah putuskan supaya tidak diberi lesen baru, kecuali mereka yang benar-benar memerlukan lesen, seperti saya katakan tadi khususnya di dalam bidang-bidang yang belum diterokai oleh mana-mana pemunya lesen setakat ini.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berhubung dengan masalah lesen yang diberikan kepada agensi pelancongan, kerana terdapat agensi pelancongan yang mana disebabkan oleh mereka kurang cekap yang terdapat peristiwa-peristiwa pelancong-pelancong terkandas, yang mana kadang-kadang mereka pergi, biasanya berlaku kepada pakej-pakej bagi mereka yang hendak menunaikan Umrah ataupun Haji.

Kadang-kadang pelancong-pelancong ini seolah-olah ditipu. Kadang-kadang dia punya jadual dan aturan itu berbeza dengan apa yang

diberikan sebelum pelancong-pelancong ini membuat bayaran. Jadi, saya ingin tahu, apakah langkah kawalan yang dibuat oleh kementerian bagi mengawal agensi-agensi pelancongan ini daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi terjadi kepada pelancong-pelancong yang akan menimbulkan masalah kepada masyarakat?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang betul terdapat syarikat-syarikat pengembaraan yang tidak efisien hingga menyebabkan terdapatnya pelanggan-pelanggan terkandas. Syarikat-syarikat yang seperti ini akan dipanggil dan dijalankan penyelidikan dan siasatan dan jikalau didapati bersalah, sama ada digantung ataupun dibatalkan lesennya. Untuk kes-kes tertentu - didenda mereka yang membuat kesilapan di dalam bidang ini.

PENGURUS ASING DAN PENGURUS TEMPATAN - PERBEZAAN BAYARAN PENDAPATAN

9. Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah yang dapat diambil bagi mengurangkan jurang pendapatan di antara pengurus-pengurus tempatan dengan pengurus-pengurus asing seperti yang dilaporkan oleh "Survey of Selected Services 1995" yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia; misalnya pendapatan tahunan pengurus asing dalam sektor borongan ialah RM234,000.00 manakala pengurus tempatan berpendapatan tahunan RM56,000.00 sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, pendapatan atau upah tahunan purata pengurus asing sebanyak RM234,000 adalah bagi sektor pengangkutan lain ataupun, dengan izin, other transport sectors, dan bukannya bagi sektor perhubungan. Sebenarnya, pendapatan atau upah tahunan purata bagi pengurus tempatan di sektor pengangkutan lain adalah sebanyak RM36,600 dan bukannya RM56,000. Berdasarkan laporan "Survey of Selected Services", wujudnya jurang pendapatan atau upah tahunan purata yang besar di antara pengurus asing berbanding dengan pengurus tempatan, adalah disebabkan pengiraan pendapatan purata bagi pengurus tempatan termasuk pendapatan bagi pengurus peringkat rendah dan sederhana, sedangkan pengurus asing kebanyakannya mewakili peringkat pakar dan secara keseluruhannya, pendapatan purata atau upah purata bagi pengurus peringkat atasan adalah lebih kurang sama bagi kedua-dua kategori pengurus tempatan dan pengurus asing.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, dalam ucapan Belanjawannya baru-baru ini, kenaikan upah pukul rata sebenarnya dianggarkan sebanyak 7.1%, sedangkan peningkatan produktiviti hanya 3.9%. Jadi, apakah tindakan kerajaan terhadap jurang yang semakin melebar ini di antara produktiviti buruh dan juga peningkatan upah yang ada pada hari ini?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan ialah kita mengadakan sistem upah mengikut produktiviti. Jadi, sekarang ini, di bawah Kementerian Sumber Manusia, kita telah pun mengadakan apa yang dikatakan "flexivit system" ataupun produktiviti buruh dan peningkatan upah. Di antara unsur-unsur utama yang kita lakukan ialah pertama, untuk mendefinisikan apa itu upah dan upah akan merangkumi bayaran-bayaran atau lain-lain imbuhan yang asas dan juga bonus yang kadang-kadang dibayar lain-lain pendapatan dan kadang-kadang jarang-jarang dibayar untuk lain-lain pendapatan.

Keduanya, kita menentukan dalam upah itu sendiri, ada apa yang dikatakan komponen-komponen tetap (fixed component) dengan izin. Ada juga komponen-komponen berubah (variable component). Jadi, komponen-komponen tetap itu, misalnya gaji asas dan juga bonus, misalnya. Tetapi komponen-komponen variable ataupun yang berubah, misalnya, kita katakan dengan adanya produktiviti yang tinggi. Jadi, keuntungan bagi peniaga itu sendiri akan dibahagi dua supaya dapat komponen-komponen variable (berubah) ini dimasuk kira. Kita mengharapkan dengan adanya jalinan harmoni di antara penggaji dan juga labour union, dengan izin, kita akan dapat mewujudkan persekitaran yang lebih harmoni lagi.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kepakaran pengurusan, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Jadi,

apakah tindakan kerajaan untuk jangka panjang supaya berlakunya pindahan ataupun aliran kepakaran pengurusan asing ke negara ini supaya pengurusan perdagangan kita pada peringkat antarabangsa nanti akan menjadi lebih licin?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh membahagikan kepakaran pengurusan ini kepada pelbagai kategori. Pertamanya, kalau kita katakan profesional dalam bidang latihan misalnya, kita boleh memasukkan kepakaran asing ini dan memberi mereka gaji yang mewah dan juga rebet 50% daripada cukai. Apa yang kita lakukan sekarang ialah kita melihat kepada kategori. Pertamanya, kompeni yang merupakan hak milik warganegara. Di sini kita melihat bahawa kepakaran pengurusan yang dibayar upahnya lebih tinggi kepada warganegara daripada pakar asing.

Kalau kita tengok pula majikan ataupun kompeni yang dimiliki oleh warga asing, kepakaran warga asing itu dibayar lebih tinggi daripada kepakaran warga negara. Kalau kita melihat dari segi bidang doktor, misalnya, kita telah membuat banyak dasar supaya mengambil dan memanggil balik doktor-doktor pakar kita dari luar negara dan kita berharap, dengan insentif, misalnya free ticket dan ada pula yang minta 10% cukai rebet dan sebagainya, dapat kita memanggil balik pakar-pakar kita.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi pakar-pakar asing ini penting, kerana kita rasakan pakar yang datang ini adalah betul-betul pakar. Pihak Imigresen mengatakan bahawa jika tidak ada lagi pakar dalam negara, baru kita ambil pakar dari luar negara. Dan di sini akan berlaku "transfer of technology".

PUSAT AKTIVITI BELIA - JUMLAH YANG DIBINA

10. Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapa Pusat Aktiviti Belia akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ke-7 mengikut negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM90 juta untuk pembinaan 18 buah pusat Rakan Muda di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Dasar utama penentuan lokasi pusat Rakan Muda ini ialah bilangan penduduk belia dan ketiadaan kompleks belia dan sukan negeri. Berasaskan perkiraan ini, taburan pusat rakan muda mengikut negeri ialah sebuah pusat bagi satu negeri, kecuali Perlis. Sementara di negeri-negeri Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Sabah dan Terengganu, dua buah pusat rakan muda akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan apakah kemudahan dan kelengkapan yang disediakan di pusat Rakan Muda tersebut, dan sama ada pengurusan atau pengendalian pusat-pusat tersebut akan diswastakan kelak?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sedang menyediakan satu module di mana dapat kita gunakan untuk semua pusat Rakan Muda di seluruh negara. Di antaranya adalah gelanggang sukan, sebuah perpustakaan dan kemungkinan kita akan ada satu ruang untuk muzik dan lain-lain. Tetapi ini semua adalah untuk menyebar semangat kesukanan di antara anak muda kita. Besar kemungkinan juga kita akan ada satu bilik konfrensi untuk membenarkan dan membolehkan para belia kita datang untuk mengadakan mesyuarah di antara mereka terutama sekali ahli-ahli persatuan.

Tentang pengurusan pusat Rakan Muda ini, satu keputusan muktamad belum diambil oleh pihak kementerian, tetapi ini adalah dalam perancangan dan jikalau terma-termanya adalah menarik mungkin akan diswastakan. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad belum diambil oleh pihak kementerian.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Perlis masih lagi dalam Malaysia. *[Ketawa]* Jadi, saya minta Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, apakah rasionalnya Perlis tidak diperuntukkan sebuah pusat Rakan Muda?

[Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena menunjuk 'signal' dengan jarinya]

Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena tunjuk macam ini *[sambil menunjuk jarinya]* kata kecil. Walaupun kecil ada Raja, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar khabar banyak rakan muda di Perlis ini, dia hijrah ke Hadnyai

sekali-sekala ya! *[Ketawa]* Sebenarnya, di antara sebab yang pusat Rakan Muda buat masa ini tidak dirancangkan di Perlis ialah kerana kita mempunyai satu Kompleks Belia dan Sukan Negeri yang begitu lengkap dengan semua kemudahan yang mungkin akan diadakan di pusat-pusat Rakan Muda. Dan oleh kerana Perlis adalah sebuah negeri yang kecil tetapi paling 'comel', jadi, buat masa ini rasanya oleh kerana kependudukan belia mereka tidak begitu ramai, maka tidak ada dalam rancangan. Walau bagaimanapun, akan saya sampaikan hasrat Ahli Yang Berhormat itu kepada Yang Berhormat Menteri, manalah tahu, insya-Allah, akan dapat kita pertimbangkan.

PERJANJIAN DAMAI MNLF - PENDIRIAN KERAJAAN MALAYSIA

11. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap dan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap perjanjian damai antara MNLF (Moro National Liberation Front) dan Kerajaan Filipina, serta langkah-langkah susulan yang akan diambil.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia mengalu-alukan pemeteraian perjanjian damai antara Moro National Liberation Front (MNLF) dan Kerajaan Filipina yang ditandatangani di Manila pada 2hb. September, 1996.

Dalam menyatakan sokongan Malaysia, kerajaan telah mengambil keputusan untuk menyumbangkan bantuan sama ada berbentuk moral atau material kepada Kerajaan Filipina dan Gabenor Nur Misuari. Dengan cara begini, Malaysia berharap keamanan dan pembangunan ekonomi yang akan wujud di selatan Filipina akan membina era baru ke arah kestabilan rantau Asia keseluruhannya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan menyedari betapa perjanjian damai yang dimeteraikan itu tidak melibatkan semua pihak sehingga diancam oleh pertempuran yang berlaku dan di sana masih ada kumpulan dan kepulauan yang tidak diberi perhatian dan dilibatkan seperti Moro Islamic Liberation Front (MILF) dan beberapa kepulauan yang lain yang tidak dilibatkan dalam perjanjian damai yang dimeteraikan, yang diambil kira hanyalah MNLF yang lebih aktif di luar negara, sedangkan kumpulan yang aktif di dalam negara di tengah masyarakat tidak dilibatkan.

Apakah suatu jaminan diberi oleh pihak Kerajaan Filipina, supaya hal-hal yang seperti ini tidak dijadikan kesempatan untuk melagakan di kalangan umat Islam di selatan Filipina.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di sini bahawa satu langkah dalam mencapaikan ke arah pembangunan atau kestabilan wilayah itu telah diwujudkan di antara Kerajaan Filipina dan MNLF itu adalah satu langkah yang penting dan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin adalah akan menjadi satu perkara yang boleh dikatakan yang akan dihadapi pada masa hadapan dalam cabaran yang akan dihadapi untuk mencapai kestabilan. Ini terserahlah kepada kerajaan dan ini adalah masalah dianggapkan sebagai satu perkara dalaman di kawasan itu.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengalu-alukan termeterainya perjanjian damai di antara Moro dengan Kerajaan Filipina. Soalan saya ialah, apakah kerajaan mempunyai rancangan dengan Gabenor Mindanao ini bagi menyelesaikan beberapa masalah, khususnya masalah pendatang tanpa izin yang ramai terdapat di Sabah dan juga Wilayah Persekutuan Labuan dan sekiranya ada rancangan tersebut, apakah bentuk rancangan yang telah dirancangkan?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kita tidak ada rancangan dengan Gabenor di kawasan itu dan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan Ahli Yang Berhormat, tetapi ingin saya menyatakan di sini bahawa perkara-perkara yang melibatkan negara Filipina dan Malaysia, kita sentiasa berusaha menerusi perbincangan perhubungan dua hala.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Tiong Thai King [Lanang] tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim.

[Soalan No.13 - Y.B. Tuan Ong Tin Kim [Telok Intan] tidak hadir]

TELEFON BIMBIT - JUMLAH SAMAN

14. **Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah saman yang telah dikeluarkan kerana kesalahan menggunakan telefon bimbit semasa memandu di:

(a) Lembah Kelang; dan

(b) di luar persekitaran Lembah Kelang.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

(a) bagi kawasan Lembah Kelang jumlah saman yang dikeluarkan adalah sebanyak 104;

(b) bagi kawasan di luar Lembah Kelang jumlah saman yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 368.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana masih ramai pemandu yang menggunakan telefon bimbit ini semasa memandu dan bilangan yang disebutkan itu jelas menunjukkan bahawa penguatkuasaan bagi menangkap mereka yang terlibat ini masih di tahap yang rendah.

Soalan saya, apakah ada peruntukan ataupun ada undang-undang bagi membolehkan orang awam untuk membuat laporan kepada pemandu-pemandu yang melanggar peraturan menggunakan telefon bimbit semasa memandu?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai kerajaan Kumpulan I memang boleh melaporkan mana-mana kesalahan melanggar undang-undang jalan raya kepada pihak JPJ ataupun kepada pihak polis bagi diambil tindakan. Bagi kes 'hand free telephone', saya suka mengulangi semula bahawa jika sabit kesalahan, yang punya diri boleh didenda RM1,000 ataupun tiga bulan penjara. Kesalahan yang kedua RM2,000 ataupun enam bulan penjara.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sejak peraturan ini dilaksanakan, adakah kadar kemalangan yang melibatkan masalah menggunakan telefon bimbit telah menurun dan kalau tidak, bukankah ini bermakna bahawa semua perbelanjaan oleh pihak kementerian untuk menjalankan iklan adalah merupakan satu usaha yang sia-sia sahaja. Apakah jumlah yang dibelanjakan oleh kerajaan untuk membayar bayaran iklan ini?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, memang peraturan ini telah dapat mengurangkan sedikit kemalangan walaupun tidak banyak. Jumlahnya kita belum ada lagi rekod yang menunjukkan berapa kemalangan yang telah dikurangkan. Dan berkaitan dengan jumlah yang telah kita belanjakan untuk iklan, saya perlu notis.

JALAN RAYA CHERAS-KAJANG - PENGAMBILAN TANAH OLEH GRAND SAGA

15. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bagaimanakah kedudukan terkini rancangan membina jalan enam lorong dari Cheras ke Kajang memandangkan penduduk yang terlibat dengan pengambilan tanah di kawasan berkenaan terus menunjukkan rasa tidak puas hati mereka kerana Grand Saga tidak menjalankan rundingan teratur dengan mereka walaupun baru-baru ini telah diadakan pertemuan dengan wakil-wakil penduduk, tetapi belum ada penyelesaiannya, apakah rancangan Grand Saga seterusnya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan terus melaksanakan pembinaan jalan raya Cheras-Kajang seperti yang telah dirancangkan. Malah kerajaan akan menambahkan lagi bilangan lorong jalan raya berkenaan daripada enam lorong kepada lapan lorong. Tambahan ini dibuat memandangkan jumlah kenderaan yang dijangka akan menggunakan jalan raya ini kelak akan bertambah sebaik sahaja ianya siap pada tahun 1999.

Berasaskan kajian lalu lintas yang telah dijalankan, didapati jumlah kenderaan yang melalui jalan ini telah pun jauh melampaui had kapasitinya.

Berkenaan dengan ketidakpuasan hati para penduduk bersabit dengan rancangan pengambilan balik tanah, kementerian telah dimaklumkan bahawa beberapa siri pertemuan telah diadakan di antara pihak Lembaga

Lebuhraya Malaysia, Pihak Berkuasa Tanah, pihak Grand Saga dan wakil-wakil penduduk. Melalui pertemuan-pertemuan ini, penduduk-penduduk yang terlibat telah dimaklumkan mengenai anggaran pampasan, penilaian serta jangkaan bayaran yang akan dibuat kepada penduduk.

Berasaskan pertemuan-pertemuan berkenaan, wakil-wakil penduduk telah diberi keyakinan bahawa kenaikan taraf Jalan Raya Cheras - Kajang ini, kelak akan memberikan manfaat bukan sahaja kepada para pengguna jalan raya amnya tetapi juga kepada penduduk-penduduk kawasan dari segi keselesaan memandu, keselamatan dan juga meningkatkan masa terbuang di jalan raya pada setiap hari.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian bercadang untuk mengadakan pertemuan dengan penduduk-penduduk di sekitar yang mengguna jalan itu?

Beberapa Ahli: Soalan, soalan!

Dr. Tan Seng Giaw: Itu soalan, Tuan Yang di-Pertua, susah kerana tidak mengerti apa soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak mengerti, jadi susah sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, silakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat atau kementeriannya bercadang untuk memungut suara daripada penduduk-penduduk di sekitar sama ada mereka hendak jalan itu ditolkan kerana daripada Grand Saga ini, grand tol akan diadakan. Bukan tol untuk 6 saluran bahkan tol untuk 8 atau 10 saluran. Itu grand, grand tol - tol raksasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebanyakan orang di situ tidak setuju kalau diadakan tol? Bolehkah kementerian itu mendapatkan wang daripada Kerajaan Persekutuan untuk memperbesarkan jalan tersebut? Sekian, terima kasih.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pungutan suara ataupun kehendak penduduk sekitar untuk mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak tertentu seperti Grand Saga, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Pihak Berkuasa Tanah dan sebagainya, itu bukan satu perkara yang tidak boleh diadakan. Tetapi, kita telah menjawab banyak kali soal tol di Dewan yang mulia ini, bahawa kalau orang yang tidak hendak gunakan jalan rol, mereka boleh gunakan jalan lama, iaitu jalan federal yang sedia ada.

Seperti jawapan saya awal-awal tadi siri pertemuan telah diadakan dengan penduduk di mana tanah mereka terlibat untuk tuntutan ganti rugi yang mana mereka akan dibayar ganti rugi berdasarkan berperingkat-peringkat sehingga tamat projek ini dijalankan dan kalau pihak-pihak yang berminat mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak tertentu, itu bukanlah satu masalah yang boleh dihalang, terserah kepada mereka, kita sentiasa bersedia mendengar pandangan pelbagai pihak khasnya rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 7, 12, 13 dan 16 hingga 36 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapan juta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." *[4hb. November, 1996]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman, sila berucap. Ya.

3.34 ptg.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang menyokong satu rang undang-undang bertajuk suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1997 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu.

Saya memang menyokong 100% impian kerajaan yang ingin melihat dunia yang lebih aman dan makmur, satu dunia yang mengikut peraturan dan tatacara yang lebih adil dan saksama. Yang sangat mengembirakan ialah kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bahawa masyarakat adil akan terbina apabila kemakmuran dan keselesaan bertebaran luas di kalangan rakyat dan tidak berlegar di sekeliling segelintir manusia.

Dari segi pendidikan, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM13.2 bilion daripada RM59.982 bilion yang diperuntukkan dalam belanjawan tahun ini. Pembinaan dan usaha menaikkan taraf sekolah teknik, vokasional dan politeknik memanglah langkah yang betul dan baik tetapi saya juga mengingatkan Kementerian Pendidikan supaya jangan mengabaikan tanggungjawab terhadap sekolah rendah dan sekolah menengah biasa, lebih-lebih lagi di Sarawak.

Di Sarawak, kekurangan yang masih wujud pada 1 Januari 1996 adalah seperti berikut:

(a)	bilik darjah sekolah rendah	- 2,398 buah
(b)	bilik darjah sekolah menengah	- 860 buah
(c)	makmal sains paduan	- 4 buah
(d)	makmal sains tulen	- 21 buah
(e)	bengkel ekonomi rumahtangga	- 11 buah
(f)	bengkel kemahiran manipulatif	- 8 buah
(g)	bengkel lukisan kejuruteraan	- 7 buah
(h)	asrama sekolah rendah	- 597 buah
(i)	asrama sekolah menengah	- 38 buah
(j)	rumah guru sekolah rendah	- 7,457 buah
(k)	rumah guru sekolah menengah	- 4,055 buah

Selain daripada itu, Sarawak juga memerlukan tambahan ataupun gantian bagi bilik darjah, makmal sains, bengkel kemahiran hidup, blok pentadbiran di sekolah-sekolah yang sedia ada. Pecahan projek yang diperlukan dalam kategori ini ialah seperti berikut:

(a)	bilik darjah	-	781 buah
(b)	makmal sains	-	103 buah
(c)	bengkel kemahiran hidup bersepadu	-	87 buah

Hingga masa sekarang, tidak banyak yang telah dibuat untuk mengatasi masalah ini di Sarawak kerana langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan kurang sesuai.

Pada masa sekarang, Kementerian Pendidikan telah mengarah Jabatan Pendidikan

Sarawak untuk melaksanakan projek pembinaan rumah guru luar bandar melalui Jabatan Kerja Raya Sarawak dengan melantik kontraktor yang berwibawa. Sebelum ini, rumah guru luar bandar adalah diuruskan oleh Jabatan Pendidikan Sarawak dengan memanggil sebutharga melalui Pegawai Pendidikan Bahagian dan Pegawai Pendidikan Daerah. Kesannya, prestasi pelaksanaan adalah 100% mengikut bilangan projek yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan.

Jabatan Kerja Raya Sarawak tidak mampu membina dan tidak mampu menjalankan tugas mereka, oleh kerana semua pembinaan rumah kerajaan di Sarawak adalah di bawah tanggungan JKR. Peruntukan kewangan yang diberi untuk pengurusan sekolah juga, Tuan Yang di-Pertua, perlu ditambahkan. Ini termasuk peruntukan makanan di sekolah asrama. Pada masa sekarang, para guru besar ataupun pengetua sentiasa diminta berjimat cermat. Ini memaksa mereka dan guru-guru memberi perkhidmatan yang kadang-kadang kurang dari memuaskan.

Baru-baru ini, kita telah dikejutkan dengan kebakaran di SRK Abang Moh Sesang, Saratok di Sarawak. Saya mengesyorkan Kementerian Pendidikan memberi peruntukan untuk pembelian alat-alat pemadam api. Peruntukan khas juga harus diberi supaya semua guru besar, pengetua, guru-guru, kakitangan dan murid-murid diberi latihan untuk mencegah kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana langkah-langkah yang telah diambil untuk membuat Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi di rantau ini. Tetapi saya ingin mengingatkan kerajaan supaya menentukan anak-anak muda kita tidak hanya menjadi penonton dalam perkembangan ini.

Setiap warga Malaysia yang ingin belajar mesti diberi peluang menikmati pendidikan yang akan menjadikan mereka sebagai warga Malaysia yang berpendidikan tinggi dan dapat menyumbang kepada negara. Langkah yang seperti ini juga akan meninggikan mutu tenaga manusia negara kita ini. Semua pertolongan yang harus diberi mesti diberi kepada semua penuntut kita. Semua murid dalam Tingkatan Enam yang hendak melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pengajian tinggi harus diberi peluang. Jika mereka tidak mempunyai kelayakan yang tinggi, yang memuaskan mereka harus disalurkan melalui kursus asas (*foundation course*), *dengan izin*.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun saya ditemui oleh murid-murid yang telah ditawarkan tempat di institusi-institusi pengajian tinggi, tetapi tidak mampu pergi ke tempat-tempat itu oleh kerana kekurangan wang. Saya mengesyorkan jika RM1.2 bilion yang telah diperuntukkan bagi biasiswa dan pinjaman persekolahan tidak mencukupi ia patut ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bosan menyentuh tentang perkara pengajian bahasa Iban di sekolah-sekolah menengah dan rendah di Sarawak oleh kerana ia adalah satu isu yang harus dihadapi dan harus diselesaikan. Apabila Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia yang masih bertugas sekarang mula menjalankan tugas beliau, slogan dan arahan yang telah dilaungkan oleh beliau adalah hasrat hendak mencapai kecacatan sifar (zero defect) dalam Kementerian Pendidikan.

Saya dan semua warga suku kaum Iban, kaum yang terbesar di Sarawak yang berjumlah 483,468 orang berasa lega dan gembira oleh kerana pada akhirnya ada seorang yang ingin membetulkan sesuatu yang salah, ingin meluruskan sesuatu yang bengkok, ingin menyempurnakan sesuatu yang masih belum sempurna. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, hingga hari ini nasib bahasa Iban belum terbela. Bahasa Iban telah mula diajar sejak tahun 1958, tetapi hingga masa sekarang bahasa Iban masih belum ditawarkan sebagai elektif di mana-mana maktab perguruan di Sarawak. Ini bererti semua guru yang mengajar bahasa Iban tidak terlatih.

Saya ingin tahu bilakah pengajian bahasa Iban akan dimulakan di maktab-maktab perguruan di Sarawak? Pada masa sekarang juga buku teks bahasa Iban masih belum mencukupi di sekolah-sekolah rendah. Jadi, saya ingin tahu bilakah buku teks akan dibekalkan kepada murid-murid di darjah 3, 4, 5 dan 6?

Pada masa sekarang tidak ada seorang pegawai yang bertanggungjawab kepada bahasa Iban diletakkan di Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Sarawak sejak tempat itu kosong, akibat seorang pegawai yang bertanggungjawab melanjutkan pelajaran beliau ke Amerika Syarikat. Saya ingin tahu bilakah kekosongan ini akan diisi?

Saya juga ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan, berapakah jumlah wang yang telah disalurkan melalui Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Sarawak untuk kursus-kursus dan latihan dalaman untuk bahasa Iban. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan yang memerlukan jawapan dan keadilan dengan segera dan saya berharap kecacatan sifar yang telah dijanjikan dapat ditunaikan dengan segera supaya guru-guru kita memberi sumbangan dan pengajaran yang bermutu tinggi dan murid-murid kita menjadi penuntut-penuntut yang bertaraf dunia (world class). Saya bercadang kurikulum di sekolah dikaji semula supaya pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah menjadi lebih focus, dengan izin.

Pada masa sekarang saya nampak terlalu banyak aktiviti kokurikulum, terlalu banyak kerja kursus, terlalu banyak kajian ini, kajian itu. Ini juga membebankan guru. Saya juga bercadang bilangan waktu mengajar, (teaching load) guru-guru dikurangkan supaya mereka dapat membuat persediaan mengajar, mengajar, membuat pembetulan dan tindakan susulan dengan berkesan, selesa dan sempurna. Cara menentukan pergerakan gaji guru-guru di mana mereka diberi pergerakan gaji yang sama ada 'mendatar', 'menegak' atau 'melintang' juga harus dimansuhkan. Oleh kerana ia sangat tidak sihat, disebabkan di sesebuah sekolah hanya seorang atau dua orang sahaja yang mendapat pergerakan gaji yang 'melintang' atau 'menegak'. Sistem ini memperkecilkan usaha guru-guru yang lain, merendahkan diri mereka (self-assurance), dengan izin, merendahkan moral, meruntuhkan semangat kerjasama dan semangat kekitaan di antara mereka dan membuat bilik guru menjadi medan peperangan di antara mereka. Kita harus ingat bahawa inilah golongan manusia yang diminta oleh masyarakat kita untuk menentukan semua anak-anak kita di Malaysia menjadi insan yang baik, seimbang, bersopan-santun, bernilai murni dan berketerampilan. Untuk menghasilkan generasi baru yang world class, dengan izin, kita mesti membasmikan kemiskinan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak saya masih nampak begitu ramai penduduk yang sangat miskin di kampung-kampung dan di rumah panjang. Ramai daripada mereka, saya lihat layak menikmati bantuan Program Pembasmian Rakyat Termiskin tetapi tidak juga diberi. Saya ingin tahu apakah kaedah yang telah digunakan untuk menentukan dan menjayakan program PPRT ini dan sama ada ia telah dijalankan dengan teliti. Saya juga minta penjelasan tentang program-program yang akan dijalankan di Sarawak pada tahun yang akan datang. Dari infrastruktur Tuan Yang di-Pertua, iaitu jalan raya dan jalan kampung, Sarawak masih jauh ketinggalan. Saya minta pelaksanaannya dipercepatkan. Jika jentera pelaksanaannya kurang, saya bercadang ia harus diswastakan.

Banyak tempat seperti di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di pedalaman di Sarawak berdekatan jalan raya yang dibina oleh syarikat pembalakan. Tuan Yang di-Pertua, saya merayu dan mencadangkan supaya jalan-jalan ini diambil oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kementerian selepas itu bolehlah membuat access road, dengan izin, dari jalan-jalan ini ke rumah-rumah panjang atau ke kampung-kampung yang berdekatan. Kaedah yang begini menguntungkan oleh kerana sebahagian besar jalan raya ini telah dibuat dengan baik. Kementerian juga akan menjimatkan wang oleh kerana pampasan untuk tanah dan tanaman telah diberi oleh syarikat-syarikat yang telah membina jalan-jalan itu. Sebagai galakan saya bercadang kita bolehlah memotong sebahagian daripada cukai pendapatan syarikat-syarikat pembalakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan hasrat kerajaan hendak menubuhkan Syarikat Perumahan Negara dengan dana berjumlah RM1 milion. Ini adalah langkah yang baik untuk membantu orang dari luar bandar yang berhijrah ke bandar dan membantu kita dalam membangun negara kita. Ia juga akan mengurangkan setinggan yang sekarang tinggal di pinggir sungai ataupun di bawah jambatan-jambatan. Harapan saya ialah semua bandar di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak akan diagihkan bantuan dari dana itu dan saya harap apabila warganegara kita sendiri telah berhijrah ke bandar, warganegara asing tidak akan datang ke Malaysia lagi, oleh kerana pendatang tanpa izin sekarang, Tuan Yang di-Pertua, berjumlah 3 juta orang. Ini adalah dua kali ganda dari penduduk-penduduk yang berada di Sarawak sekarang. Mereka membebankan sekolah kita, mereka memenuhkan rumah sakit kita, mereka bersaing dengan tenaga-tenaga kita, mereka juga membawa penyakit dan mereka juga mengancam keselamatan negara kita.

Kita mendengar pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, di Zaire ada satu juta orang, tetapi oleh kerana satu juta orang pendatang tanpa izin, kerajaan Zaire sekarang dekat 'tergolek'. Jadi, di Sarawak Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji langkah Kerajaan Negeri Sarawak dan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyekat pendatang tanpa izin ke Sarawak. Oleh itu, saya minta rancangan terperinci terus dijalankan supaya pendatang tanpa izin ini tidak datang lagi dan saya juga minta penjelasan dari kementerian, apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya pada tahun 2000 nanti tidak ada seorang pun pendatang tanpa izin berada di Malaysia, bersaing dengan kita dan membebankan kerajaan kita?

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat gulung ya.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya harap sektor-sektor yang menggunakan perkhidmatan pendatang asing tanpa izin ini boleh dikurangkan dan saya juga minta kerajaan membuat satu rancangan, satu pelan jangka panjang dan jangka pendek, untuk memikirkan semula ke arah mana ekonomi kita hendak pergi supaya kita dapat maju tanpa melibatkan pendatang asing tanpa izin ini. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Gelang Patah.

3.15 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1997 pada petang di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, Belanjawan 1997 merupakan satu pendekatan pihak kerajaan untuk terus merancang pembangunan negara kita pada tahun depan. Yang mana belanjawan ini juga merupakan salah satu daripada perancangan penting di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga satu rancangan yang mendukung matlamat Wawasan 2020.

Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan bahawa kemajuan dan pembangunan negara diteruskan pada tahun-tahun akan datang, demi menunjukkan pada dunia bahawa Malaysia boleh dalam apa jua bidang. Oleh yang demikian, saya berpendapat strategi Belanjawan 1997 yang bukan sahaja memastikan pertumbuhan ekonomi bagi tahun depan tetapi turut memberi penekanan terhadap pembangunan yang berkekalan bagi jangka pertengahan dan jangka panjang adalah strategi yang betul. Namun kita juga patut memberi perhatian terhadap beberapa isu yang penting pada peringkat pelaksanaan strategi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh telah mengenal pasti pengagihan kekayaan negara secara lebih adil dan saksama sebagai salah satu daripada cabaran yang perlu kita hadapi dalam tempoh masa pelaksanaan rancangan tersebut.

Justeru itu, adalah wajar belanjawan ini memberikan penekanan dan sumbangan yang sejajar dengan cabaran yang menuntut menegakkan keadilan sosial itu. Walaupun kita boleh merasa bangga dengan Menara Kuala Lumpur dan Menara Kembar KLCC yang melambangkan kemajuan dan pemodenan yang berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur.

Namun, mahu tidak mahu kita terpaksa mengaku bahawa di celah-celah bangunan pencakar langit yang berdiri megah itu, masih terdapat golongan yang hidup dalam keadaan yang miskin, papa di kawasan yang jauh daripada pusat pembangunan. Terdapat juga banyak keluarga yang gagal mengenal erti peningkatan taraf hidup berikutan pencapaian ekonomi yang cemerlang kerana bagi mereka semuanya tidak banyak berubah sejak merdeka.

Menurut perangkaan Bahagian Basmi Kemiskinan, Jabatan Perdana Menteri, pada tahun 1993 terdapat hampir seribu keluarga dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang dikategorikan sebagai keluarga termiskin, berdasarkan pendapatan purata ketua keluarganya kurang dari RM175.00 sebulan. Saya percaya di bandar-bandar besar yang lain misalnya Johor Bahru dan Pulau Pinang juga terdapat keluarga termiskin.

Tidakkah fenomena ini bersifat "irony", pada ketika kita hangat memperbincangkan angka peratusan sebenar rumah-rumah di negeri Johor yang dimiliki warganegara Singapura? Pernahkah terlintas dalam pemikiran kita, berapa ramaikah rakyat berpendapatan rendah di negeri itu yang masih menunggu-nunggu untuk diagihkan rumah kos rendah?

Dalam kawasan bandar itu sendiri sudah dapat kita mengerti apakah yang dimaksudkan pengagihan kekayaan yang tidak seimbang. Apatah lagi jika kita bandingkan antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar. Ternyata adalah menjadi tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan untuk mengecilkan jurang antara golongan yang berada dengan golongan yang tidak berada dalam negara ini tanpa mengira kaum dan kedudukan geography. Tentulah pendekatan yang diambil bukanlah menyekat atau menghalang golongan yang kaya daripada terus mengumpul kekayaan, tetapi yang harus dilakukan ialah membantu mereka yang lemah dan miskin supaya masa depan mereka lebih terjamin. Rancangan-rancangan perlu disusun supaya golongan yang tidak bermodal dan tidak mempunyai kemahiran diberi bantuan bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga dari segi pengubahan mentaliti dan latihan.

Pada hemat saya, kursus-kursus motivasi latihan kemahiran serta pendidikan vokasional adalah lebih memanfaatkan dalam konteks bagi membantu seseorang meningkatkan taraf hidupnya berbanding bantuan makanan dan kewangan yang berbentuk bantuan jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan penubuhan sebuah badan pada peringkat kebangsaan yang bertanggungjawab membina lebih banyak rumah kos rendah dan kos sederhana bagi golongan yang masih tidak mampu memiliki rumah sendiri, seperti yang dicadangkan dalam Belanjawan 1997.

Namun usaha bersepadu perlu diambil oleh pihak berkuasa pada semua peringkat untuk memastikan rumah-rumah ini tidak jatuh ke tangan mereka yang tidak layak memilikinya. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Dato' Dr. Ting Chew Peh sendiri mengakui bahawa bekalan rumah kos rendah di beberapa buah negeri adalah mencukupi tetapi kerana ia dijual tidak mengikut prosedur yang ditetapkan, maka ramailah pemohon yang layak gagal memperolehi rumah tersebut. Justeru itu, pihak kerajaan perlu mewujudkan satu sistem kawalan yang cukup rapi supaya bantuan yang diusahakan sampai kepada golongan sasaran yang perlu diberikan rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian juga perlu diberikan terhadap rancangan untuk mewujudkan pelbagai kegiatan ekonomi di luar bandar, bagi membebaskan golongan miskin daripada belenggu kemiskinan.

Perusahaan kecil yang banyak diusahakan di kawasan luar bandar juga harus diberi bantuan bagi memodenkannya. Di tengah-tengah keghairahan warga korporat tempatan mengalirkan wang pelaburan ke negara China, Vietnam, Cambodia, Filipina, Afrika Selatan dan seumpamanya, pihak kerajaan juga harus menggalakkan mereka melabur di kawasan luar bandar dalam kampung halaman sendiri.

Adalah jelas bahawa pembangunan luar bandar bukan sekadar agenda politik menjelang pilihan raya. Ia sama seperti isu kemiskinan di bandar, sebenarnya merupakan satu cabaran terhadap nilai kemanusiaan dan keadilan sosial yang perlu ditangani dengan bijak dan bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini, dalam perbincangan yang berkaitan dengan pembangunan, tumpuan selalunya banyak diberikan kepada sektor perkilangan. Pada hakikatnya, sektor perkhidmatan juga memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara kita.

Pada tahun 1995, sumbangan sektor perkhidmatan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sebanyak 44.2%. Pada tahun yang sama, sektor perkhidmatan menampung hampir 50% guna tenaga, manakala sektor perkilangan cuma 26%. Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991 hingga 2000 telah mencadangkan agar sektor perkhidmatan di negara ini dibangunkan sebagai sebuah industri penting yang meningkatkan pertumbuhan dan guna tenaga, di samping mengurangkan defisit akaun perkhidmatan dalam imbangan pembayaran. Dalam konteks ini, saya merasa gembira kerana nampaknya Belanjawan 1997 memberikan penekanan yang cukup memberangsangkan terhadap pertumbuhan sektor perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan sektor perkilangan secara am, sektor perkhidmatan adalah satu sektor yang lebih berintensif buruh dan masalah yang sering dikaitkan dengan aktiviti yang berintensif buruh adalah masalah daya pengeluaran yang rendah.

Sebagaimana yang ditonjolkan di dalam sebuah buku berjudul *"Post Capitalist Society"*, dengan izin, tulisan Peter Drucker:

"Cabaran baru yang dihadapi oleh masyarakat pasca kapitalis ialah daya pengeluaran pekerja umum dan pekerja

perkhidmatan. Oleh yang demikian, pembangunan sumber manusia juga patut dititikberatkan dalam dasar dan rancangan pembangunan kerajaan.

Dalam merealisasikan misi dan visi sesebuah negara secara amnya, dan dalam sektor perkhidmatan secara khasnya, pembangunan sumber manusia merupakan aspek penting dalam melaksanakan dan menjayakan pelbagai aktiviti yang dirancang."

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa membentangkan kertas kerja bertajuk, *"Malaysia: Melangkah Ke Hadapan"*, berkata:

"Dalam usaha kita untuk maju, tidak ada yang lebih penting daripada pembangunan sumber manusia. Daripada pengalaman dua dekad lalu berhubung dengan keajaiban ekonomi negara yang miskin dari segi sumber semula jadi, adalah jelas sumber utama mana-mana negara ialah bakat, kemahiran, kepakaran, kekreatifan dan semangat rakyat."

Beliau juga menambah:

"Tanpa ragu-ragu lagi, pada tahun 1990 dan selepas itu, Malaysia mesti memberi penekanan sepenuhnya, mungkin kepada pembangunan sumber utama ini."

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sifat sektor perkhidmatan yang berintensif buruh dan juga menyedari bahawa golongan pelanggan yang menggunakan perkhidmatan ini bukanlah terbatas kepada penduduk tempatan, maka adalah wajar agar kualiti perkhidmatan dan produktiviti sektor perkhidmatan negara kita dipertingkatkan dengan rancangan pembangunan sumber manusia yang tersusun.

Ini adalah penting, bukan sahaja kerana soal pertumbuhan sektor perkhidmatan itu sendiri, tetapi juga kerana kecekapan sektor perkhidmatan merupakan kriteria utama yang diambil kira oleh pelabur asing ketika mereka mencari lokasi pelaburan yang sesuai. Misalnya, syarikat-syarikat yang sedang mempertimbangkan kemungkinan untuk membuka pejabat mereka dalam kawasan multimedia super corridor tentulah bukan sahaja tertarik dengan taraf perintis selama 10 tahun yang membolehkan mereka menikmati pengecualian cukai dalam tempoh masa itu, mereka juga akan mempertimbangkan kualiti sektor perkhidmatan dan juga program pembangunan tenaga manusia negara ini yang juga merupakan faktor kritikal dalam menentukan jaya atau gagalnya pelaburan mereka dari segi jangka panjang.

Saya berharap dalam usaha negara kita mengejar cita-cita untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, kursus-kursus yang berorientasikan pembangunan sumber manusia mendapat tempat yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pemeliharaan alam sekitar. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini memuji pihak kerajaan kerana tidak mengabaikan isu pemeliharaan alam sekitar dalam Belanjawan 1997. Sesungguhnya, persoalan pemeliharaan alam sekitar tidak harus dilihat sebagai satu usaha yang akan membantutkan pembangunan negara.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa semua negara yang sedang membangun memerlukan sumber alam semula jadi bagi meningkatkan kualiti hidup rakyatnya. Walau bagaimanapun, penggunaan sumber semula jadi yang tidak terancang dan juga aktiviti pembangunan yang tidak terkawal atau tidak mesra alam akan meninggalkan kesan yang bakal memudaratkan generasi akan datang mengaut keuntungan untuk generasi ini di atas kos generasi akan datang, tentulah bukan satu perancangan yang bijak.

Berhubung isu ini, saya menyarankan agar pihak kerajaan dapat mempergiatkan bantuan terhadap program penyelidikan dan pembangunan yang melibatkan kitar semula (recycling) bahan-bahan yang telah digunakan. Sepanjang pengalaman saya, selama ini aktiviti kitar semula yang giat dijalankan di Malaysia hanyalah tertumpu kepada surat khabar lama atau bahan buangan lain dalam bentuk kertas.

Sebenarnya, kita masih mempunyai banyak ruang yang perlu diterokai dalam mengitar semula bahan plastik, tin minuman, bahan pembinaan dan seumpamanya. Program Penyelidikan dan Pembangunan dalam bidang ini memakan kos yang tinggi dan juga memerlukan tenaga pakar yang selalunya tidak dapat dibekalkan oleh pihak swasta, melainkan dengan bantuan dan sokongan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan alam sekitar dalam konteks yang global bukanlah hak milik mana-mana kerajaan secara peribadi, saya

berharap kesungguhan pihak kerajaan dalam menjaga mutu alam sekitar dapat diperluaskan kepada komitmen tegas pada peringkat wilayah dan seterusnya peringkat antarabangsa.

Sebagai contoh, masalah pencemaran Selat Melaka dan masalah jerebu di negara-negara ASEAN tidak dapat diselesaikan secara sempurna dengan hanya bergantung kepada penggubalan polisi-polisi pemeliharaan alam sekitar di peringkat nasional.

Masalah ini menuntut komitmen yang lebih daripada itu. Ia memerlukan kerjasama serantau di kalangan negara-negara jiran. Justeru itu, saya harap pihak Kerajaan Malaysia dapat memainkan peranan yang proaktif dalam mempelawa negara-negara jiran untuk sama-sama berbincang mencari penyelesaian kepada masalah pencemaran alam sekitar yang sedang dihadapi bersama.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata kesempurnaan Belanjawan 1997 bergantung kepada setakat manakah kesungguhan kita berpegang kepada strategi pembangunan yang ditetapkan ketika melaksanakan program-program yang terkandung dalam Belanjawan 1997 itu dengan mengambil kira kedua-dua kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang terhadap aspek pembangunan ekonomi, sosial dan politik negara. Di samping itu, prinsip keadilan sosial dalam erti kata pengagihan hasil pembangunan negara yang saksama dan seimbang perlu sentiasa dipertahankan dalam usaha kita mengejar kemajuan dan kecemerlangan.

Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Cheras.

4.12 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan 1997, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ada menyentuh politik wang dan rasuah apabila beliau merujuk ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Presiden UMNO di Perhimpunan Agung UMNO pada bulan lalu yang menyatakan tentangannya terhadap amalan rasuah. Sambil mengajak rakyat dan kita semua bermunasabah, beliau tidak menyentuh langsung langkah-langkah tegas yang patut kerajaan ambil.

Baik Perdana Menteri mahupun Menteri Kewangan, mereka tidak mencadangkan langkah konkrit, berkesan dan bermakna bagi mengatasi gejala rasuah dan amalan politik wang yang kian menular dalam masyarakat. Mereka nampaknya gagal membuat saranan yang boleh membawa perubahan besar dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negara dan kerajaan bagi membanteras amalan rasuah. Mereka sengaja tidak mahu serius untuk menyekat amalan buruk yang boleh merosakkan negara sedangkan mereka berkuasa melakukannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang pula dalam ucapannya telah menyeru kerajaan. Sememangnya saya menyokong pandangan beliau bahawa kerajaan hendaklah mempunyai keazaman politik yang kuat dan keberanian untuk melakukannya. Pada saya, jika kita mahu bertegas dan memastikan yang negara kita terselamat dan amalan rasuah berada pada tahap yang rendah sekali, kerajaan hendaklah mengotakan janjinya untuk mewujudkan kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Untuk berjaya memenangi penghormatan dunia, maka wajiblah kita mengadakan pemulihan besar-besaran (massive reform) ke dalam sistem perundangan negara ini.

Untuk memperbaharui kepercayaan rakyat terhadap sistem politik negara kita sebagai mengisi aspirasi dan semangat Wawasan 2020 dengan meletakkan hasrat mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas dari amalan rasuah, bersih, cekap dan amanah sebagai salah satu dari sembilan cabaran yang perlu diatasi oleh negara, maka untuk mencapai objektif ini salah satu penyelesaian yang terbaik ialah rangkaian undang-undang yang ada hubungkait dengan amalan rasuah hendaklah diperketatkan. Amalan rasuah yang semakin rumit serta sukar dibuktikan menjadikannya susah dibanteras.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mencadangkan beberapa saranan praktikal dan sesuai untuk merubah keadaan yang nampaknya tenang tetapi bermasalah. Saranan atau langkah yang pertama yang saya ingin cadang di sini ialah supaya digubalkan suatu akta bernama Akta Kawalan Sumbangan dan Derma Politik (Political Contribution and Donation Control Act). Pihak kerajaan hendaklah bertanggungjawab menggubal rang undang-undang tersebut untuk dibentang, dibahas dan diluluskan oleh

Parlimen, yang antara lain bertujuan untuk mengehadkan secara mandatory semua sumbangan sama ada wang tunai atau material baik untuk calon-calon pilihan raya daripada parti pemerintah mahupun pembangkang, calon bebas yang disumbangkan oleh orang perseorangan, syarikat, korporat, pertubuhan sukarela dan sebagainya.

Selama ini saya mendapati tidak ada satu undang-undang yang ketat dan dapat mengawal sumbangan wang kepada parti-parti politik. Kawalan sumbangan ini perlu untuk mengetahui sumber sebenar sumbangan itu datang. Ini serius kerana sungguhpun parti-parti pemerintah yang berkuasa sejak merdeka iaitu Barisan Nasional, mereka tidak mengumumkan bagaimana mereka mendapat sumber sumbangan bagi membiayai kempen calon mereka yang bertanding dalam pilihan raya. Semua rakyat tahu bahawa parti-parti komponen BN sangat kaya dan ada tabung khas. Bagaimana mereka mendapat sumbangan? Tidak ada jalan kecuali sumbangan derma besar (big bugs), beratus-ratus korporat besar, usahawan, jutawan yang rapat dengan pemimpin-pemimpin kerajaan kepada mereka. Semua derma ini rahsia, tidak payah diumumkan kepada orang ramai kerana mereka rasa yang mereka tidak perlu accountable kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, setiap pilihan raya umum atau pilihan raya negeri-negeri Sabah dan Sarawak ataupun pilihan raya kecil, bukan sedikit wang yang dibuang untuk memastikan kemenangan calon-calon BN termasuk usaha untuk membeli calon-calon atau wakil-wakil rakyat bukan BN hingga berjuta-juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini nampaknya tenang tetapi apabila diselami, ianya satu hal yang serius. Saya merasakan perlu undang-undang untuk menyekat amalan ini. Untuk perhatian Dewan, banyak derma yang dihulurkan ini tidak ada masalah kerana penderma rasa boleh menderma dan si penerima rasa boleh menerima. Ia tidak sebegitu mudah kerana derma-derma ini boleh bertukar menjadi rasuah politik dan ia mempunyai kesan yang berbeza. Maksud syarikat-syarikat besar, korporat, usahawan, peniaga-peniaga besar rela atau sudi menderma kepada parti-parti pemerintah bukanlah tidak boleh dibaca oleh rakyat.

Parti-parti pemerintah tidak boleh menafikan hakikat bahawa rakyat jelata memang mengesyaki dan syak ini memanglah tulen kerana kalau penderma sudah keluar banyak wang tidak mungkin mereka tidak meminta sesuatu pertolongan (favour) daripada pemimpin-pemimpin kerajaan dan tentulah mereka mempunyai maksud di sebalik derma-derma mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan ini bukan tidak berasas kerana sudah beratus-ratus atau sebilangan besar projek kerajaan baik peringkat nasional mahupun peringkat tempatan yang menghasilkan keuntungan lumayan diberikan kepada para penderma tadi yang ada hubungan rapat dengan pemimpin-pemimpin BN tanpa perlu melalui tender terbuka atau mereka diberikan permit lesen, tanah atau sesetengah hak pembangunan dengan disertakan pelbagai kemudahan. Yang lebih membimbangkan rakyat ialah parti-parti dalam kerajaan ini terpaksa tunduk kepada kemahuan para penderma besar sehingga suatu peringkat di mana para penderma itu dapat mempengaruhi proses pemutusan dasar kerajaan dan inilah peringkat yang paling teruk sekali. Rakyat juga bimbang jika derma tersebut tidak dikawal atau ditapis dengan ketat, barangkali sebahagian besar derma yang diterima oleh parti-parti pemerintah adalah daripada mereka yang terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral, misalnya pengedar dadah.

Bagi seorang ahli politik biasa, jika ada terima banyak derma, maka dia pun terpaksa tunduk kepada permintaan penderma untuk berbuat sesuatu sedangkan kadangkala ia bertentangan dengan prinsip dan akal sedar seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab kepada para pengundi mereka. Dia rela jual maruah untuk memulangkan pertolongan yang pernah diberikan oleh penderma berupa bantuan wang dalam jumlah yang besar. Baik semasa, sebelum atau selepas pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini merupakan sejenis rasuah walaupun sukar dibuktikan oleh pihak berkuasa, misalnya dalam pemberian tanah yang diluluskan oleh Exco Negeri. Apa yang saya ingin titikberatkan di sini bahawa undang-undang mestilah dilulus dan dikuatkuasakan untuk melarang penggunaan wang badan korporat, jutawan penderma, syarikat dan orang perseorangan yang secara langsung atau tidak langsung bagi tujuan politik. Bukan sahaja dalam pilihan raya, tetapi pada bila-bila masa pun.

Saya harap kerajaan bersetuju dengan cadangan DAP bahawa tanpa sistem kawal selia yang berkesan dan ketat, semua usaha kempen atau slogan antirasuah tidak akan pergi ke mana-mana kerana ia tidak menghasilkan jalan penyelesaian yang kukuh. Dengan memperkenalkan satu undang-undang yang memakai apa pun nama atau tajuk, saya harap ianya dapat mengehadkan jumlah derma yang boleh seseorang calon parti atau ahli menerimanya daripada para penderma. Misalnya, jika amaun derma seseorang individu bernilai RM5,000 ke atas atau RM10,000 dan ke atas daripada sesebuah syarikat atau pertubuhan, ia mesti diwartakan dalam warta kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional benar-benar ingin membuktikan keikhlasan dan kejujuran mereka, maka patutlah mereka menyokong cadangan ini, kerana dengan cara ini barulah boleh disebut bahawa mereka 'bikin serupa cakap,' bertabiat bersih, jujur dan boleh digelar ahli politik yang waras dan akal sedar. Saya menggesa kerajaan melakukan perubahan ini bukan maksud saya mencabar, kerana mereka di situ tidak suka dicabar. Tetapi ini merupakan satu cadangan yang ikhlas dan sentiasa dialu-alukan oleh rakyat jelata yang berhasrat mewujudkannya sebuah kerajaan dan sistem politik yang bertanggungjawab, dihormati, bersih dan bebas dari amalan rasuah.

Dalam pada itu, kerajaan harus ingat terdapat ahli-ahli politik yang tamak, rakus, khasnya mereka yang memegang jawatan yang mempunyai kuasa, tetapi mereka tidak ada kewarasan dan suara hati yang murni yang mana kemungkinan mereka sanggup atau tergamak menjual maruah diri, bangsa dan rakyat yang diwakili semata-mata untuk keuntungan peribadi. Saya memberi jaminan bahawa DAP sedia sokong jika kerajaan sedia menggubal dan membentangkan rang undang-undang yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang kedua yang saya ingin cadangkan di sini ialah Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 dan Akta Pencegah Rasuah 1961 dan apa jua undang-undang negara bersabit dengan amalan rasuah hendak disemak, dikaji dan diperluaskan skopnya meliputi pertambahan kuasa untuk membanteras rasuah. Tidak lama dahulu, bekas Ketua Pengarah Biro Pencegah Rasuah pernah berkata bahawa kerajaan sedang mengkaji ke arah menaikkan skop kuasa akta-akta berkaitan rasuah supaya BRP mendapat lebih kuasa untuk membanteras rasuah. Selepas itu, saya tidak tahu apakah perkembangan terhadap pengumuman itu. Ini merupakan satu hakikat bahawa BPR memang badan atau agensi yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, tetapi ia terlalu lemah, tidak ada kuasa menangkap. Kalau tidak mengapa ikan-ikan bilis kerap terperangkap dan ditangkap, tetapi buaya terlepas sahaja tanpa diadili. Misalnya, Perdana Menteri pernah berkata, gejala amalan rasuah dalam UMNO sangat teruk, tetapi beliau tidak boleh berbuat apa-apa, hanya sekadar luahkan suara hati yang sakit dan kecewa akan perilaku yang buruk ini.

Masalah sekarang ialah gejala rasuah dalam BN, terutama UMNO, pentadbiran kerajaan tidak dapat dibanteras, sukar dikawal, malah dihapuskan, kerana negara kita masih kekurangan badan yang benar-benar bebas, berkuasa penuh. Sungguhpun ditugaskan mengendalikan hal-hal rasuah, tetapi BPR bertanggungjawab di bawah JPM. Apakah kebebasan yang BPR miliki jika ia terpaksa mengikut telunjuk JPM untuk menyiasat dan membuat dakwaan bagi sesuatu kes rasuah? Mereka akan bertugas atas arahan. Tanpa arahan pihak JPM BPR macam kucing sedang tidur. Tidak boleh memudaratkan sesiapa pun.

Tambahan pula mengenai peranan media massa. Media massa yang mempunyai peranan sosial untuk menyiasat dan membanteras rasuah, tetapi kini media massa dikawal ketat oleh kerajaan. Dan dalam banyak peristiwa, media massa terpaksa mengadakan sekatan sendiri dengan tidak melaporkan kes-kes rasuah yang sebenar. Ini bererti media massa menghadapi pengehadkan 'constrain' dan ketakutan bagi ia memain peranan yang berkesan untuk merealisasi satu sistem politik pentadbiran yang bersih. Apa yang Perdana Menteri katakan bahawa rasuah di negara Barat lebih teruk dan dahsyat kerana menteri-menteri kerajaan ditangkap, didakwa dan dihukum. Memang betul percakapan beliau itu, kerana negara-negara tersebut mengamalkan sistem terbuka, liberal dan adil, di mana media massa diberi tugas memainkan peranan penting. Mereka tidak disekat untuk menyiarkan skandal, di samping peranan berkesan, parti-parti pembangkang, di sana diberi kebebasan membangkitkan isu-isu tersebut.

Media massa di sana dibenarkan mendedahkan penyelewengan yang dilakukan baik oleh Perdana Menteri atau menteri-menteri tersebut. Jika rakyat tak faham, mereka akan percaya bulat-bulat kata Perdana Menteri tadi. Sebaliknya di negara ini, BPR tiada kuasa, media massa disekat melaporkan skandal rasuah pihak atasan meskipun terdapat bukti sahih. Mereka tidak dibenarkan melapor kerana sentiasa dibelenggu oleh undang-undang seperti OSA. Jadi, macam mana mereka boleh main peranan berkesan, kerana mereka tidak melapor walaupun kita bangkitkan di Dewan ini. Jadi, rakyat tidak dapat gambaran jelas, skandal rasuah pihak berkuasa di sini. Bukan bermakna Malaysia tidak berlaku rasuah. Tetapi apa yang terjadi ialah coverup oleh pihak kerajaan sendiri. Jadi, media massa di sini tidak boleh main peranan macam media di Barat.

Tuan Yang di-Pertua, DAP kerap menyuarakan supaya kerajaan memberi kuasa penuh dan kebebasan kepada BPR. Saya ingin menyeru sekali lagi kepada kerajaan supaya ditingkatkan fungsi dan bidang kuasa BPR dengan mengeluarkannya dari JPM dan menjadi badan yang benar-benar bebas dan hanya bertanggungjawab kepada Parlimen. Untuk tujuan ini, saya ingin mencadangkan supaya Parlimen menubuhkan sebuah jawatankuasa khas antirasuah yang diketuai oleh Ketua Pembangkang dan ahli-ahlinya terdiri dari semua parti. Jawatankuasa ini akan menjadi watchdog kepada BPR yang sudah dibebaskan dari JPM dan ia bertanggungjawab mengemukakan laporan dan rekomendasi untuk pertimbangan Parlimen. Saya yakin langkah ini boleh membantu dalam membanteras amalan rasuah politik wang pada jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ketiga yang saya ingin mencadangkan dalam kaitan ini adalah Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 yang sekarang mengehadkan amaun perbelanjaan pilihan raya bagi calon Dewan Undangan Negeri sebanyak RM30,000 manakala Dewan Rakyat sebanyak RM50,000 seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 19 akta berkenaan. Sungguhpun terdapat peruntukan untuk mengehadkan amaun perbelanjaan pilihan raya, apa yang berlaku sebenarnya ialah calon pilihan raya BN masih berbelanja lebih dari amaun yang dibenarkan, kadangkala sampai berjuta-juta ringgit bagi merebut kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Amalan yang tidak sihat ini tidak berbeza dengan amalan membeli undi. Maka Suruhanjaya Pilihanraya patut diarahkan mengkaji semula peruntukan-peruntukan yang mengawal perbelanjaan pilihan raya dan untuk memastikan pilihan raya dijalankan dengan bersih adil, mestilah ada satu kaedah atau langkah untuk mengawal perbelanjaan berlebihan dan 'unfair advantage' oleh calon-calon yang bermain politik wang.

Adalah satu irony.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Tan Kok Wai: Saya gulung sekarang. Adalah satu irony bagi calon-calon yang berbelanja besar dalam kempen pilihan raya mereka hingga mencecah angka ratus ribu dan berjuta ringgit, tetapi apabila mereka mengemukakan penyata perbelanjaan pilihan raya kepada Pejabat SPR, mereka hanya mencatatkan amaun perbelanjaan yang sedikit sahaja iaitu di bawah amaun yang dibenarkan sambil disokong oleh resit dan baucer yang sesuai. Pihak SPR pun tidak pernah menyiasat sejauh mana kebenaran dan kesahan perbelanjaan pilihan raya seseorang calon. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Bharu.

4.31 ptg.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu[: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Belanjawan 1997, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan semua pihak yang telah mengalu-alukan penyatuan kami, bekas Ahli Parti Melayu Semangat 46 dengan keluarga kami dari UMNO sekarang.

Kami tidak pernah keluar dari parti UMNO asal, hanya setelah UMNO asal dibatal pendaftarannya pada tahun 1988 dan UMNO sekarang didaftarkan, kami dilarang menyertainya. Waktu itu almarhum Tunku Abdul Rahman dan Allahyarham Tun Hussein Onn yang berpihak kepada kami turut di senaraihitamkan. Kini, Alhamdulillah, semua itu telah berlalu dan suasana berubah kepada

perpaduan. Semangat perpaduan Melayu yang diasaskan pada tahun 1946, iaitu 50 tahun yang lalu, mungkin antara faktor mendorong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO sekarang menghulur tangan persahabatan kepada kami. Saya dan rakan-rakan yang mendukung Parti Melayu Semangat 46 semenjak penubuhannya pada tahun 1989 memang sangat sedih apabila terpaksa membubarkan parti yang kami sayangi itu pada 6hb. Oktober 1996, tetapi kami sedar parti kami itu adalah semata-mata alat, bukan matlamat. Parti kami itu ditubuh untuk menghidupkan UMNO asal dan memperjuangkan semangat UMNO asal.

Setelah dua pilihanraya umum 1990 dan 1995, kami sedar isu menghidupkan UMNO asal tidak lagi menjadi isu utama politik tanahair. Lagipun kami yakin perjuangan kami boleh diperhebatkan melalui UMNO sekarang. Kami percaya, keluarga kami dalam UMNO sekarang akan menyambut baik perjuangan untuk menjadikan Islam unsur terpenting atau unsur utama kekuatan bangsa Melayu dan menjadikan agenda penting soal masa depan Melayu, keselamatan Melayu, maruah Melayu, pendidikan orang Melayu, bahasa dan budaya Melayu, serta pembinaan bangsa Malaysia yang berteraskan Melayu. Bukanlah pula bermakna perjuangan itu menjejas keadilan untuk semua. Sama-samalah kita terus bekerja keras bagi memastikan keadilan untuk semua tercapai.

Sebarang penyelewengan yang membantut pencapaian matlamat keadilan untuk semua harus diperangi dengan gigih. Setelah mendengar, membaca dan menghayati ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, khususnya yang menyentuh pembinaan kekuatan negara berteraskan tamadun cemerlang, saya bertambah yakin, Ahli-ahli Parlimen harus lebih berani menegak yang hak dan menegah yang mungkar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat yang diberikan untuk perbahasan, saya suka menyentuh dua atau tiga perkara sahaja. Pertama, saya suka menyentuh peruntukan yang begitu besar untuk mempertingkatkan syiar Islam, iaitu sejumlah hampir RM1 bilion. Saya percaya dengan peruntukan begitu besar, pihak-pihak yang bertanggungjawab akan lebih cergas berikhtiar membantu masyarakat Islam, khususnya Melayu Islam dari terus bergelumang dalam masalah sosial. Cukup memalukan apabila masalah AIDS, HIV, penagihan dadah, buang anak, deraan anak, deraan isteri, rogol, bohsia dan bohjan kesemuanya dikait dengan masyarakat Melayu Islam pada peratusan yang tinggi, melebihi jumlah peratusan kependudukan Melayu di Malaysia.

Penduduk Melayu tidak sampai 70%, hanya lebih sedikit dari 50%, tetapi angka peratusan penglibatan Melayu dalam beberapa masalah itu kadang-kadang melebihi 70%. Pastinya telah berlaku kegagalan besar di pihak pendidik dan pemimpin-pemimpin Islam. Islam yang harus menjadi kekuatan tidak menjadi realiti. Mengapa? Mungkinkah Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu lebih bersifat ritual - pelaksanaan tanpa mengerti.

Oleh itu, suka saya mencadangkan supaya kerajaan mewajibkan bahasa Arab iaitu bahasa al-Quran sebagai mata pelajaran wajib bagi semua pelajar Islam dan dipelajari dari peringkat sekolah rendah sehingga menengah. Penekanan hendaklah kepada membantu pelajar-pelajar menghayati Islam. Kebanyakan kita yang belajar bahasa Inggeris dari peringkat tadika hingga ke universiti merasakan bahasa itu telah sebati dengan kita, walaupun ia bukan bahasa ibunda. Generasi Melayu Islam akan datang harus merasai selesa dengan bahasa Melayu dan bahasa Arab, di samping berupaya berbahasa Inggeris. Pengajaran Islam juga hendaklah berubah, lebih moden, lebih inovatif dari segi pendekatannya. Akhir sekali, pemimpin-pemimpin yang beragama Islam, lebih-lebih lagi ahli-ahli politik perlu sentiasa sedar bahawa hendak tidak hendak atau mahu tidak mahu mereka adalah role model dan menjadi ikutan.

Mengikut sebuah kajian oleh para pengkaji dari beberapa buah universiti tempatan pada tahun 1994, 38% anak-anak muda yang dikaji telah memilih ahli politik sebagai role model berbanding dengan 13% yang memilih ibu bapa sebagai role model. Harus juga disedari bahawa dari kajian itu, telah menyatakan 45% anak-anak muda dari luar bandar memilih ahli politik sebagai role model. Oleh itu, janganlah kita, ahli-ahli politik bersifat ketam menyuruh anaknya berjalan lurus.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya menyentuhkan adalah permasalahan wanita. Saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa permasalahan wanita harus dilihat dalam

konteks keadilan, bukan semata-mata jantina. Peruntukan khas sebanyak RM50 juta di bawah Belanjawan 1997 memungkinkan banyak program dan tindakan boleh dilakukan bagi mengatasi permasalahan wanita dalam bidang pendidikan, kesihatan, ekononi dan bagi mengatasi kelemahan penguatkuasaan dan pentadbiran Islam dan mahkamah syariah.

Dahulu, kerajaan pernah memperuntukkan RM20 juta, tetapi hanya RM7 juta lebih sedikit dipergunakan. Saya sangat berharap keadaan itu tidak akan berulang lagi. Pertubuhan-pertubuhan wanita yang cergas dan badan-badan bukan kerajaan yang mampu membantu wanita harus diberi sokongan kewangan dengan secukupnya. Kerja-kerja begitu banyak sekali. Kita agak ketinggalan dalam banyak aspek. Kita belum menubuh mekanisme yang boleh memonitor atau mengawasi CIDAW iaitu konvensyen bagi membanteras diskriminasi terhadap wanita. Konvensyen itu juga memerlukan kerajaan memastikan persamaan hak antara wanita dan lelaki.....

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jerlun bangun.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Minta maaf ya, saya tidak cukup masa. ....memastikan persamaan hak antara wanita dan lelaki dalam bidang pendidikan, kesihatan, pekerjaan, penglibatan politik dan lain-lain. Perkara IV, konvensyen itu menghendaki kerajaan mengambil langkah-langkah khas, tetapi secara sementara bagi mencapai persamaan dari segi martabat, maruah, hak, peluang dan tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, pelan tindakan pembangunan wanita yang ditunggu-tunggu tidak seharusnya terperangkap dalam rhetorik. Pelan tersebut mesti meletakkan target yang konkrit bagi semua bidang atau perkara untuk dicapai dalam tahun 1997, 1998, 1999, tahun 2000 dan seterusnya. Ini akan menyenangkan monitoring kejayaan sesuatu strategi. Misalnya, setelah hampir 40 tahun negara merdeka, peratusan ahli Parlimen wanita masih di takuk lama, malah ia telah merosot dari lebih 11% pada tahun 1990 kepada 10.3% pada tahun 1995. Kemerdekaan negara dicapai oleh gandingan usaha lelaki dan wanita dalam konteks keadilan. Wanita dan lelaki harus diimbang - harus imbang dalam pemerintahan negara.

Maka saya suka mencadangkan supaya pelan tindakan itu diletakkan sebagai target angka 50% kerusi Dewan Negara diperuntukkan untuk wanita dan pengisiannya dicapai sepenuhnya dalam masa 10 tahun. Saya mencadangkan 20% - 25% harus tercapai dalam tahun 2000. Pelan tindakan itu juga harus berani meletak angka-angka yang munasabah bagi setiap majlis, lembaga, jawatankuasa atau apa jua badan yang membuat dasar di mana kerajaan ada kuasa perlantikan.

Pengisian tidak menjadi masalah kerana sudah terdapat begitu ramai wanita yang berkelayakan, malah kerajaan ada banyak pilihan. Saya percaya kerajaan kini sedar bahawa wanita sudah letih mendengar retorik kata-kata manis yang tidak diikuti dengan tindakan yang berkesan. Ahli-ahli Parlimen wanita bersedia dan saya yakin Ahli-ahli Parlimen lelaki juga bersedia membantu kerajaan dalam usaha murni ini.

Suka saya mengulangi sekali lagi pandangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang pasti dipersetujui semua Ahli Parlimen lelaki dan wanita iaitu permasalahan wanita haruslah dilihat dalam konteks keadilan. Sama-samalah kita perbetulkan apa yang pincang. Sehubungan dengan ini, saya ingin menyatakan penghargaan kepada Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Rakyat di atas sokongan beliau kepada kemajuan wanita dan khususnya kerana menjadi tuan rumah kepada Persidangan Antarabangsa Yang Kedua Ahli-ahli Parlimen Wanita dari Negara-negara Islam pada 29hb. Julai hingga 31hb. Julai, tahun ini.

Minat mendalam Yang Berhormat Tan Sri itu yang ketara telah mendorong peserta-peserta persidangan itu mengorak langkah menubuhkan Pertubuhan Ahli-ahli Parlimen Wanita Dari Negara-negara Islam (Organisation of Women Parliamentarian From Muslim Countries), dan meluluskan sebuah Pelan Tindakan Dunia (World Action Plan). Semoga contoh baik Yang Berhormat Tan Sri itu menjadi ikutan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan masa tidak mengizinkan, maka saya ingin membicarakan seperkara sahaja lagi iaitu permasalahan masyarakat Orang Asli. Bagi memastikan keadilan untuk semua, haruslah kelompok ini yang agak ketinggalan jauh diberi keutamaan. Oleh itu, saya ingin bertanya dari jumlah

RM7.051 bilion yang diperuntukkan bagi pembangunan kawasan desa dan pedalaman, berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk membangun kawasan atau perkampungan masyarakat Orang Asli? Begitu juga, dari jumlah RM726 juta peruntukan untuk prasarana asas seperti jalan, bekalan air serta elektrik, berapakah yang diperuntukkan untuk kampung-kampung masyarakat Orang Asli. Apakah Amanah Ikhtiar Malaysia yang disalurkan RM200 juta akan menggunakan sebahagiannya untuk Orang Asli? Bagaimana dengan peruntukan sebanyak RM289 juta untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), adakah Orang Asli tersenarai dalam pendaftaran program itu?

Kita semua maklum, masyarakat Orang Asli merupakan salah satu kelompok yang sukar keluar dari belenggu kemiskinan. Mereka bukan sahaja miskin, tetapi sesetengah ahli antropologi mendefinisikan mereka sebagai kelompok yang masih primitif dari segi minda, kehidupan dan teknologi pertanian. Mungkinkah pendekatan Jabatan Orang Asli perlu diubahsuai? Keunikan budaya Orang Asli harus dikekalkan supaya identiti mereka tetap terpelihara, hanya mereka perlu diajak mengambil peluang-peluang untuk hidup lebih bahagia seiring dengan zaman.

Suka saya mencadangkan supaya dikumpulkan segera cerdik pandai Orang Asli, sama ada berpelajaran tinggi atau diiktiraf demikian iaitu cerdik pandai oleh masyarakat Orang Asli sendiri. Dan kumpulan itu diberi peluang menganalisa pendekatan-pendekatan kerajaan yang digunakan oleh Jabatan Orang Asli atau lain-lain jabatan atau agensi kerajaan.

Mengapakah usaha kerajaan untuk menggalak pertanian moden dan komersial di kalangan mereka tidak berjaya? Oleh itu, kumpulan cerdik pandai Orang Asli ini harus juga merencana keperluan kewangan sebenar bagi membangun masyarakat Orang Asli supaya ia menjadi masyarakat berwibawa.

Di bawah Belanjawan 1997, RM2.4 bilion telah disediakan untuk melaksanakan beberapa program kepada pelajar miskin, pembangunan kesihatan keluarga, pertanian dan pembangunan masyarakat Orang Asli. Apakah bahagian yang diuntukkan bagi pembangunan masyarakat Orang Asli? Apakah kumpulan cerdik pandai Orang Asli harus berpuas hati dengan jumlah yang diperuntukkan itu?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus membantu Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia dan pertubuhan-pertubuhan lain Orang Asli dengan memberi kewangan, khidmat nasihat dan lain-lain bentuk sokongan supaya mereka dapat membantu kerajaan mengajak masyarakat Orang Asli memilih kehidupan yang lebih selesa, selamat dan bahagia.

Kini ternyata sumber pendapatan Orang Asli yang bergantung kepada hasil hutan kian pupus dan 76 penempatan Orang Asli dikenal pasti terdedah kepada bencana alam termasuk banjir dan tanah runtuh.

Tuan Yang di-Pertua, tragedi di Pos Dipang di Perak pada 29hb. Ogos, 1996 yang mengorbankan lebih 40 Orang Asli hendaklah dijadikan iktibar. Kejadian banjir dan tanah runtuh lazimnya boleh dikait dengan kegiatan pembalakan. Kerajaan hendaklah memberi tumpuan yang lebih serius. Prosedur pembalakan perlu diperketatkan di mana ia berhampiran dengan perkampungan Orang Asli atau tanah rizab Orang Asli. Jabatan Perhutanan dan Jabatan Alam Sekitar mesti memainkan peranan yang lebih proaktif supaya berkesan atau efektif dalam menangani masalah ini.

Jika penempatan baru perlu bagi mana-mana perkampungan Orang Asli hendaklah disediakan kemudahan-kemudahan asas yang sempurna terlebih dahulu sebelum masyarakat Orang Asli diminta berpindah. Di samping menitikberatkan prasarana, kerajaan harus juga prihatin kepada sosio-budaya dan ekonomi masyarakat Orang Asli.

Jika penempatan baru tidak sesuai dengan sosio-budaya dan ekonomi mereka, maka kerajaan harus mengkaji kemungkinan mengekalkan penempatan sedia ada, tetapi mengambil tindakan-tindakan perlu bagi mengurangkan risiko bencana alam khususnya yang berpunca dari aktiviti pembalakan.

Mengikut kajian Dr. Wan Zawawi Ibrahim, seorang antropologi dari Universiti Malaya, kerap kali masyarakat Orang Asli yang dipindahkan dari kampung asal, kehidupan mereka tidak bertambah baik, malah menjadi lebih buruk.

Tuan Yang di-Pertua, selain menghadapi risiko bencana alam akibat pembalakan, masyarakat Orang Asli sering kali menjadi mangsa penipuan tauke-tauke balak. Orang Asli

diguna oleh pihak-pihak tertentu bagi memohon atau mendapatkan kelulusan dan permit membalak khususnya di kawasan berhampiran penempatan Orang Asli atau tanah rizab Orang Asli atau tanah yang dicadangkan sebagai rizab Orang Asli. Kononnya hasil pembalakan itu akan digunakan untuk kebajikan masyarakat atau membangunkan penempatan Orang Asli. Malangnya apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Orang Asli mendapat hasil yang tidak seberapa, manakala pihak yang menguruskan permohonan permit membalak mendapat keuntungan yang besar. Sudahlah hasilnya tidak seberapa, masyarakat dan penempatan Orang Asli diancam pula dengan risiko bencana alam akibat pembalakan itu. Lihat apa yang berlaku kepada Tok Batin Kampung Orang Asli Pertak, Kuala Kubu Bahru. Nama Tok Batin itu digunakan oleh sekumpulan individu untuk mendapatkan lesen membalak di kawasan seluas 150 hektar di Bukit Kutu yang dicadangkan sebagai tanah rizab Orang Asli. Kini kawasan penempatan itu diancam tanah runtuh dan banjir. Kerajaan harus mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membendung penipuan ini. Setiap permohonan untuk melakukan kerja-kerja membalak yang melibatkan kepentingan Orang Asli harus diteliti dan diselia secara terperinci supaya tidak berlaku penipuan yang merugikan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1997 sebanyak 23 buah hospital baru dan 77 buah klinik kesihatan baru dijangka akan dibina di seluruh negara. Ini membayangkan hasrat kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk menaikkan taraf kesihatan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Sedikit sahaja lagi. Saya berharap masyarakat Orang Asli juga akan dapat menikmati taraf atau mutu perkhidmatan perubatan yang lebih baik. Klinik-klinik dan kakitangan perubatan yang kekal juga harus diadakan di kawasan penempatan Orang Asli. Selain dapat memberikan perkhidmatan perubatan kepada Orang Asli, pihak-pihak lain yang menjalankan kegiatan ekonomi di kawasan-kawasan pedalaman juga dapat menikmati kemudahan tersebut.

Pembinaan klinik di kawasan Orang Asli adalah penting kerana mereka juga menghadapi risiko tinggi menghidapi wabak penyakit. Contohnya, daripada 1,490 kes malaria yang dilaporkan di Pahang, dari Januari hingga September 1996 sejumlah 1,062 ataupun 71.3% melibatkan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu masalah sosial di kalangan masyarakat Orang Asli juga semakin serius. Dahulu ramai dari kalangan wanita Orang Asli yang mempunyai hubungan atau bersekedudukan dengan pekerja-pekerja balak. Pekerja-pekerja balak mengambil kesempatan berkahwin atau bersekedudukan dengan wanita-wanita Orang Asli sehingga ramai di kalangan mereka yang mempunyai anak. Kemudian mereka ditinggalkan sebaik sahaja kerja-kerja membalak selesai.

Sekarang, kalangan mereka terdedah pula kepada pekerja-pekerja Indonesia. Terdapat kalangan pekerja Indonesia yang berkahwin dengan wanita Orang Asli sebagai cara mudah untuk mendapatkan kerakyatan. Ini adalah satu masalah yang besar. Jika wanita-wanita Orang Asli berkahwin dengan pekerja balak tempatan, kemudian ditinggalkan, maka perkara yang sama juga akan berlaku apabila mereka berkahwin dengan pendatang Indonesia. Perbuatan ini juga harus dibendung dari terus berleluasa.

Walaupun masyarakat Orang Asli adalah kaum minoriti dan sumbangan mereka tidak besar dalam memantapkan ekonomi dan pembangunan negara, namun mereka juga adalah rakyat negara ini dan perlu diberi pembelaan wajar. Mereka juga berhak menerima hasil dari kemajuan negara. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Batu Gajah.

4.52 ptg.

Tuan Yeong Chee Wah: Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Batu Gajah.

Tuan Yeong Chee Wah: kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 1997. Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini saya ingin menyentuh sedikit mengenai Belanjawan 1997.

Pada pendapat saya, Belanjawan 1997 amat baik dan boleh diterima umum. Memandangkan

ianya adalah susulan kepada belanjawan tahun lalu yang menetapkan beberapa tindakan untuk tujuan meningkatkan eksport dan mengurangkan import, saya harap ia dapat membantu kerajaan untuk mencapai matlamat negara dalam belanjawan yang telah dirancangkan pada tahun lalu.

Pada tahun ini, kerajaan juga telah memberi bonus sebulan gaji kepada kakitangan kerajaan dengan menaikkan had minimum bonus kepada RM700.00 berbanding dengan RM600.00 pada tahun lalu. Saya berharap dengan adanya imbuhan seperti bonus ini, akan menaikkan semangat kakitangan kerajaan untuk berkhidmat dengan lebih baik dan cemerlang untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini adalah kali keempat sejak 1993 kerajaan membayar bonus kepada lebih 800,000 kakitangan awam dan cara ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional menjaga dan selalu memerhati kepada kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin sesetengah kakitangan kerajaan tidak berpuas hati dengan satu bulan bonus dan menganggapnya terlalu sedikit berbanding dengan yang diberi oleh pihak swasta. Walau bagaimanapun, saya harap mereka akan melipatgandakan usaha untuk mencapai tahap ISO 9000, mungkin dengan cara itu kerajaan mampu untuk menambah jumlah bonus kepada kakitangan kerajaan di tahun hadapan atau masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya harap kakitangan kerajaan juga mengambil berat akan pesanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, agar berjimat cermat dan tidak boros dengan wang bonus yang diterima. Adalah lebih baik wang bonus itu dilaburkan untuk masa hadapan misalnya dengan melabur di dalam amanah saham.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon jasa baik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar memandang lebih serius masalah yang menimpa pihak berkuasa tempatan dari segi korekan jalan di kawasan masing-masing khusunya di Bandaraya Ipoh dan negeri Perak secara amnya. Tiadanya pelarasan dan persefahaman di antara Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Tenaga Nasional, Lembaga Air Perak serta syarikat-syarikat telekomunikasi dalam menyelaraskan kerja-kerja korekan jalan menyebabkan keadaan jalan raya begitu teruk selepas dikorek oleh kontraktor jabatan-jabatan berkenaan.

Pada masa ini, di Bandaraya Ipoh sahaja boleh dilihat jalan raya yang tidak rata, tinggi rendah setelah ditampal dan berlubang di sana sini. Apa yang menjadi lebih dahsyat ialah jalan-jalan ini dikorek untuk tujuan pemasangan kabel atau paip setelah pihak berkuasa tempatan terbabit menyempurnakan turapan jalan seperti projek pelebaran jalan atau menaikkan taraf jalan. Masalah ini timbul disebabkan tiadanya penyelarasan di antara jabatan-jabatan terbabit dengan pihak berkuasa tempatan. Sudahlah begitu, jalan-jalan tidak ditampal dengan sempurna, mengakibatkan jalan-jalan tersebut menjadi tinggi rendah dan berlubang di setengah-setengah bahagian. Keadaan ini hanya merugikan kerajaan kerana banyak kos yang dikeluarkan untuk sesuatu projek jalan dan banyak pula kos yang dikeluarkan untuk mengorek dan membaikinya semula. Ini menyebabkan pembaziran dari segi peruntukan kewangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar kerajaan menetapkan satu undang-undang khas di mana semua kerja korekan jalan antara jabatan-jabatan yang berkenaan dilaksanakan serentak atau sebelum sebarang projek pelebaran jalan disempurnakan oleh pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1997 juga kerajaan telah memperuntukkan RM7.051 bilion untuk pembangunan desa dan kawasan pedalaman termasuklah projek-projek seperti bekalan air, jalan dan elektrik. Ini suautu langkah yang baik kerana ia akan merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan desa. Ini menunjukkan betapa kerajaan mengambil berat kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, kerajaan juga ada menyediakan peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk pembinaan rumah kos rendah. Ini merupakan satu cara kerajaan dalam membantu golongan berpendapatan rendah mengatasi masalah kekurangan rumah kos rendah di negara ini.

Dari segi pelajaran pula, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk pinjaman pelajaran tinggi. Ini jelas menunjukkan usaha kerajaan dalam membina generasi akan datang agar mereka berpeluang melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini, mengenai ketidakseragaman undang-undang yang dipakai oleh jabatan-jabatan kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan, pihak JPJ dan juga pihak polis. Contohnya, yang ingin saya bawa di sini adalah mengenai isu "ghost island" ataupun "chaperon marking" dengan izin. Majlis Bandaran Ipoh telah menggunakan dengan izin, "chaperon marking" di atas jalan raya di Bandaraya Ipoh sebagai satu bantuan untuk mengarahkan kenderaan agar mengelak garisan tersebut untuk memudahkan kenderaan di hadapan membelok ke sebelah kanan. "Chaperon marking" ataupun "ghost island" dengan izin, ini biasanya ditanda sebelum sesuatu pembukaan pembahagi jalan.

Tujuan Majlis Bandaran Ipoh adalah baik kerana ia untuk keselamtan kenderaan di hadapan yang ingin membelok ke kanan. Walau bagaimanapun, pihak polis menggunakan kesempatan ini untuk menyaman kenderaan-kenderaan yang melanggar garisan tersebut. Walaupun tiada kereta atau kenderaan di hadapan, mereka yang berhenti untuk membelok ke kanan atas dasar melanggar peraturan lalulintas. Manakala, pihak JPJ pula mendakwa garisan-garisan putih yang dikatakan sebagai "chaperon marking" itu tiada dalam "highway code" dengan izin. Bagaimana keadaan ini boleh berlaku, apa pun keadaannya pengguna jalan raya yang menanggung risiko disaman oleh pihak polis. Kemunculan "chaperon marking" dengan izin, ini juga menimbulkan kekeliruan di kalangan pengguna.

Oleh itu, saya menyeru kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga menteri yang bertanggungjawab terhadap JPJ Negeri, agar memberi perhatian mengenai perkara ini secara segera dan menyelaraskan undang-undang mengenainya. Pihak polis, penguasa tempatan dan JPJ patutnya mengikut satu undang-undang yang piawai atau standard agar kita tidak mengelirukan pengguna jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa dengan izin, "our law is made to control but not to confuse".

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai isu wanita dan penjagaan kanak-kanak. Pada masa ini terdapat ramai wanita yang mempunyai pendidikan tinggi dan menjawat jawatan-jawatan penting dalam jabatan kerajaan. Ini adalah satu suasana positif yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, pada masa ini tiada jabatan kerajaan mahupun berkuasa tempatan khususnya di Perak, kecuali Hospital Besar Ipoh yang mempunyai nursery sendiri bagi menjaga anak-anak ini ketika ibu mereka bekerja.

Saya harap pihak kementerian yang berkenaan akan memandang serius mengenai perkara ini dan menguatkuasakan agar setiap jabatan kerajaan dan berkuasa tempatan mempunyai nursery mereka sendiri. Namun, galakan dan penguatkuasaan oleh kerajaan juga tidak akan bermakna sekiranya jabatan-jabatan kerajaan tidak mempunyai peruntukan untuk menubuhkan nursery seperti yang diarahkan. Saya memohon agar kerajaan dapat membantu jabatan-jabatan kerajaan dan penguasa tempatan untuk membina atau menubuhkan nursery di jabatan masing-masing.

Di sini, izinkan saya untuk mencadangkan agar peruntukan itu diperolehi dari Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kerana kementerian berkenaan mempunyai peruntukan untuk hal ehwal wanita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini wanita tidak perlu bimbang akan keadaan anak mereka. Mereka boleh mengambil masa sedikit untuk menjenguk anak-anak mereka atau memberi susu kepada yang masih kecil, tanpa perlu mengambil time off, dengan izin, untuk pulang ke rumah bagi tujuan tersebut. Keadaan ini bukan sahaja dapat meningkatkan produktiviti mereka dan menjimatkan masa, malah wanita tidak perlu risau tentang anak-anak mereka yang ditinggalkan dengan orang lain atau jauh dari pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua maklum, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel pada tahun 1998. Ini bermakna hanya tinggal dua tahun dari sekarang dan para atlet kita hanya mempunyai masa satu tahun untuk bersedia ke arah itu.

Saya harap Kementerian Belia dan Sukan akan cuba mempergiatkan lagi promosi sukan di kalangan belia wanita dan lelaki di negara ini akan lebih ramai atlet terbaik dipilih untuk mewakili negara dan seterusnya mengharumkan nama Malaysia di mata dunia. Janganlah kita sudah mendapat penghormatan sebagai tuan rumah, tetapi hanya berjaya memenangi satu

pingat emas sahaja, ini akan memalukan negara. Jadi, saya berharap satu strategi yang teratur dapat diketengahkan untuk meningkatkan mutu pencapaian atlet negara ini di peringkat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai penswastaan sampah-sarap di seluruh negara. Saya bukanlah menentang pelaksanaannya, tetapi berharap ia akan dikaji dan dilaksanakan dengan lebih sistematik dan tidak mengulangi kesilapan atau masalah yang timbul akibat penswastaan pembentungan kepada Indah Water Konsortium dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan kebanyakan pihak berkuasa tempatan akan mengkaji semua kadar cukai taksiran di kawasan masing-masing. Bolehkah saya bertanya, untuk apakah kajian semula cukai taksiran ini dibuat sedangkan banyak perkhidmatan penguasa tempatan diswastakan? Cukai taksiran adalah untuk pihak berkuasa tempatan menjalankan projek-projek untuk kemudahan awam seperti projek jalan, pembetungan dan kutipan sampah. Namun kini, perkhidmatan pembetungan telah diswastakan kepada Indah Water Konsortium, manakala perkhidmatan kutipan sampah pula akan diswastakan tidak lama lagi. Jika begitu keadaannya, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mencadangkan agar sebahagian daripada kadar cukai taksiran contohnya antara 10% hingga 20% diperuntukkan untuk perkhidmatan kutipan sampah dan pembetungan serta dibayar oleh pihak berkuasa tempatan kepada pihak swasta yang berkenaan? Cara sedemikian akan dapat membantu orang ramai daripada terpaksa membayar pelbagai bil yang pastinya akan membebankan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, semakin bandaraya menghadapi pembangunan, semakin banyak pula kejadian banjir kilat berlaku. Sebagai contoh di bandar kecil seperti Batu Gajah dan Jelapang, sistem perparitannya telah dibina sejak sebelum Perang Dunia Kedua dan tidak lagi mampu menampung jumlah air hujan yang banyak, sedangkan di sana terdapat banyak kedai dan rumah kediaman. Pembangunan juga menyebabkan kolam-kolam atau bekas lombong dikambus, menyebabkan air tidak dapat mengalirkan ke dalamnya ataupun sungai, akhirnya ia mengakibatkan banjir berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, penguasa tempatan memang sedar akan keadaan ini, tetapi untuk menaikkan taraf longkang-longkang tersebut memerlukan jumlah belanja yang besar dan mereka tidak mempunyai wang yang cukup. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempunyai peruntukan sebanyak RM1.7 bilion pada tahun hadapan untuk penguasa tempatan. Saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memberi peruntukan yang lebih untuk penguasa tempatan berkenaan bagi membantu mereka menyediakan pelan induk bagi mengatasi masalah tersebut demi kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan pasar di bandar-bandar contohnya Menglembu dan Kampar juga begitu teruk. Saya turut berharap agar pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membantu penguasa tempatan berkenaan seperti Majlis Bandaraya Ipoh untuk membina pasar-pasar yang lebih sempurna untuk penduduk di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh mengenai kadar bayaran perkhidmatan sebanyak RM50 yang akan dikenakan kepada semua pemegang kad kredit. Dari situ sahaja kerajaan boleh memperolehi sebanyak RM1 bilion. Ini kerana saya difahamkan bahawa sebanyak 2 juta kad kredit telah diedarkan di dalam negara ini dan sesetengah individu memiliki 5 hingga 6 kad kredit pada satu-satu masa. Sesetengahnya pula memiliki antara 10 hingga 15 kad kredit dan ini adalah satu pembaziran. Saya berpendapat seseorang itu tidak perlu mempunyai terlalu banyak kad kredit. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar setiap individu yang layak memiliki kad kredit hanya dibenarkan memiliki satu jenis kad kredit pada satu-satu masa dan mereka dikecualikan daripada dikenakan bayaran perkhidmatan sebanyak RM50 setahun seperti yang disarankan. Ini adalah kerana memiliki satu kad kredit itu merupakan satu kemudahan untuk orang ramai. Walau bagaimanapun, sekiranya seseorang individu dibenarkan memiliki lebih daripada satu kad pada satu-satu masa, barulah bayaran perkhidmatan tersebut dikenakan ke atas mereka. Dengan cara ini mereka mungkin akan mengurangkan jumlah kad kredit di tangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Labuan.

5.18 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan Belanjawan 1997 yang dilaksanakan dengan jaya dan mendapat sambutan positif daripada pelbagai pihak.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia boleh berbangga kerana ekonomi negara yang telah berkembang pada kadar purata yang melebihi 8% pada 8 tahun berturut-turut. Ini dapat diperlihatkan melalui petunjuk ekonomi (economic barometers) yang menunjukkan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan juga Keluaran Negara Kasar (KNK) yang semakin meningkat, membuktikan bahawa ekonomi Malaysia berkembang dengan baik dan akan memberikan keyakinan bahawa salah satu sasaran dan objektif Wawasan 2020 untuk menggandakan KDNK setiap 10 tahun bermula daripada tahun 1990 hingga 2020 mungkin akan tercapai.

Persoalannya, apakah kadar pertumbuhan negara dapat dikekalkan pada tahap 7% setiap tahun dalam masa 24 tahun akan datang ini? Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh menjawab ini *[kepada Timbalan Menteri Kewangan Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]* . Ini bermakna bahawa KDNK kita yang berada pada tahap RM115 bilion pada tahun 1990 dianggarkan akan berkembang menjadi RM920 bilion pada tahun 2020 nanti dan untuk memastikan saranan ini atau sasaran ini akan dapat dicapai, adalah diharapkan bahawa proses pencapaian pembangunan negara tidak menghadapi sebarang halangan (barriers) dan keperluan dana untuk membiayai pembangunan modal yang diperlukan akan diperolehi daripada pasaran modal. Persoalan seterusnya, apakah usaha kerajaan bagi mematangkan pasaran modal negara selaras dengan visi jangka panjang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usaha memperuntukkan sejumlah RM3.4 bilion bagi maksud perubatan di negara ini. Jadi, sudah tiba masanya kerajaan memberikan perhatian dan meneruskan usaha memperbaiki taraf dan mutu perkhidmatan perubatan, memperkenalkan teknologi baru, memperluaskan perkhidmatan kepakaran di hospital negeri dan daerah serta memperkukuh perkhidmatan kecemasan dan rawatan prahospital.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, terhadap perkembangan yang kurang sihat dalam sektor perubatan kita pada hari ini. Rakyat kita kebanyakannya hanya mampu melihat pembinaan hospital dan klinik swasta yang berjaya, menghimpun segala pakar untuk apa jua penyakit atau mengubati segala penyakit. Tetapi sedihnya mereka hanya merawat pesakit yang berada dan mempunyai kedudukan kewangan sahaja.

Hampir saban hari kita menonton Buletin Utama - seorang ibu dari hulu sebuah kampung, menitiskan air mata memohon derma bagi membiayai perubatan anaknya yang tiada saluran najis. Atau seorang petani tua merayu orang ramai menghulurkan derma bagi membolehkan anaknya menjalani pembedahan jantung berlubang di hospital swasta yang mahal kerana tidak ada tempat di hospital awam.

Tuan Yang di-Pertua, apakah tujuan sebenar hospital dan klinik didirikan selain dari memberi rawatan dan menyembuhkan penyakit orang ramai? Pesakit adalah individu yang perlu diubati tanpa mengira status dan kedudukan ekonomi mereka. Mungkin ada yang belum maklum bayaran hospital swasta yang mencecah RM3,000 sehari, jumlah ini tidaklah termasuk kos pembedahan. Apakah matlamat sebenar hospital dan klinik swasta? Tuan Yang di-Pertua, adakah mereka ini kelas merawat pesakit atau mencari keuntungan berlipat ganda dari pesakit dan keazaban orang lain? Adalah di harapkan agar kerajaan dapat menangani masalah ini.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta kerajaan di samping memperhebatkan perkhidmatan perubatan bagi rakyat, juga turut memerhati dan mengambil langkah menyekat gejala ini, walaupun menawarkan perkhidmatan yang cekap. Hospital dan klinik swasta sedikit pun tidak menyahut laungan Dasar Ekonomi Negara dalam konteks merapat jurang ekonomi di antara rakyat. Mereka kurang mempunyai tanggungjawab sosial tetapi bermatlamatkan keuntungan sahaja.

Di samping itu, ada hospital-hospital dan klinik-klinik swasta yang cuba lari dari membayar cukai dengan menerima pembayaran tanpa mengeluarkan resit rasmi. Cubalah Lembaga Hasil Dalam Negeri, tolong tengok-tengokkan aktiviti yang tidak sihat seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memperhebatkan sektor perubatan di negara ini, saya amat berharap pihak kerajaan mengawal kos dan prosedur perkhidmatan perubatan oleh hospital dan klinik swasta ini. Mereka perlu dijelaskan akan konsep perkhidmatan perubatan yang lebih menumpu kepada pertanggungjawaban sosial bersama untuk menyelamatkan pesakit dan bukan untuk mengaut keuntungan yang tidak munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak RM3.2 bilion yang telah diperuntukkan, saya harap selain membantu pesakit yang kurang upaya kedudukan kewangannya, juga turut meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan di negara ini, di samping memperkenalkan teknologi baru. Saya ingin bertanya apakah galakan dan juga insentif kepada golongan doktor tempatan yang menjalankan kajian mereka, khususnya doktor-doktor pakar yang menggunakan tumbuh-tumbuhan tempatan sebagai asas untuk menjadi penawar beberapa penyakit yang baru muncul di zaman ini. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada kajian dan teknologi Barat semata-mata, kita juga perlu turut berusaha demi menjamin peningkatan dalam sektor perubatan domestik kita.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap tentang perumahan, khususnya rumah kos rendah, ianya bukanlah merupakan suatu perkara baru dalam masyarakat kita pada hari ini. Pada hemat saya, penyediaan rumah kos rendah bagi membantu kalangan rakyat termiskin untuk memiliki rumah adalah wajar. Justeru itu, saya amat mengalu-alukan penubuhan Syarikat Perumahan Negara dan dalam konteks ini, masalah perumahan di negara ini begitu meruncing sejak kebelakangan ini. Saya berpendapat kekurangan perumahan terutama di sekitar bandar adalah indikator kepada pembangunan bandar yang amat drastik lagi pesat.

Kebanyakan setinggan telah dialih untuk memberi laluan kepada pembinaan kondominium dan pangsapuri mewah. Apakah benar bahawa kondominium serupa ini dihuni oleh orang asing secara dominen? Oleh itu, apakah usaha kerajaan bagi memperbaiki kedudukan ini?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, kini isu rumah kos rendah tercetus kembali dan beberapa persoalan lahir daripadanya ialah kerana kini penghuni rumah kos rendah telah meningkat dari segi status ekonominya dan saiz keluarga. Maka saya ingin bertanya apakah ada peraturan atau larangan tertentu bagi keluarga atau penghuni rumah kos rendah ini daripada membesarkan rumah mereka atau daripada menjual rumah tersebut untuk mendapatkan sebuah rumah kos sederhana? Dan persoalan seterusnya, ialah oleh kerana pada hari ini rata-rata penduduk di bandar-bandar besar sudah mempunyai pendapatan lebih daripada RM500 sebulan dan mereka ini sudah tentu tidak layak untuk mendapatkan rumah kos rendah.

Persoalannya, apakah kerajaan mempunyai cadangan untuk meningkatkan pendapatan minimum ini kepada satu tahap yang lebih tinggi dan saya ingin menyarankan supaya pendapatan ini dipertingkatkan kepada RM800 sebulan bagi setengah-setengah bandar dan mewujudkan kelayakan bertingkat bagi kawasan bandar dan luar bandar bagi memperolehi rumah kos rendah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat bersetuju kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa harga rumah kos rendah hendaklah berpandukan lokasi dan tindakan ini amat positif, bertepatan dan adil kepada semua pihak. Ini kerana para pemaju sering dipersalahkan apabila mereka tidak menggunakan bahan-bahan binaan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Jelas bahawa harga tanah yang melambung menjadi punca mereka mengambil untung daripada penggunaan bahan murah.

Pihak yang benar-benar mengambil untung sebenarnya dari pembinaan rumah kos rendah ini ialah pihak bank dan institusi kewangan yang memberikan pinjaman kepada pembeli rumah tersebut yang mana rumah yang bernilai RM25,000 ternyata menjadi RM70,000 hingga RM75,000 sebuah. Sekali lagi golongan pembeli yang sememangnya miskin terpaksa membayar lebih. Sayangnya mereka tidak menyedari, mereka membayar lebih untuk saiz rumah yang kecil dan bahan pembinaan rumah yang murah.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Penjelasan. Terima kasih. Saya hendak tumpang tanya wakil dari Labuan. Adakah beliau bersetuju dengan saya, bahawa pemaju ini mengambil

untung yang cukup tinggi umpamanya rumah teres dua tingkat di kawasan Seri Hartamas, dijual sekarang ini dengan harga setengah juta ringgit bagi satu unit. Barangkali berapa ratus peratuskah keuntungan yang dikaut oleh pihak pemaju?

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih rakan saya dari Jerlun. Yang saya maksudkan rumah kos rendah, tetapi saya bersetuju apa yang dikatakan bagi rumah kos sederhana dan rumah mewah.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya berharap peruntukan bagi Program Pembangunan Rakyat Termiskin ini tidak menyisihkan masalah harga rumah selepas pinjaman bank yang menekan pengguna. Apa yang boleh dilakukan ialah penyediaan peraturan untuk pihak bank supaya memberi pinjaman khas untuk pembelian rumah kos rendah ini. Antaranya ialah mengenakan kadar faedah yang paling minimum, kalau boleh sifar faedahnya dan cuma mengenakan bayaran perkhidmatan yang rendah sahaja.

Saya sedar perkara ini sukar untuk dilaksanakan dan pihak bank pastinya tidak akan memberikan kerjasama positif, apa yang perlu disandarkan ialah konsep pertanggungjawaban sosial demi membantu rakyat termiskin memastikan kehidupan yang lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada soal pelancongan. Pelancongan merupakan sektor yang berpotensi bagi Malaysia untuk meraih peluang atau pulangan yang lumayan. Sebagai sebuah negara yang dianugerahkan Tuhan dengan pelbagai keindahan semula jadi dan keunikan budaya, Malaysia wajar muncul sebagai sebuah negara destinasi kegemaran. Belanjawan 1997 jelas turut memberi tumpuan terhadap memperkukuhkan sektor pelancongan yang diyakini mampu memberi pulangan besar dan boleh dipertingkatkan dengan beberapa pendekatan baru, termasuklah memasarkan Malaysia sebagai pusat persidangan dan pameran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan pemberian beberapa galakan dalam bidang pelancongan ini, khususnya di mana syarikat tempatan yang berjaya menganjurkan persidangan dan membawa masuk sekurang-kurangnya 500 peserta dari luar negara akan diberikan pengecualian cukai pendapatan sehingga tahun 2000. Ini adalah merupakan suatu langkah yang bijak dan menarik.

Di samping itu, saya juga ingin menyarankan kepada Kementerian Kewangan supaya memperluaskan pengecualian ini supaya merangkumi syarikat atau pihak yang menganjurkan dan berjaya membawa masuk sekurang-kurangnya 500 peserta bagi pertandingan sukan antarabangsa seperti regata, perahu layar, sukan memancing, tidak termasuk jet ski ataupun menunggang kuda. Ini kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan minat sukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha ini perlu disokong demi memaju dan memperhebatkan lagi industri pelancongan negara. Tetapi, kerajaan juga harus memberi perhatian terhadap mempelbagaikan produk pelancongan dan bukan sahaja menyediakan promosi dan memperindahkan penginapan semata-mata. Malaysia memiliki jalinan pantai yang cantik, barisan pulau-pulau yang indah, sungai dan air terjun, tasik, gunung-ganang, hutan seni budaya dan beribu satu macam, belum dieksploitasi sebagai produk pelancongan. Sememangnya selama ini kita mempertaruhkan keindahan pantai, pulau, hutan dan air terjun sebagai daya tarikan, tetapi itu pun hanya segelintir sahaja yang diberi tumpuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil contoh Taman Negara. Hanya Taman Negara Pahang yang mendapat perhatian pelancong kerana promosi yang kuat dan kemudahan prasarana, termasuklah jalan keretapi dan bagaimana dengan Taman Negara Bako, Mulu di Sarawak, sedangkan tempat-tempat ini amat berpotensi?

Begitu juga dengan pulau-pulau. Mengapa pulau Labuan tidak dipromosi sebagai pusat pelancongan, sedangkan keindahan batu karang dasar laut dan pantainya setanding dengan Pulau Tioman dan Pangkor? Mungkin kerajaan berpendapat kerajaan akan menjawab bahawa Labuan akan dimajukan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir, bukan sebagai sebuah pusat pelancongan. Tetapi saya ingin bertanya, apa ruginya kalau Labuan, selain daripada dijadikan sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa, juga dimajukan sebagai sebuah pusat pelancongan? Tidak ada ruginya, tetapi banyak kebaikannya. Mungkin faktor lain, kerajaan akan menjawab, kerana faktor jarak

menyebabkan Labuan kurang popular untuk dijadikan destinasi pelancong luar. Tetapi pada hemat saya, Labuan boleh dijadikan destinasi pelancongan dalam negeri, terutamanya penduduk Sabah, Sarawak dan juga Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di Langkawi sudah ada lima penerbangan terus antarabangsa, saya ingin bertanya kepada kerajaan, bila pula kerajaan akan mengusahakan atau mengajak Penerbangan Malaysia untuk mengadakan penerbangan terus dari destinasi antarabangsa ke Labuan ataupun dari Labuan ke destinasi antarabangsa?

Tuan Yang di-Pertua, saya amat yakin pulau Labuan boleh muncul sebagai pusat perdagangan, pusat kewangan dan juga pusat pelancongan sehebat Langkawi. Maksud ini pasti tercapai sekiranya Labuan dirapatkan dengan Sabah, lantas mengatasi beberapa masalah yang dialami oleh Labuan sejak menjadi Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa.

Maka dengan ini, saya ingin menyarankan dan mencadangkan supaya sebuah jambatan dibina bagi menghubungkan Labuan dengan Tanah Besar Sabah dan dengan terbinanya jambatan seperti ini, sudah pasti laluan untuk ke Labuan akan menjadi mudah dan cepat.

Hasrat saya untuk melihat Labuan dihubungkan terus dengan Sabah, Sarawak, Brunei Darussalam dan juga Kalimantan yang mana secara tidak langsung aktiviti perniagaan, pelancongan dan perdagangan akan berkembang dengan sendirinya seperti yang sudah termaktub dalam Perjanjian Kerjasama Brunei-Indonesia-Malaysia-Philipines East Asian Growth Area (BIMP-EAGA).

Jambatan yang hanya sepanjang beberapa kilometer ini, kalau dibina selain membantu memudahkan aktiviti pelancongan dan menjamin pertumbuhan ekonomi tempatan, ia turut menyelesaikan beberapa masalah yang dialami oleh Labuan kini. Di antaranya ialah kekurangan penduduk serta kehadiran pelancong yang lembab, menjadikan aktiviti perniagaan dan perdagangan lebih lemah. Ini disertai oleh kekurangan tenaga pekerja tempatan, walaupun Sabah mencatatkan kadar pengangguran yang tinggi, yang boleh dimanfaatkan di Wilayah Persekutuan Labuan, sekiranya ada jambatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menghadapi pembangunan Labuan apabila ianya menjadi sebuah pusat pelancongan dan juga integrated port, seperti yang telah diluluskan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh, saya juga ingin menyarankan dalam konteks yang sama supaya kerajaan juga berusaha menjadikan Labuan sebagai sebuah entreport, yang mana ianya boleh memberikan perkhidmatan kepada kawasan Sabah Barat dan juga pedalaman Sabah yang akan menjadi kawasan tadahan sekiranya Labuan dibangunkan sebagai sebuah entreport.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus berpandangan ke hadapan dengan mempersiapkan pulau ini dari masalah fizikal yang akan timbul di masa depan. Hari ini, setelah dinobatkan sebagai sebuah IOFC, Labuan ternyata mengalami perubahan yang amat ketara sekali.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya amat mengalu-alukan saranan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tentang keperluan mewujudkan satu bentuk pengawasan dan penyelarasan terhadap pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Banyak kes projek-projek yang terlewat atau terbengkalai yang berlaku akhir-akhir ini. Projek-projek terbabit didapati lembab pembinaannya dan tidak menepati tarikh siap yang ditetapkan. Apa yang dapat disimpulkan ialah, kekurangan keberkesanan dalam pelaksanaan projek menjadi punca terlewatnya kerja-kerja yang tidak mengikut jadual dan penyelewengan yang membantutkan usaha penyiapan mengikuti jangka waktu yang diberikan.

Apabila sesuatu projek itu didapati terlewat atau terbengkalai, secara langsung ia menjejaskan utility projek tersebut, menyusutkan nilai kepenggunaannya dan menyimpang daripada objektif perancangan projek tersebut. Perkara ini perlu diambil perhatian kerana ianya berleluasa, bukan sahaja di bandar, tetapi lebih ketara lagi di luar bandar.

Saya mengambil contoh projek-projek di luar bandar yang sering diabaikan. Lazimnya, projek-projek yang membabitkan desa dan kawasan pedalaman adalah projek kerajaan yang bertepatan dengan sesuatu tema. Contohnya, PPRT, Rakan Muda, Bakti Desa, Desa Wawasan dan sebagainya.

Apa yang berlaku kini ialah, walaupun peruntukan telah diluluskan, projek yang dijadualkan tidak dilaksanakan, melewatkan atau terbengkalainya sesuatu projek biasanya berpunca daripada pegawai projek yang tidak efisien dan mengutamakan kepentingan sendiri, penyelewengan dan ketidakikhlasan turut menjadi punca kegagalan sesuatu projek.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengulas.... *[Ketawa] [Disampuk]* Tadi akhir; ini akhir sekali. *[Ketawa]* Perdana Menteri kita ada mengulas kenyataan tentang kedudukan Malaysia sebagai negara yang ke-24 di dunia yang mengamalkan rasuah. Walaupun indeks rasuah itu bertujuan memburukkan Malaysia, tetapi saya yakin rasuah sememangnya ada, walaupun ianya masih dalam bentuk yang samar-samar.

Persoalannya apakah usaha kerajaan untuk membersihkan nama negara ini dari senarai indeks pengamal rasuah dan jangan ikut saranan daripada Ahli dari Bandar Tun Razak tadi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sebagai Presiden UMNO dalam Persidangan Agung UMNO yang baru lalu mengharamkan sebarang bentuk kempen dalam.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Maaf, daripada Cheras tadi. Bukan daripada Bandar Tun Razak. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah lebih, Yang Berhormat.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Satu minit saya menggulung. Yang baru-baru ini mengharamkan sebarang bentuk kempen dalam keghairahan pemilihan pucuk pimpinan parti. Kita semua sedar bahawa berkempen membabitkan rasuah dan pengharaman itu, pada hemat saya adalah usaha membanteras rasuah dalam politik yang telah memperlihatkan keberkesanannya. Kini sudah wujud usaha membendung gejala rasuah dalam politik, maka kerajaan perlu turut membanteras kegiatan negatif itu di sektor swasta mahupun awam. Kerajaan perlu lebih tegas dan mengawasi terhadap projek-projek yang telah diluluskan dan bukan hanya bertumpu kepada memastikan ianya berjalan lancar, lebih daripada itu mencari punca dan menghukum individu yang mengamal jenayah rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucap tahniah ke atas Belanjawan 1997. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Sadong.

5.31 ptg.

Cik Sukinam Domo [Batang Sadong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan anggaran Belanjawan 1997 ini.

Pertama-tama izinkan saya merakamkan setinggi tahniah dan syabas serta terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta staf Kementerian Kewangan dan insan-insan arif lain yang telah merencanakan suatu Belanjawan yang cuba menseimbangkan keperluan menteknologikan negara supaya mampu bersaing dalam era maklumat ini dengan keperluan meneruskan usaha membudayakan masyarakat dengan nilai-nilai murni dan akhlak mulia agar menjadi masyarakat bertamadun yang tinggi martabat dan darjatnya.

Pendeknya agenda sosial diberikan penekanan dan memanglah tepat kerana kita sekarang dilanda oleh penyakit sosial yang pelbagai yang menjangkiti dan dihidapi oleh semua lapisan masyarakat. Saya percaya cita-cita murni Belanjawan 1997 ini akan tercapai dengan syarat semua pihak benar-benar menghayati dan melaksanakan semua strategi dan langkah yang direncanakan dengan penuh keinsafan, keikhlasan, keamanahan dan kebijaksanaan dan dengan berbekalkan pengetahuan dan kemahiran yang sentiasa dikaji semula dan dipertingkatkan. Dalam hal ini saya ingin memperingatkan kita semua mengenai beberapa isu yang masih wujud dan perlu ditangani khususnya yang melibatkan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat bandar dewasa ini sibuk berbicara tentang multimedia super corridor, Internet, Astro, bandaraya canggih (smart city), dengan izin, manakala masyarakat luar bandar pula sentiasa meluahkan rintihan ketiadaan prasarana asal iaitu ketiadaan bekalan api elektrik, ketiadaan bekalan air paip dan ketiadaan jalan raya yang boleh dilalui dengan selesa apatah lagi yang sudah berturap. Dalam hal ini saya amat gembira dan mengalu-

alukan tindakan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM480 juta bagi jalan-jalan luar bandar, RM892.6 juta bagi bekalan air dan RM199.7 juta bagi bekalan elektrik.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Annuar bin Musa, Menteri Pembangunan Luar Bandar yang telah memperuntukkan RM2 juta bagi menyiapkan jalan raya Gedung di kawasan saya yang diperuntukkan pada pilihan raya lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam urusan pembinaan jalan kampung dan penyediaan projek bekalan air dan api elektrik, adalah diharapkan masalah yang dihadapi tahun ini dalam pengurusan bekalan api elektrik tidak akan berulang. Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Encik Douglas Uggah Embas, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, *[Tepuk]* di atas usaha beliau menyelesaikan masalah tersebut iaitu masalah ketiadaan penyelarasan antara agensi-agensi pelaksana.

Tuan Yang di-Pertua, jangan pula saya disalah anggap tidak menyokong usaha kerajaan menteknologikan negara. Saya menyokong seratus peratus dan ianya memang wajar bahkan semua jabatan dan agensi kerajaan perlu mempunyai sistem pengurusan yang berteknologi tinggi. Tetapi, adalah diharapkan keperluan masyarakat luar bandar tidak akan diabaikan oleh penggubal dasar dan pelaksana di semua peringkat. Dasar kerajaan sungguh murni tetapi kadangkala pelaksanaannya terhambat oleh kelemahan pelaksana. Pelaksana hendaklah juga mempunyai political commitment, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa sektor pendidikan mendapat peruntukan yang terbesar iaitu RM2.354 bilion. Ini amat dialu-alukan. Dalam hal ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan pendidikan khususnya di Sarawak. Pertama, isu pendidikan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan telah merencana pelbagai program untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan ilmu atau pendidikan termasuklah kewujudan Sekolah Bistari. Idea ini baik, cuma saya berharap janganlah Sekolah Bistari ini hanya tertumpu di bandar besar dan negeri yang maju sahaja dan janganlah mengabaikan anak-anak di luar bandar dan pinggiran bandar yang masih jauh ketinggalan. Dalam mewujudkan Sekolah Bistari ini guru-gurunya perlu juga bistari dan untuk berupaya menjadi bistari memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya, bahkan sekolah biasa pun memerlukan guru yang berkelayakan.

Sehubungan ini, keadaan kekurangan guru siswazah terlatih sudah melanda Sarawak sejak beberapa lama. Pernah saya sebutkan di dalam Parlimen ini dulu, Sarawak kekurangan guru siswazah dan pada tahun ini sahaja kekurangannya ialah seramai 1,560 orang, 597 orang guru sains dan matematik dan yang lainnya ialah guru-guru sains sosial dan vokasional.

Saya berpendapat angka ini tidak akan dapat dikurangkan kalau langkah-langkah lebih drastic, dengan izin, tidak diambil. Apa yang berlaku sekarang ialah kekosongan tersebut dipenuhi oleh guru bukan siswazah dan guru sandaran tidak terlatih yang mengajar sains dan matematik di kelas menengah atas dan bahkan di tingkatan enam. Kita tidak akan dapat calon baru bagi guru siswazah sains dan matematik. Ini satu realiti kerana biasanya pelajar-pelajar yang cemerlang dalam sains dan matematik tidak akan memilih bidang perguruan sebagai profesion mereka, bahkan ibu bapa mereka pun tidak menggalakkan mereka menjadi cikgu. Biasanya mereka akan digalakkan menjadi jurutera, doktor dan sebagainya. Jadi, lebih baik kita memberi peluang kepada guru-guru bukan siswazah yang sedia ada meningkatkan kelayakan ke tahap ijazah. Kira-kira 677 orang guru bukan siswazah mengajar di kelas menengah atas dan tingkatan enam di Sarawak. Saya cadangkan UNIMAS menawarkan kursus khas yang membawa kepada Ijazah B.A atau B.Sc. yang bercorak akademik untuk menampung keperluan ini dan kerajaan pula memberikan cuti bergaji penuh kepada guru-guru ini.

Selain itu, saya sarankan juga guru-guru bukan siswazah yang sedang mengajar menengah atas dan tingkatan enam sekarang diberikan elaun khas sebagai pengiktirafan kepada beban tugas mereka. Sama seperti elaun khas yang diberikan kepada guru-guru khas lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah kekurangan guru siswazah, Sarawak juga masih mempunyai banyak sekolah daif yang memerlukan pembaikan dan penggantian

segera. Contohnya dari 9,000 buah bilik darjah sekolah rendah, 32.6% masih daif, dari 2,089 buah bilik darjah sekolah menengah 23.9% yang daif dan keadaan asrama pula lagi teruk, bak kata orang "penuh sesak macam ikan sardin dalam tin". Dari 655 buah asrama sekolah menengah 48% dalam keadaan teruk dan dari 417 buah asrama sekolah rendah 39.8% uzur.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan keadaan ini diperbaiki segera sebab sudah berlarutan begitu lama. Kita tidak mahu peristiwa SRK Abang Moh, Sesang berulang yang mengorbankan 13 nyawa. Bak kata pepatah Melayu "Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna".

Kedua, saya ingin menyentuh aspek pendidikan di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dalam *Berita Harian* keluaran 31hb. Oktober, 1996 Pengarah Bahagian Pendidikan Prasekolah Kemas, Encik Nikman bin Nikya dilaporkan telah menyatakan bahawa lebih banyak taman asuhan kanak-kanak yang akan dikenali sebagai pusat perkembangan kanak-kanak, pusat kegiatan Kemas dan taman bimbingan kanak-kanak akan dibuka di seluruh negara. Syabas diucapkan kepada kementerian kerana perencanaan tersebut yang pastinya akan membantu menyediakan anak-anak luar bandar memasuki dunia pendidikan formal yang lebih bersaing. Namun, saya berharap pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar khususnya Kemas akan menyediakan peruntukan secukupnya untuk membina pusat-pusat tersebut. Peruntukan hendaklah merangkumi pembelian tapak, pembinaan bangunan dan pembelian perabot bukan hanya sekadar membekalkan guru dan peralatan pengajaran dan pembelajaran sahaja.

Apa yang berlaku sekarang ialah wakil rakyatlah yang diminta untuk menyediakan tapak bangunan dan perabot. Sepatutnya setiap kampung ada Taska, Tadika atau Tabika. Kalau Kementerian Pembangunan Luar Bandar tiada peruntukan atau tiada berkeupayaan, saya sarankan agar Kementerian Pendidikan mengambil alih program pendidikan prasekolah ini dan mengintegrasikan program ini sebagai sebahagian daripada sistem persekolahan peringkat rendah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh isu pampasan tanah. Isu ini menjadi salah satu isu utama dibangkitkan oleh masyarakat luar bandar khususnya masyarakat bumiputera dalam pilihan raya yang lalu. Isunya bukanlah pampasan itu tidak memadai, tetapi yang sedikit pun belum dijelaskan oleh kerajaan sepenuhnya sejak tahun 1987 hingga sekarang. Misalnya di kawasan saya, kos pampasan tanah rakyat bumiputera yang diambil untuk projek Jabatan Perparitan dan Taliair pada tahun 1987, cuma 1.3 juta. Tetapi hingga kini cuma RM700,000 diselesaikan, bakinya kira-kira RM600,000 lagi belum lagi diselesaikan. Kerajaan perlu lebih prihatin dalam hal ini. Rakyat bumiputera khususnya di luar bandar hanya mempunyai tanah kampung dan kebun yang rendah nilainya. Apabila sebahagian tanah diambil oleh kerajaan, mereka membenarkannya demi kemajuan. Tetapi malangnya pampasan tidak dibayar atau mengambil masa 10 tahun dan lebih baru dilunaskan. Tetapi kalau tanah itu tanah bandar, pampasannya cepat sekali. Inilah isu yang ditimbulkan oleh masyarakat luar bandar. Saya mohon kepada kerajaan agar membayar semua pampasan itu pada tahun 1997 dan pada masa hadapan, pampasan hendaklah dibayar segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu wanita. Saya menyokong penuh hujah-hujah rakan saya Yang Berhormat dari Parit pada minggu lepas berhubung dengan ketidakadilan terhadap wanita. Saya menyokong bukan kerana saya juga seorang wanita atau kerana sentimen semata-mata. Tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Parit itu adalah benar. Setiap kali peperiksaan awam peringkat sekolah atau universiti dikeluarkan, pelajar wanitalah yang teramai mendapat keputusan cemerlang. Pekerja atau kaum wanita juga sentiasa dikatakan sebagai pekerja atau pegawai yang beramanah, dedikasi dan berprestasi tinggi. *[Tepuk]* Tetapi berapa ramaikah wanita memegang jawatan tinggi, jawatan yang melibatkan penggubalan dasar. Cuba kita renungi bersama berapa ramaikah Ketua Setiausaha Kementerian terdiri dari wanita? *[Disampuk]* Berapa orangkah ketua jabatan sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri terdiri dari wanita. *[Disampuk]* Berapa orangkah pegawai daerah terdiri dari wanita? *[Disampuk]* Berapa orangkah vice-chansellor universiti terdiri dari wanita? *[Disampuk]* Saya sarankan agar satu kajian yang mendalam dan menyeluruh dibuat untuk menganalisis mengapa fenomena begini berlaku.

Satu lagi isu yang ingin saya timbulkan ialah hal Jabatan Polis. Polis telah melakukan tugas yang begitu cemerlang. Boleh dikatakan cekap. Saya percaya kecekapan ini boleh ditambah kalaulah mereka diberikan peralatan yang canggih juga. Apa yang berlaku saya dapati dalam dua insiden apabila membuat laporan di balai polis, balai polis seolah-olah macam 'junk house', dengan izin. Di luar cantik, catnya berwarna berkilat-kilat, tetapi apabila kita masuk di dalam kita dapati peralatan yang digunakan begitu obsolete, dengan izin, dengan typewriter manual berpuluh-puluh tahun. Jadi, saya rasa kalaulah mereka mempunyai peralatan yang canggih dan 'up-to-date' dengan izin, mereka dapat membuat tugas dengan lebih cekap lagi, dapat membuat laporan dengan cepat daripada kita menunggu berjam-jam, dan mereka juga dapatlah menjalankan tugas-tugas lain, rondaan dan sebagainya lebih kerap lagi. Mereka perlulah diberikan kursus-kursus untuk mengendalikan peralatan-peralatan yang canggih itu.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya rasa itulah sahaja antara perkara yang dapat saya bangkitkan dalam perbahasan Belanjawan 1997 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sabar ya, Timbalan Menteri hendak buat Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.46 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

> Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam,

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

> Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bandau.

5.47 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Belanjawan bagi tahun 1997. Ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang dilafazkan di Dewan yang mulia ini pada 25hb. Oktober, 1996 telah menekankan bahawa tujuan asas ialah untuk memperkukuhkan asas ekonomi serta menjamin kemakmuran rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam peluang yang singkat ini saya ingin menghuraikan beberapa masalah dan cabaran yang menghambatkan pelaksanaan dasar dan program sepertimana yang terkandung dalam Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan. Perkara-perkara ini perlu diberi perhatian supaya matlamat murni Belanjawan dapat dicapai dan benar-benar membawa manfaat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi usaha kerajaan mencapai pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh produktiviti, soal produktiviti telah disentuh di mana kadar kemiskinan dan kadar kenaikan upah adalah lebih tinggi, iaitu 8.6% berbanding dengan kadar kenaikan produktiviti, iaitu produktiviti buruh, iaitu 3.9% dalam tempoh 7 bulan pertama tahun ini. Kedudukan ini bukan sahaja menimbulkan keadaan di mana industri-industri negara menghadapi masalah saingan atau 'competitiveness' bagi barangan yang dieksport, tetapi ia juga membawa kesan kepada kenaikan inflasi di negara kita. Harus juga diingatkan bahawa

produktiviti buruh yang dinikmati oleh negara pada masa kini meliputi buruh asing yang dikatakan tidak kurang 2 juta jumlahnya, di mana juga tidak kurang daripada 40% daripada mereka ini ialah pekerja tanpa izin. Jika mereka ini dinilai sebagai buruh sah, 'legal workers', dengan izin, yang mengakibatkan kos tambahan kepada majikan, maka produktiviti buruh adalah lebih rendah daripada apa yang dikenal pasti.

Dari segi produktiviti pekerja di peringkat perkhidmatan awam perhatian yang lebih khusus harus ditumpukan supaya produktiviti mereka meningkat sesuai dengan kenaikan upah dan pemberian bonus tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini masih banyak jabatan kerajaan yang ketara sekali belum berfungsi dengan betul ataupun ke dalam tahap yang diekspektasikan sesuai dengan matlamat kementerian dan jabatan-jabatan yang tersebut. Pihak Perkhidmatan Awam telah mulai mengutarakan tema 'customer first service' dan telah mula mengamalkan penilaian perkhidmatan dengan menggunakan ISO 9000 sebagai pengukur standard perkhidmatan. Ini amatlah dilaung-laungkan dan haruslah dilaksanakan secara meluas dan secepat mungkin, khasnya bagi jabatan-jabatan yang melibatkan perkhidmatan secara meluas kepada pelanggan-pelanggan awam seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Pendidikan, Jabatan Pendaftaran Negara, JPJ, Majlis-majlis Daerah dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini layanan dan tahap perkhidmatan beberapa jabatan dan agensi kerajaan kepada masyarakat umum, khususnya di luar bandar amat rendah sekali dan mengecewakan. Bagi Jabatan Pendaftaran Negara, misalnya, di peringkat negeri Sabah, sungutan rakyat ialah seolah-olah Pegawai Pendaftaran ini kurang memperdulikan rakyat. Bila memohon kad pengenalan atau memohon sijil kelahiran, bukan sahaja kaunter-kaunter sentiasa penuh dengan queue yang begitu panjang, tetapi seringkali pegawai-pegawai pendaftaran tidak ada di dalam pejabat. Maka orang awam yang datang dari jauh terpaksa tinggal dua hari untuk menguruskan kad pengenalan atau kembali ke kampung tanpa siap urusannya. Ini amat menyusahkan. Seringkali mereka sudah menunggu dua tahun selepas memohon kad pengenalan, tetapi diminta lagi memohon balik atau mengisi borang sekali lagi dan membekalkan gambar.

Bagi orang miskin, ini amat menyulitkan. Orang-orang asing yang ada surat akuan tetapi tidak pandai atau tidak berapa fasih dalam bahasa Malaysia pula seringkali terus boleh masuk ke dalam pejabat pegawai. Juga banyak pula orang tempatan kita, selepas dua tahun menunggu kad pengenalannya selepas permohonan, apabila menerima kad pengenalan, ada bertajuk pula dengan penduduk sementara.

Tuan Yang di-Pertua, kes ini bukannya isolated dan pihak kami sedang mengutip bukti daripada seluruh negeri Sabah dan pada saat ini pun puluhan yang sudah kita terima di mana orang-orang tempatan, di mana ibu dan bapanya adalah berada di dalam negeri Sabah semenjak 50 - 100 tahun, semenjak nenek moyang mereka, tetapi mereka juga diberi status penduduk sementara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini biasa di kawasan Kota Marudu dan saya telah menyentuh perkara ini pada masa-masa yang lalu, tetapi mengikut laporan kita, bukan sahaja di kawasan saya, iaitu di kawasan Bandau, di Pekan Kota Marudu, tetapi perkara seperti ini berleluasa juga di Kudat, di Pitas, di Bukit Garam - kawasan Tuan Yang di-Pertua sendiri dan di Beluran, iaitu kawasan-kawasan Barisan Nasional. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kawasan Kinabatangan ini sebenarnya begitu besar sekali. Kalau dimasukkan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak pun, masih boleh dimasukkan dalam kawasan pilihan raya Kinabatangan dan perkara-perkara sebagaimana yang saya sentuhkan tadi juga, saya sedia maklum di mana orang di kawasan Pinanguh, begitu banyak masalah untuk turun ke Bukit Garam untuk mendapatkan kad pengenalan kerana sama juga masalahanya di peringkat pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, bahkan Pejabat Pendaftaran Negara di Kota Kinabalu pun kesesakan dan queue yang panjang itu masih lagi menjadi perkara biasa. Jadi, jika kita mahu, dan kerajaan mahu membincangkan perkara ISO 9000, tolonglah mulakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

Satu lagi kementerian atau jabatan yang perlu mengambil tindakan dan melakukan langkah meloncat 'quantum leap' dari segi produktiviti kakitangannya, khasnya, guru-guru di luar bandar ialah Jabatan Pendidikan. Kita

sedia maklum mengenai beberapa buah sekolah di negeri Sabah di mana guru-guru sekolah tidak hadir untuk mengajar, termasuk Guru Besarnya. Jika mereka hadir, mereka hadir sekadar untuk menandatangi buku kehadiran selepas itu main 'catur' di pejabat atau keluar pejabat ke pekan untuk mengejar projek kerajaan Barisan Nasional. Ini sedang terjadi di sebuah sekolah bernama S.K. Lesoh dalam kawasan Kota Belud, yang mana pada tahun lalu, iaitu pada tahun 1995, tidak seorang pun tamat UPSR.

Pihak masyarakat di kampung tersebut telah mengadu beberapa kali, tetapi tidak ada tindakan yang dilakukan, akhirnya penduduk menjadi bosan dan tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan mereka katakan buang masa sahaja, baik kerja ladang sahaja. Saya minta pihak Kementerian Pendidikan mengambil tindakan yang tegas kerana saya sedia maklum, para penduduk sebenarnya telah menghantar surat aduan beberapa kali kepada Pengarah Pendidikan Negeri Sabah mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini bukan isolated case, bahkan, biasa berlaku di sekolah-sekolah yang terpencil yang mana tidak terkawal oleh Jabatan Pendidikan. Di kawasan saya berlaku juga iaitu di S.K. Takibang, di mana Guru Besar dan guru-guru lain pergi ke pekan Kota Marudu dua minggu sebelum hujung bulan, dengan tujuan mengambil gaji guru-guru tetapi sebenarnya mengelakkan tugas di sekolah. Saya sedia maklum untuk ke tempat ini memerlukan perjalanan selama satu hari dari pekan, tetapi kalau hendak ambil gaji dua minggu sebelum hujung bulan, ini terlalu ketara dan implikasinya ialah mereka mengelakkan tugas di sekolah.

Akibatnya ialah kanak-kanak sekolah tidak diberikan pendidikan yang sewajarnya dan ibu bapa hilang kepercayaan (confident) kepada sistem persekolahan. Untuk perlaksanaan ISO 9000 dalam Jabatan Pendidikan, tolonglah mulakan dengan peningkatan prestasi perkhidmatan yang asas, khususnya bagi sekolah-sekolah di kawasan pedalaman supaya jurang pencapaian pelajar di antara kawasan bandar dengan kawasan desa dapat kita kurangkan. Jika tidak, ia akan menimbulkan ketidakadilan dalam sektor pendidikan.
Sementara pihak kerajaan membina Sekolah Bistari dan sekolah yang berkomputer dan seterusnya, perkara-perkara asas dan hak murid-murid serta anak-anak kita di luar bandar mengenai hak mereka access kepada pendidikan hendaklah diberi perhatian yang lebih serius lagi.

Satu lagi jabatan yang harus diberi tumpuan dari segi pelaksanaan ISO 9000 ialah Jabatan Kesihatan. Sifat-sifat doktor, nurses, dengan izin, hospital assistant, perlu dibentuk supaya memberi perkhidmatan yang ada standard. Masalah bagi kebanyakan hospital dan klinik desa, keadaan di mana pesakit itu dimarahi, diteriak-teriak seringkali berlaku. Sudahlah sakit badan, hati disakiti lagi pula. Perkara-perkara kecil seperti lupa kad pengenalan, buta huruf, tidak dapat bertutur dalam bahasa Malaysia, separuh tuli, menjadi asas bagi mengutuk atau memarahi pesakit. Hospital bukan pula tempat rawatan, tetapi menjadi tempat lebih sakit dan banyak pesakit yang tidak datang ke hospital kerana takut dimarahi oleh nurse ataupun doktor.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dalam perkara ini, ianya telah menjadi amalan biasa di hospital dan klinik-klinik desa di luar bandar dan pihak kita minta supaya perhatian diberi kepada perkara ini, sesuai dengan keinginan kerajaan meningkatkan perkhidmatan dan produktiviti pekerja dan kakitangan kerajaan supaya keadaan dan standard dalam jabatan-jabatan kerajaan, seperti yang saya sentuh tadi bolehlah setaraf dengan sebuah negara yang ingin membangun.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan untuk memperkukuhkan kedudukan imbangan bayaran adalah dialu-alukan, namun demikian, program dan langkah-langkah yang dilaksanakan semenjak Belanjawan 1996 nampaknya tidak begitu berkesan, memandangkan kedudukan imbangan bayaran negara masih tinggi lagi.

Mengikut apa yang dilaporkan di dalam surat khabar dan para ekonomi yang lain, ialah masih dalam kadar RM18 bilion. Usaha untuk menuju ke era digital, pengeksportan teknologi dan keluaran teknologi canggih dan lain-lain adalah dipuji, tetapi langkah-langkah ini tidak berkesan di dalam jangka pendek, memandangkan begitu banyak projek kerajaan dan swasta yang berintensif kapital dan buruh iaitu memerlukan pengimportan barangan kapital, capital goods, dengan izin, yang tidak dibuat di negara kita. Projek Bakun, Putrajaya, Linear City, Multimedia Super Corridor - akan mewujudkan keadaan

di mana imbangan bayaran negara akan berterusan di dalam perkara ini. Pihak kerajaan haruslah berjaga-jaga supaya keadaan ekonomi negara berada di dalam keadaan terkawal dan supaya, confidence, dengan izin, oleh pihak pelabur dapat berterusan.

Dengan adanya bottle neck dalam sektor pembekalan buruh, maka ini akan membawa akibat conscious investment climate, dengan izin, dalam jangka masa pendek bagi pelabur-pelabur yang bukan bersifat industri - mereka bukan bersifat industri teknologi intensif. Dalam perkara yang sama, bukan juga mudah untuk menukar production lain daripada labour intensive, dengan izin, kepada technology intensive dan dalam jangka pendek, bukanlah senang untuk mengatasi bottle-neck yang saya sentuhkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi jangka panjang kerajaan harus mengutamakan projek-projek ekonomi dan sosial di luar bandar demi mengurangkan jurang pendapatan masyarakat di bandar dan di desa. Walaupun projek-projek seperti Petronas Twin Tower, KL Tower, Bakun, Putrajaya ada mempunyai asasnya, tetapi dari segi prioritas pembangunan sosial serta prinsip keadilan dan social justice, dengan izin, dalam pembangunan, kemiskinan di luar bandar hendaklah diberi keutamaan dari segi peruntukan, supaya wujud sebuah negara yang pembangunannya seimbang, adil dan sesuai dengan sifat-sifat apa yang dikatakan 'civilize society' iaitu masyarakat madani.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembangunan ekonomi di peringkat negeri Sabah pula, dasar dan pendekatan kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara melalui pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan bukan daripada pertumbuhan pelaburan semata-mata adalah dialu-alukan. Dalam hal ini, kerajaan telah menekankan pentingnya penggunaan teknologi tinggi dan pengeluaran barangan eksport yang bernilai tinggi. Ini memerlukan pengalihan industri intensif guru kepada industri berintensif modal dan automasi serta latihan bagi memaksimumkan keupayaan tenaga kerja tempatan.

Di peringkat negeri Sabah, pendekatan pembangunan ekonomi seperti yang diutarakan oleh Kerajaan Pusat nampaknya tidak diberi perhatian yang serius. Usaha untuk mengutamakan aktiviti-aktiviti ekonomi yang bersifat nilai tambah (value added), dengan izin, dan berintensif modal dan automasi tidak diteruskan walaupun dasar dan strategi pembangunan tersebut telah dimulakan oleh kerajaan negeri yang lalu iaitu Kerajaan Parti Bersatu Sabah.

Perkara ini amatlah mengecewakan dan mencerminkan bahawa kerajaan negeri yang ada sekarang ini mengutamakan pembangunan ekonomi yang bersifat jangka pendek semata-mata dan tidak mementingkan pembangunan dan pelaburan ekonomi yang bersifat jangka panjang. Kedudukan ini disebabkan oleh pandangan dan perancangan pucuk pimpinan kerajaan negeri yang bersifat jangka pendek, memandangkan penggal jawatan Ketua Menteri ialah hanya dua tahun sahaja. Masalah yang timbul ini sebenarnya telah kita tekankan di Dewan yang mulia ini, ini sebagai kesan buruk daripada tindakan Kerajaan Pusat menggilirkan jawatan Ketua Menteri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah dilaksanakan ketara sekali bahawa beberapa tindakan yang tidak rasional dari segi pendekatan ekonomi telah dilakukan dengan sewenang-wenangnya, terutamanya ialah tindakan kerajaan negeri untuk memansuhkan 'log ban' dan mengeksport kayu balak (round logs), dengan izin, sejumlah dua juta meter padu setahun. Tindakan ini bukan sahaja bertentangan dengan dasar Kerajaan Pusat yang inginkan pengeksportan hasil hutan yang bernilai tambah tetapi juga akan membawa akibat buruk kepada kilang-kilang papan di mana sejumlah besar daripada mereka akan terpaksa menutup kilang dan menghentikan pemprosesan kayu balak.

Saya melihat bahawa Menteri Perusahaan Utama juga telah bersetuju dengan pendekatan kita ini, akibat keseluruhan ialah menghentikan usaha memproses hasil hutan negeri kepada produk-produk yang bernilai tambah iaitu sebuah aktiviti ekonomi yang memerlukan penggunaan teknologi moden, pemberian peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Dari segi dasar pelaburan tindakan yang tidak logik ini juga memberi kesan buruk kepada pelabur-pelabur asing khasnya mereka yang telah melabur dalam sektor pemprosesan hasil hutan kerana dasar ekonomi negeri tidak konsisten dan tidak berhaluan. Kedudukan ini akan menggugatkan imej pelaburan negara khususnya di peringkat negeri Sabah.

Pihak kita difahamkan bahawa keputusan kerajaan negeri memansuhkan log ban dan mengeksport kembali kayu balak ialah kerana kedudukan kewangan negeri adalah mendesak iaitu kerajaan negeri tidak ada wang untuk melaksanakan program pembangunan yang dijanjikan. Kita hairan perkara ini timbul kerana hujah utama yang sering dilaung-laungkan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sabah khususnya ialah bahawa Kerajaan BN banyak wang, banyak projek. Ketara sekali bahawa kata-kata sedemikian tidak betul kerana dasar pengeksportan hasil hutan yang mengutamakan sustainability sektor tersebut dan mengamalkan pengeluaran hasil yang bernilai tambah tidak lagi dipedulikan kerana sekadar menyelesaikan masalah kewangan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kita berharap supaya Kerajaan Pusat tidak akan membiarkan keadaan ini berterusan kerana akibat buruknya kepada dasar pembangunan, pelaburan dan imej negara. Rakyat biasa di negeri Sabah juga tertanya-tanya adakah tindakan mengeksportkan semula kayu balak ini adalah sekadar dilakukan kerana ada kepentingan peribadi para pemimpin negeri melalui syarikat-syarikat pengeksportan. Ini persoalan kita, ini adalah soalan yang perlu diselidiki oleh pihak Kerajaan Pusat, jikalau ia benar-benar mengamalkan pentadbiran yang bersih dan terbuka sepertimana yang dilaung-laungkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin tekankan, yang ada kaitan dengan dasar pelaburan negeri yang tidak konsisten ini ialah keputusan kerajaan negeri untuk meluluskan penempatan sebuah kilang besi, yang akan dibina oleh Nusantara Steel Sendirian Berhad dalam kawasan Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP). Pelaburan yang dijangkakan ialah kira-kira RM2 bilion dan memerlukan 300 ekar sebagai tapaknya. Kita sedia maklum, bahawa industri steel atau besi yang sebesar seperti ini ialah terkenal sebagai polluting industry, dengan izin, di mana-mana negara. Kita hairan kenapa industri berat dan dikenali sebagai pencemar alam sekitar boleh dibenarkan untuk dibina dalam kawasan KKIP yang dari awal dirancang sebagai tapak industri yang bersifat industri kecil dan sederhana (IKS) ataupun SMI.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, saya akan gulung.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan KKIP, kawasan tapak telah disediakan untuk industri makanan, pendidikan, perumahan dan pelancongan. Keputusan kerajaan dalam perkara ini amat sama sekali tidak ada logik dan tidak berkepentingan kepada pemuliharaan alam sekitar. Pada masa yang sama kita difahamkan bahawa kira-kira 60 pelabur tempatan, kebanyakannya syarikat-syarikat bumiputera telah diketepikan daripada tapak yang telah diberi kepada Nusantara Steel Sendirian Berhad, walaupun pelabur-pelabur tempatan ini telah lebih dahulu mengemukakan permohonan tapak. Sekarang mereka diberitahu supaya tunggu dahulu kerana tapak belum disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting dalam perkara ini, ialah industri steel ini biasanya industri yang di'reject' oleh kebanyakan negara-negara lain dan kita ingin minta daripada menteri yang bertanggungjawab iaitu Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya memberi jaminan kepada rakyat negeri Sabah adakah kajian Environmental Impact Assessment (EIA) telah dilakukan sebelum keputusan dibuat untuk menetapkan kilang besi ini dalam kawasan KKIP? Kalau telah dibuat dan kajian EIA telah pun disiapkan, kita minta dibekalkan melalui Parlimen supaya pihak kita boleh mengkaji dan para NGO dan mereka yang mementingkan perkara pemuliharaan alam sekitar boleh mengambil pendirian dan juga mengambil pandangan di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap bahawa pihak kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas dan tolonglah bekalkan EIA report itu kepada kita dan kepada umum supaya kita boleh mengkaji bersama-sama untuk kebaikan kawasan KKIP dan negeri Sabah keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa yang singkat, sekadar itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kapar.

6.07 ptg.

Dr. G. Leelavathi [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan tahniah serta penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

merangkap Menteri Kewangan terhadap pembentangan Belanjawan Persekutuan 1997 di Dewan yang mulia ini pada 25hb. Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan tahun ini yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, baru-baru ini adalah merupakan satu belanjawan yang membuktikan keprihatinan kerajaan mengukuhkan agenda sosial bagi mewujudkan pembangunan sepadu dan berimbang.

Keseluruhan belanjawan itu juga mengimbangi tuntutan bagi mengekalkan kejayaan pertumbuhan ekonomi dan mengurus secara berhemat. Kerajaan juga membuktikan iltizam berterusan bagi membela nasib rakyat termasuk merapatkan jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar. Keseluruhan belanjawan kali ini juga adalah persiapan negara ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah negara perindustrian maju. Bagaimanapun, selain penekanan kepada aspek pertumbuhan ekonomi, perhatian berat kepada agenda sosial adalah sesuatu yang menarik. Buktinya, buat kali pertama sejumlah peruntukan besar bagi mencegah dan memerangi AIDS disebut dalam belanjawan.

Oleh itu, cadangan mempertingkatkan bantuan kewangan bagi badan-badan bukan kerajaan (NGO) kepada RM50 juta termasuk RM10 juta kepada Yayasan AIDS Malaysia adalah amat dialu-alukan. Sejumlah RM280.7 juta pula disediakan untuk tahun 1997 bagi mengendalikan bantuan-bantuan kebajikan, memperlengkapkan institusi untuk warga tua, tempat perlindungan dan pemulihan kanak-kanak remaja dan golongan kurang upaya.

Sejumlah RM149 juta disediakan untuk program pemulihan dadah di bawah Agensi Dadah Kebangsaan dan jabatan berkaitan serta peruntukan sebanyak RM5 juta juga disediakan kepada Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sepertimana yang diperkatakan oleh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bahawa institusi keluarga merupakan benteng pertahanan moral dan tunjang keutuhan masyarakat. Kepincangan sosial tidak semestinya membengkak seiring dengan pembangunan. Apalah ertinya wang ringgit dibandingkan dengan tuntutan pembangunan sosial dan keperluan merawat penyakit masyarakat. Runtuhnya institusi keluarga, rapuhnya institusi sosial dan merosotnya akal budi? Apalah ertinya asas ekonomi yang semakin kukuh sedangkan masalah sosial semakin meruncing? Apalah erti kemajuan jika kita bergelut dengan persoalan keadilan sosial dan isu moral?

Saya merasakan bahawa Belanjawan 1997 menjawab segala persoalan tersebut. Secara umumnya, matlamat belanjawan adalah untuk mengawal ekonomi, menseimbangkan antara pendapatan dan perbelanjaan. Kita juga perlu lihat kesannya kepada masalah sosial. Dalam konteks ekonomi, memanglah kita terima hakikat bahawa kegagalan menguruskannya dengan bijak akan menyebabkan kemakmuran negara hancur, tetapi bijak mengurus ekonomi negara sekalipun, sedangkan rakyat diselubungi dengan pelbagai gejala sosial, ia tidak memberi apa-apa makna.

Walaupun kita juga boleh menganalisa Belanjawan 1997 ini dari banyak sudut dengan persepsi yang berbeza, tiada siapa yang boleh menafikan penegasan agenda sosial untuk menegakkan keadilan dan kesaksamaan. Dari segi peruntukan, kita dapat lihat bahawa sebanyak RM5.036 bilion atau 29.2% daripada peruntukan pembangunan disediakan untuk sektor sosial.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial biasanya wujud apabila berlaku penghijrahan tanpa dikawal, penduduk desa ke bandar besar untuk mencari pekerjaan. Andaian di bandar ada segala-galanya manakala di desa terus dibiarkan mundur, ditolak sama sekali dalam Belanjawan 1997. Kerajaan menjadikan strategi merapatkan jurang antara bandar dan desa sebagai agenda kritikal. Sejumlah RM7.0951 bilion disediakan bagi pembangunan kawasan desa dan pedalaman. Jika, sekadar mahu berhijrah tanpa perancangan masa depan yang terjamin, adalah lebih baik menetap di desa. Tetapi jika bersedia menjadi warga kota yang produktif, tidak ada salahnya berusaha dengan cara berbekalkan ilmu pengetahuan di dada.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat kembali kepada sejarah Malaysia, kedatangan masyarakat India di sini pada asalnya adalah bertujuan untuk mengusahakan estet-estet dan membuat jalan-jalan raya. Mereka seolah-olah terpisah dengan dunia luar dan keadaan ini juga menyebabkan mereka tidak bersedia untuk merancang masa depan yang baik, ibaratkan

"kais pagi makan pagi". Mereka tidak mempunyai simpanan sebagai aset untuk membeli rumah kos rendah sekalipun. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak bersedia apabila kawasan estet tersebut terlibat dengan projek pembangunan. Maka akan wujudlah kawasan-kawasan setinggan baru atau menyesakkan lagi kawasan setinggan yang sedia ada. Keadaan kesempitan hidup seperti ini jugalah antara punca beberapa gejala negatif seperti "gangsterism" dan banyak lagi perkara-perkara buruk.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu apa yang membimbangkan juga sekarang ialah masalah keciciran pelajar kaum India. Keciciran dan pencapaian akademik yang lemah dikatakan berpunca daripada beberapa sebab, antaranya ialah keadaan latar belakang sosio-ekonomi pelajar, kualiti sekolah dan pengaruh alam sekeliling.

Tuan Yang di-Pertua, untuk ini dicadangkan supaya pembelaan yang sewajarnya harus diberikan kepada kaum India dengan diberikan insentif seperti skim vendor, skim francais menerusi kerjasama bumiputera, skim pembangunan usahawan kaum India dan lain-lain lagi. Diharapkan dengan bantuan-bantuan yang diberikan membolehkan kaum India di Malaysia akan seiring maju bersama-sama dengan kaum lain.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang dilihat dalam pembentangan belanjawan itu, nyata kerajaan mahukan institusi keluarga yang semakin longgar ini ditautkan semula agar anak yang membesar dalam lingkungan keluarga itu boleh berfikir secara waras, membezakan mana yang baik dan mana yang buruk sebelum melakukan sesuatu. Apa yang diperhatikan selama ini, didapati kemerosotan akhlak remaja berpunca daripada pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak dan keluarga kerana kurangnya didikan agama. Remaja pula, ada yang menyalahkan ibu bapa dengan mendakwa merekalah punca segala masalah. Jika diteliti, memang ada juga benarnya memandangkan majoriti ibu bapa kini tidak lagi mengambil berat perihal anak-anak sehingga ada ibu bapa yang tidak tahu ke mana anak mereka berada pada waktu tengah malam.

Tuan Yang di-Pertua, gejala sosial yang baru mula yang membimbangkan masyarakat India di negara ini berikutan dengan hubungan yang dijalinkan antara wanitanya dengan lelaki Bangladesh sama ada secara sukarela, dipaksa mahupun diperdayakan. Kebanyakan yang menjadi mangsa ialah mereka yang berpelajaran rendah dan daripada keluarga miskin. Ada juga di antara keluarga mereka ini yang menyewakan rumah mereka kepada pekerja Bangladesh dan kesempatan ini dipergunakan bagi memikat atau memperdayakan gadis-gadis ini. Gadis-gadis ini menganggap lelaki Bangladesh sedia memberikan kasih sayang dan mengurangkan tekanan hidup serta tempat mencurahkan masalah pula...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yan bangun minta jalan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Wanakam'. *[sambil mengangkat kedua-dua belah tangan dan tunduk] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan.

Dr. G. Leelavathi: Okay.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Selamat Deepavali'. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tentang pendatang Bangladesh ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan atau beri sedikit penjelasan, apakah dia kelebihan orang-orang Bangladesh ini kalau dibandingkan dengan orang kita di Malaysia ini? Di manakah keistimewaan yang mereka ini dapat memikat gadis-gadis daripada Malaysia ini, jadi macam mana pandangan Yang Berhormat? Saya pun tidak berapa setuju juga kerana mereka mengusik orang-orang Malaysia ini. Mengapa mereka 'syok' dengan orang Bangladesh? *[Ketawa]* Saya mahu tahu sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. G. Leelavathi: Yang Berhormat saya ingat ada banyak faktor yang menyebabkan wanita di sini 'syok' dan tertarik dengan Bangladeshi. Dia kata 'Bangladeshi ini handsome', satu. Dia tidak marah, selalu senyum dan banyak sebab lagi yang wanita di sini suka kepada lelaki Bangladeshi. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Senyum banyakkah Bangladesh ini? *[Ketawa]*

Dr. G. Leelavathi: Gadis-gadis menganggap lelaki Bangladesh sedia

memberikan kasih sayang dan mengurangkan tekanan hidup serta tempat mencurahkan masalah, tambahan pula lelaki Bangladeshi juga memberikan pelbagai barangan.....

Seorang Ahli: Apa barangan itu? *[Ketawa]*

Dr. G. Leelavathi: .....barangan seperti pakaian, jewellery - semualah! *[Ketawa]* Bagi wanita yang sudah berkahwin pula dan menghadapi masalah rumahtangga, lelaki Bangladeshi terutama yang bekerja di tempat yang sama adalah tempat mendapatkan kasih sayang, walaupun ia bersifat sementara dan berunsur memperdaya.

Wanita masyarakat India tempatan perlu menerima hakikat bahawa mereka tidak dapat menjalani kehidupan sempurna apabila mengikuti lelaki Bangladesh ke negara itu memandangkan lelaki Bangladesh itu sendiri datang ke negara ini atas desakan ekonomi. Perkara ini sebenarnya bukan lagi masalah individu tetapi telah menjadi masalah sosial yang bukan sahaja merosakkan masa depan seorang gadis, tetapi memporakperandakan keluarga serta menjejaskan institusi keluarga, masyarakat India.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kasta di kalangan masyarakat India juga antara merupakan punca kepada gejala tersebut. Sistem kasta ini sebenarnya hanya menghalangkan ramai wanita daripada berkahwin kerana gagal mendapatkan lelaki daripada kasta yang sama atau 'pinangannya' ditolak. Untuk itu, pendatang asing Bangladeshi tidak dihalang untuk mengisi kekosongan dalam sektor pekerjaan, tetapi biarlah kehadirannya tidak menggugat keharmonian masyarakat dan seterusnya memulakan beberapa siri gejala tidak sihat.

Selain daripada itu, faktor ibu bapa yang mengabaikan pendidikan agama turut menyumbang kepada permasalahan ini. Bagaimanakah remaja boleh mendapatkan ilmu agama daripada ibu bapa, jikalau ibu bapa sendiri tidak menunjukkan contoh yang baik dalam perkara ini?

Saya amat mengalu-alukan peruntukan sejumlah RM60.2 juta untuk Program Rakan Muda. Ini juga antara usaha yang dirangka bagi membendung masalah sosial yang melanda remaja, tetapi apa yang diharapkan ialah agar ianya menepati sasaran iaitu menjurus kepada remaja yang bermasalah. Belanjawan '97 juga adalah strategi jangka panjang kerajaan bagi memastikan pertumbuhan berterusan di negara ini agar manfaatnya dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Ini terbukti apabila belanjawan tahun hadapan memberi tumpuan kepada kepentingan sosial, pendidikan khususnya berteknologi tinggi seperti komputer bagi membangunkan sumber manusia yang mampu menghadapi saingan masa depan yang lebih mencabar.

Peruntukan besar untuk sektor pendidikan dan latihan tenaga kerja membuktikan kesungguhan kerajaan untuk melahirkan generasi yang mempunyai tahap profesionalisme dan kemahiran yang tinggi selaras dengan peralihan Malaysia ke arah negara maju. Ini kerana kerajaan menyedari hanya generasi berpengetahuan dan berkemahiran terkini mampu menghadapi persaingan dunia sejagat.

Ketika membentangkan Belanjawan '97, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim mengemukakan peruntukan sebanyak RM13.2 bilion untuk sektor pendidikan dan latihan tenaga kerja. Daripada jumlah itu, hampir RM10 bilion adalah untuk keperluan sekolah, pelaksanaan program komputer dalam pendidikan dan pembiayaan institusi pengajian tinggi. Keprihatinan terhadap bidang pendidikan ini juga terbukti apabila kerajaan mencadangkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% ke atas pendapatan pensyarah bukan pemastautin yang memberi syarahan di institusi yang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan kali ini juga meneruskan usaha mengikuti kehendak ekonomi semasa dengan menyediakan infrastruktur untuk melonjakkan negara ke abad yang akan datang khususnya dalam perkembangan teknologi komunikasi dan teknologi maklumat. Bertepatan dengan itu, rakyat juga sebenarnya amat mengalu-alukan kehadiran atau penambahan siaran televisyen dan yang terbaru iaitu Astro. Namun, teknologi terkini dan mahal ini tidak dapat dikongsi sama oleh mereka yang tidak berkemampuan untuk melanggan siaran tersebut. Oleh itu, diharapkan siaran televisyen yang sedia ada seperti RTM, TV3 dan Metro Vision dapat meningkatkan program-program ke tahap yang lebih baik lagi sebagai alternatif kepada golongan yang tidak mampu.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat diminta gulung, ya!

Dr. G. Leelavathi: Saya hendak gulung. Secara keseluruhannya belanjawan yang dibentangkan kali ini dapat meneruskan pertumbuhan ekonomi negara sebagai yang dinikmati sebelum ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan.

6.28 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan dalam perbelanjaan negara tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat putus asa apabila Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan membuka rahsia perbelanjaan untuk tahun hadapan. Perbelanjaan ini tidak membawa keuntungan atau faedah yang secara langsung pada golongan miskin, tetapi ia memberi galakan dan insentif yang hebat kepada golongan pekilang-pekilang besar, institusi kewangan dan juga korporat-korporat.

Sebelum pengumuman perbelanjaan, ramai menyangka kerajaan akan memberi sedikit-sebanyak gula-gula atau faedah-faedah secara langsung, seperti menurunkan cukai barangan keperluan harian, memansuhkan cukai jalan untuk motosikal, memberi wang tunai RM100 kepada orang-orang tua dan juga meninggikan pencaruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada kadar faedah KWSP yang asal iaitu 8% dan memberi insentif kepada para petani dan juga nelayan, tetapi semua ini tidak disentuh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat yang kian bersaing dan mencabar, kebanyakan golongan pekerja perlu mengejar masa untuk mencari rezeki. Ini boleh dilihat pada masa pergi dan balik dari kerja, begitu sesak jalan raya, begitu penuh dengan kebimbangan dan juga renungan. Sebab itulah ramai di kalangan masyarakat kita ini sekarang menghidapi sakit jantung dan juga darah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mereka bimbangkan masalah harian seperti tempat duduk iaitu perumahan, harga rumah kian tinggi. Orang biasa tidak mampu membeli rumah harga rumah. Cuma menjadi slogan pemimpin-pemimpin politik sahaja. Ada orang menunggu selama 10 hingga 15 tahun dari muda dia menunggu, sampai umur tua pun belum lagi dapat apa-apa berita. Sebab itulah wujudnya rumah-rumah haram dan juga pondok-pondok haram di persekitaran.

[Tuan Yang di-Pertua, ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Kepada orang yang bernasib baik sedikit mereka mempunyai rumah tetapi mereka merasa sedih kerana penswastaan pembetungan dan tidak lama lagi penswastaan pungutan sampah, mereka kena bayar lebih bahkan cukai pintu pun tidak boleh diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua, kami sering mendapat jawapan dari kerajaan bahawa segala penswastaan dan caj telah dikaji dengan teliti oleh Unit Perancang Ekonomi dan ia adalah berpatutan. Tetapi, kita sekarang kesal seperti apa yang akan saya sentuh, di bawah ini:

(i) kadar bayaran untuk membekal tenaga oleh IPP kepada TNB adalah lumayan sehingga IPP kini disarankan untuk menurunkan kadar jualannya;

(ii) kadar kenaikan tol untuk Lebuhraya Utara-Selatan adalah tinggi sehingga kerajaan ragu-ragu hendak membenarkan kenaikan tol pada satu masa ini; dan

(iii) kadar caj pembetungan IWK tinggi sangat, sehingga kerajaan perlu menggantungkan caj buat sementara.

Tuan Yang di-Pertua, ini semua menunjukkan kerajaan kini kesal tentang apa yang telah dijanjikan oleh korporat-korporat penswastaan ini. Apa pun yang boleh kita buat sekarang? Seperti apa yang dikatakan "lembu diikat pada tali, manusia diikat pada janji".

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan muka surat sepuluh, ada menyentuh berkenaan pendatang asing tanpa izin. Dalam mesyuarat ini banyak telah menyoal berkenaan dengan pekerja asing tanpa izin dan jumlah pekerja asing tanpa izin ini telah mencapai bilangan dua juta orang. Kerajaan telah membuka peluang majikan atau tauke-tauke mendaftarkan pekerja-pekerja asing mereka sekarang. Dan saya ingin menanya satu, dua soalan berkenaan pendaftaran pendatang asing tanpa izin ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang majikan hanya dibenarkan mendaftar hanya sekali sahaja untuk satu bilangan pekerja yang mereka perolehi mulai bulan Julai hingga Disember tahun ini. Saya ingin menanya, sekiranya satu orang kontraktor pembinaan, beliau mempunyai tiga puluh pekerja asing dalam tangan sekarang dan beliau terus mendaftarkan mereka sekarang. Apa akan jadi jika pada akhir bulan November atau Disember tahun ini, kontraktor binaan ini mendapat satu lagi projek baru dan beliau memerlukan satu kumpulan pekerja yang berasingan untuk menjalankan kerja baru ini? Dan dari segi peraturan yang telah sedia ada, kontraktor atau majikan hanya dibenarkan mendaftar satu kali gus sahaja dan pekerja-pekerja projek yang beliau ambil kemudian, mana hendak mencari orang lain untuk menjalankan kerja ini? Di sini saya hendak menanya, sama ada kerajaan boleh menimbang untuk pendaftaran berterusan iaitu mengikut keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua pendatang asing tanpa izin ini juga susah dikawal, misalnya jika seseorang main contractor atau kontraktor utama, beliau ada surat janji dengan subkontraktornya bahawa satu syarat ialah tidak boleh menggaji pendatang asing tanpa izin dan subkontraktor itu terus menandatangani dengan syarat ini. Apa akan terjadi atau siapa yang akan bertanggungjawab, sekiranya subkontraktor dalam satu tapak binaan di dapati menggaji pendatang asing tanpa izin? Tentu kerajaan akan menyaman atau mencari kontraktor utama untuk bertanggungjawab. Tetapi satu perjanjian telah ada bersama subkontraktor, tidak boleh menggaji pendatang asing tanpa izin, dan ini adalah tidak berpatutan jikalau kontraktor utama ditangkap atau dipertanggungjawab untuk membayar kompaun atau mungkin akan disebat atau dipenjarakan seperti apa yang telah disarankan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Kedua-dua soalan ini perlu dijelaskan kerana ada ramai di kalangan sektor pembinaan, mereka membangkitkan soalan seperti ini dan mereka telah minta saya dapatkan satu penjelasan dari kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, muka surat dua puluh iaitu TNB akan meninggikan perkhidmatannya. Saya mengalu-alukan sikap TNB yang ingin meninggikan perkhidmatannya dan dalam dua, tiga hari yang lepas, kami nampak satu iklan di dalam surat khabar bahawa TNB kini menggalakkan tauke-tauke atau tuan punya bangunan atau kedai-kedai untuk memasang lampu pada waktu siang dan malam juga terus sampai siang. Dan harga untuk membayar seunit elektrik hanya sepuluh sen dan bukan dua puluh empat sen dan saya dapati galakan atau insentif ini hendak menjadikan bandar kita, hendak menjadikan pekan kita seolah-olah tidak bermalam, terus cerah sahaja.

Dan ini mungkin akan membawa keindahan kepada bandar itu. Tetapi saya ingin menanyakan di sini, mengapa TNB boleh membenarkan tuan-tuan punya bangunan bayar kadar sepuluh sen satu unit dan tidak boleh memberi keistimewaan ini kepada orang-orang kampung khasnya orang yang miskin dengan kadar sepuluh sen seunit seperti yang diiklankan dalam surat khabar itu.

Tuan Yang di-Pertua, muka surat 22, ada satu jumlah RM1.7 bilion telah diperuntukkan untuk mengurus dan juga membangunkan pertanian, perikanan dan juga penternakan.

Saya pernah bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dalam Dewan yang mulia ini buat beberapa hari yang lalu berkenaan dengan nelayan dari sesebuah negeri melangkau ke sempadan negeri lain untuk menangkap ikan.

Mengikut jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau berkata tidak boleh. Jikalau mahu memohon, ada caranya dan juga kena tukar pangkalan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sarankan ialah, pukat cerut - kalau diharamkan pukat harimau, saya sokong sangat sebab pukat cerut ini ia memukat di permukaan air dan apabila nelayan mengesan satu kumpulan ikan bermain-main di muka air, mereka cepat-cepat mengurung kumpulan ikan itu. Ikan ini akan berpindah lokasi mengikut arus air dan ini selalunya berlaku di mana lautan Pulau Pinang tiada ikan, tetapi di perairan Kedah ada banyak ikan dan sebaliknya. Nelayan perlu mengikut keadaan ini untuk memukatnya.

Saya diberitahu oleh nelayan bahawa nelayan di kedua-dua negeri tiada bantahan dan halangan untuk mereka melangkau ke sempadan masing-masing. Sebenarnya, nelayan dari Pulau Pinang dan Kedah selalu menggunakan radio dan Atur untuk memberitahu di antara satu sama

lain. Misalannya, nelayan di Kedah yang mendapati banyak hasil ikan di lautan mereka, mereka akan menelefon perahu-perahu atau nelayan-nelayan di sekitarnya memberitahu mereka bahawa di sana juga ada banyak ikan dan nelayan-nelayan yang tidak dapat mengesan ikan itu cepat-cepat berkejar ke tempat yang disebutkan untuk bersama-sama menangkap ikan.

Ini menunjukkan betapa bersatu-padu dan kuatnya perasaan persahabatan nelayan ini. Mereka bekerjasama dengan memberitahu antara satu sama lain untuk mencari makan. Maka saya merayu kepada pihak kementerian supaya nelayan yang memakai pukat cerut atau yang menangkap ikan di perairan yang cetek ini boleh dibenarkan untuk mencari rezeki, bukan setakat di negerinya sendiri, tetapi mungkin di sempadan negeri yang berdekatan.

Tuan Yang di-Pertua, muka surat 36, berkenaan jentera berat. Kerajaan tidak mahu menggalakkan pengimportan loji berat. Hari ini kita membaca di dalam surat khabar bahawa Timbalan Menteri berkata bahawa kontraktor sangat boros hendak mengimportkan jentera berat dari luar negara. Tetapi saya nampak bukan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana para kontraktor, bukan sahaja kontraktor di dalam sektor perlombongan, mungkin pembalakan dan juga estet-estet, semua memakai jentera berat. Jentera berat ini bukan murah. Satu jentera berat atau loji berat mungkin berharga RM200,000 atau RM300,000 dan bukan senang sahaja mahu membeli loji atau jentera berat ini.

Kita selalu nampak JKR, Felcra atau Felda, mereka akan melelong jentera lama mereka. Mengapa mereka melelong? Kerana jentera-jentera ini telah dikenal pasti sebagai tidak viable - sangat berat jikalau hendak membaik pulih keadaannya untuk bekerja. Sebab itulah ia dikondem dan dijual secara lelong kepada orang luar.

Tetapi orang luar ini, selepas mendapat jentera berat dari JKR atau kerajaan, mereka akan cuba membaik pulih dan mereka berjaya membaik pulih jentera-jentera lama ini untuk dipakai. Sebab itulah di tapak pembinaan, sama ada di estet, di lombong ataupun di kawasan pembalakan, kita nampak banyak jentera yang sangat tua dan ia masih digunakan. Hanya jentera-jentera yang telah teruk sampai tidak boleh dibaik pulih, mereka tidak ada jalan lain kecuali terpaksa membeli yang baru. Mereka terpaksa membeli jentera yang baru bukan secara tunai. Kebanyakan mereka membeli dengan cara leasing 100%.

Sekarang kerajaan mengenakan 5% hingga 20% duti import ke atas jentera berat ini. Saya nampak bukan sahaja tauke balak, tauke lombong atau tauke kontraktor kena tanggung yang lebih, bahkan mereka akan menggunakan overhead yang berat ini untuk menambah kepada barang apa yang mereka keluarkan. Seperti kontraktor, mereka akan meninggikan harga rumah; sektor perlombongan, mereka akan meninggikan harga pasir, harga batu serta harga galian; dan balak juga akan naik harga.

Saya nampak di sini bukan semua orang senang-senang hendak memboroskan wang untuk membeli loji yang baru. Saya berharap kerajaan boleh menimbang semula berkenaan dengan loji berat yang kena duti import sebanyak 5% hingga 20% ini.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta gulung ya.

Tuan Lim Hock Seng: Gulung? Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tiada masa, saya ingat hendak menyentuh berkenaan dengan perumahan. Dalam muka surat 42, ada RM1 million diperuntukkan untuk menubuhkan satu syarikat perumahan negara dan untuk menolong pemaju membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana.

Saya tidak nampak apa-apa keterangan bagaimana kerajaan boleh menolong mereka membina lebih banyak lagi rumah kos rendah dengan tertubuhnya syarikat perumahan negara ini. Saya berharap kerajaan dapat menjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat satu cara yang lebih berkesan di mana kerajaan boleh menolong pemaju membina lebih banyak rumah kos rendah ialah dengan mempercepatkan prosedur memohon kelulusan pelan dari kerajaan masing-masing, baik kerajaan tempatan atau negeri.

Pada masa sekarang, pemaju perlu melalui 20 hingga 30 peringkat untuk membolehkan sesuatu projek diluluskan. Di Pulau Pinang misalannya, sesuatu projek tidak boleh

dijalankan sebelum subdivision diluluskan. Tetapi sub- division ini bersangkut-paut dengan strata tittle bagi bangunan bertingkat. Bagaimana hendak mendapat strata tittle sebelum bangunan ini didirikan? Jadi, sub division atau pecah sempadan mesti diluluskan sebelum kerja boleh dijalankan. Tetapi bagaimana ia boleh digunapakai untuk bangunan yang bertingkat?

Tuan Yang di-Pertua, pemaju swasta atau perseorangan selalunya terpaksa menunggu satu tahun atau mungkin beberapa lama untuk mendapat satu kelulusan tata susunan. Tetapi pemaju berkanun atau separuh kerajaan dapat diluluskan, dalam masa hanya kurang dari satu bulan!

Misalannya, saya ambil satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali, yakni berkenaan dengan Premier Perai yang hendak memajukan tanah untuk projek landasan keretapi di KTMB Perai. Dua tiga hari dahulu, saya ada menyentuh mengenai projek ini bahawa ia tidak membina rumah kos rendah, tetapi saya nampak ada satu berita yang memberitahu saya bahawa pemaju swasta (separuh kerajaan) ini, iaitu Premier Perai yang menjalankan projek kemajuan KTMB ini hanya mengemukakan pelan untuk memohon kelulusan pada 11hb. Oktober, disertai dengan sepucuk surat sokongan dari Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri di cawangan Pulau Pinang.

Dan ia bersifat atau tujuan surat ini ialah merayu kepada pihak Kerajaan Tempatan bahawa pihak pemaju berkenaan telah bersedia untuk mengemukakan permohonan merancang kepada Majlis bagi mendaftarkan projek itu dan dalam surat ini dia ada kata syarikat ini adalah bertaraf bumiputra dan lain-lain juga. Saya hendak seterusnya, MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) meluluskan pelan ini pada 4hb. November - kurang dari satu bulan sahaja, dia submit, dia terus luluskan.

Tujuan saya membangkitkan perkara ini ialah ada 'double standard'. Kalau untuk projek semi government atau separuh kerajaan ia dapat diluluskan dengan cepat, tetapi kalau kepada orang-orang swasta atau orang perseorangan, ia perlu mengambil masa yang begitu panjang. Itulah masalahnya, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Jerantut.

6.51 ptg.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Usul Belanjawan ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana telah lima kali berturut-turut membentangkan satu Belanjawan yang berimbang.Kejayaan kita menangani ekonomi negara telah menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang ternama dalam bidang politik, ekonomi dan hampir semua bidang. Tetapi, kejayaan kita dalam bidang ekonomi juga melahirkan beberapa masalah iaitu khususnya masalah dari segi pendatang-pendatang haram yang datang ke Malaysia dengan begitu ramai sekali.

Saya ingin menyentuh perkara ini walaupun ramai sahabat dan rakan-rakan saya telah menyentuh ini. Oleh kerana perkara ini amat penting dan saya rasa terpanggil untuk menyentuh supaya tindakan-tindakan yang lebih drastik dan radikal boleh dibuat dan diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan masalah pendatang haram ini tidak menular dan tidak membahayakan negara seperti yang berlaku di negara Kuwait semasa perang Iraq dengan Kuwait, beberapa tahun yang lalu.

Mengikut perangkaan, kita mempunyai lebih kurang antara dua hingga tiga juta pendatang haram yang datang daripada beberapa buah negara. Yang menjadi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah, saya sudah fikirkan satu senario di mana kalaulah ekonomi negara kita tidak berkembang sepesat ini, apabila kita menghadapi satu keadaan di mana perkembangan ekonomi merosot, kita jangan fikirkan perkara ini satu perkara yang mustahil. Oleh kerana pernah negara kita mengalami 'negative growth' dan kemungkinan, kita minta dijauhkan Allah, tetapi kemungkinan kita mengalami satu 'negative growth' mesti ada, tetap ada. Apa yang hendak jadi kepada mereka - pendatang-pendatang, pekerja-pekerja daripada luar dari negara kita ini. Adakah mereka akan terus duduk dalam negara kita - dua, tiga juta, boleh jadi empat, lima juta tidak lama lagi, ataupun adakah mereka akan pulang ke negara mereka dan bekerja di sana?

Saya memikirkan bahawa sebahagian daripada mereka akan terus di negara ini oleh

kerana di negara mereka, mereka tidak dapat kerja pun. Macam di Bangladesh, Indonesia, Myanmar dan sebagainya. Mereka tidak mempunyai kerja dan kalau dapat pun kerja bayarannya adalah tidak selumayan yang dia dapat di negara kita.

Saya ingin menyatakan bahawa kiranya, kalaulah ada pendatang-pendatang tanpa izin ini yang begitu ramai, ia akan mengambil alih pekerjaan daripada orang Malaysia sendiri. Saya tidak tahu sama ada pihak Kementerian Sumber Manusia telah buat kajian sama ada pengangguran yang wujud di negara kita atas kadar 2.8% ini, adakah betul-betul ianya wujud dari segi kajian yang sebenarnya atau hanya merupakan satu estimate kepada pengangguran dalam seluruh negara, sebab saya tengok ramai juga belia-belia di kawasan saya khususnya yang masih lagi menganggur tetapi peluang pekerjaan mereka telah diambil oleh pendatang-pendatang haram - pekerja-pekerja asing ini.

Jadi, oleh kerana pihak majikan boleh membayar gaji yang lebih murah, maka mereka mengambil pekerja-pekerja asing ini tanpa memikirkan bahawa ada lagi sumber manusia yang terdiri daripada anak watan Malaysia sendiri yang boleh digajikan untuk diberikan pekerjaan. Ini saya rasa akan menimbulkan lebih banyak masalah. Sebab kalau misalnya penduduk-penduduk Malaysia sendiri tidak mempunyai pekerjaan yang baik ataupun tidak diberikan pekerjaan, maka tenaga mereka akan disalurkan kepada tempat-tempat lain seperti penagihan dadah dan sebagainya.

Jadi, saya minta kalau boleh kerajaan kiranya mengambil langkah-langkah yang lebih drastik, lebih radikal. Kalau dahulunya kita memerangi komunis, kita ada Pasukan Polis Hutan. Sekarang ini kita tidak ada lagi ancaman komunis. Saya berharap kiranya kalau boleh kerajaan gunakan sehabis-habis yang boleh Pasukan Polis Hutan ini untuk mencari dan menangkap semua pendatang tanpa izin yang datang ke negara kita. Kita gunakan Pasukan Polis Hutan ini dengan memberikan insentif sama ada dari segi wang ringgit, sama ada dari segi cash and kind, dengan izin. Pastikan mereka ini dapat sehabis ramai pendatang-pendatang tanpa izin ini untuk diberkas dan dihantar balik ke negara asal mereka sebab saya jangkakan apabila perkembangan ekonomi kita jatuh besok, maka masalah sosial yang besar akan timbul.

Sekarang pun sudah banyak masalah sosial yang ditimbulkan oleh pekerja-pekerja Bangladesh, dengan masalah yang ditimbulkan oleh pekerja-pekerja dari Indonesia dan sebagainya. Yang anehnya Tuan Yang di-Pertua, mereka ini pada masa dulu, the first generation of foreign workers, dengan izin, datang untuk bekerja sama ada sebagai 'construction workers', sama ada bekerja di ladang-ladang dan sebagainya, tetapi yang datang sekarang ini bukan bekerja, Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini ramai di antaranya, saya tengok, sudah menjadi business man, sudah menjadi peniaga, sudah mempunyai van untuk berniaga, sudah mempunyai handphone dan sebagainya. Saya nampak, di kawasan saya sendiri, lebih kurang 10 tahun yang dulu kita tidak nampak pekerja-pekerja tanpa izin ini tetapi sekarang ini mereka sudah ada sewa kedai, sewa gerai, beli tanah, jadi sub-contractor dan sebagainya - mengambil alih peluang daripada pekerja-pekerja rakyat Malaysia ataupun peluang perniagaan daripada rakyat Malaysia.

Jadi, sampai bila kita hendak menanggung mereka ini. Ini, pada saya satu 'social risk' yang begitu besar sekali kepada negara kita dan saya berharap Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Di Raja Malaysia, Pasukan Polis Hutan betul-betul mengambil tindakan yang drastik untuk menangani masalah ini.

Kita juga diberitahu kiranya lebih kurang setengah juta daripada rakyat Malaysia terlibat dengan dadah. Saya telah mengutarakan perkara ini di dalam soal jawab di dalam sesi Parlimen yang telah lalu di mana saya bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri, tidak bolehkah kita gunakan penagih-penagih dadah yang ada di pusat-pusat serenti ini untuk bekerja di kilang-kilang dan juga untuk bekerja di estet? Timbalan Menteri berkata "Oleh kerana mereka, they have to, we don't owe them a living", dengan izin. Jadi, mereka terpaksa bekerja untuk menyara hidup mereka. Timbalan Menteri Dalam Negeri menjawab ini adalah suatu 'social responsibility' kepada mereka, saya setuju, tetapi setakat mana?

Kalau kita belanja dalam tahun 1997, kalau tidak silap saya RM168 juta untuk menyara hidup penagih-penagih dadah ini. Tidak lama lagi dalam tahun 1996, Belanjawan ini, kalau tidak silap saya RM126 juta. Ini akan tetap bertambah dan boleh jadi dalam tahun 2000,

boleh jadi sampai suku bilion ringgit untuk menyara hidup penagih-penagih dadah ini. Mengapa kita tidak boleh guna mereka? Kita bawa ke kilang dengan kawalan yang rapi, pastikan mereka dapat kerja untuk mengambil alih pekerjaan yang sekarang ini disandang oleh tenaga buruh negara-negara asing. Ini seharusnya saya rasa boleh dibuat tetapi hendaklah dikawal dengan betul-betul rapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu perkara dari segi PNB. Baru-baru ini saya telah terbaca bahawa Rashid Hussein Berhad ingin mengambil alih Kwong Yik Bank yang dipunyai oleh Malayan Banking (Maybank) dan juga saya terbaca juga dalam Asean World Street Journal bahawa Sapura Holdings ingin mengambil alih UMW Holding Berhad daripada PNB. Saya hendak tanya kepada 'the relevan authorities, dengan izin, saya hendak cadangkan kepada mereka agar 'acquisition' pengambilalihan Kwong Yik Bank oleh Rashid Hussein Berhad dan pengambilalihan UMW Holdings oleh Sapura Holdings Berhad.

Saya hendak cadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya ianya jangan diberikan, jangan diluluskan. Sebab kedua-dua syarikat ini Kwong Yik Bank dan UMW Holdings merupakan syarikat di dalam stable PNB, yang memberikan keuntungan tahun demi tahun kepada PNB, dan PNB memberikan keuntungan secara dividen dan bonus kepada lebih 2.5 juta pencarum kepada Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputra. Kalau Rashid Hussin Bhd. (RHB) dan Sapura Holdings boleh buat macam itu, esok kita akan jadi pada satu masa, di mana syarikat-syarikat lain yang betul-betul lumayan, yang memberikan keuntungan kepada PNB dan seterusnya memberikan dividen kepada rakyat boleh diambil alih, syarikat lain boleh juga diambil alih oleh badan-badan korporat yang lain.

Saya rasa senang sangat kalau macam itu - saya sudah jadi orang kaya, lepas itu oleh kerana sudah ada satu syarikat yang mempunyai track record yang baik dari segi keuntungan, saya hanya boleh ambil alih, dengan serta-merta saya boleh menjadi lebih kaya. Saya rasa tidak sepatutnya ini berlaku. Kalau Rashid Hussin sudah pandai sangat, Sapura Holdings sudah pandai, sepatutnya dia ambil alih bank lain. Pergi ke negara-negara lain ataupun pergi mengambil alih bank yang tidak di bawah stable PNB ataupun stable May Bank. Dia patut pergi ambil alih bank lain. Mengapa dia hendak ambil bank yang di mana memberikan keuntungan kepada bumiputera dan orang Melayu menerusi PNB? Begitu juga dengan Sapura Holdings, tak sepatutnya ini berlaku. Dia boleh cari syarikat telekomunikasi yang lain ataupun syarikat yang lain, boleh dia ambil alih. Tidak sepatutnya dia cari UMW Holdings.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan keruntuhan akhlak. Semalam saya ada mesyuarat UMNO Bahagian di kawasan saya. Saya telah diberitahu oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa Bahagian bahawa sekarang ini ada racing. Pernah kita diberitahu di Dewan yang mulia ini ada racing yang melibatkan penunggang-penunggang motosikal pada waktu malam, tidak ada lampu dan tidak ada brake. Yang menang ini hadiahnya seorang wanita. Dia tidak ada lampu, tidak ada brake. Ada pada satu masa ada yang sudah meninggal dunia, oleh kerana accident. Ini keruntuhan akhlak yang begitu teruk sekali dengan menggadaikan nyawa untuk mendapat seorang wanita sebagai hadiahnya.

Saya harap pihak yang berkenaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan - ini berlaku di kawasan Felda di kawasan saya. Diharap pihak Felda dapat mengambil tindakan kepada masalah keruntuhan akhlak yang begitu mendadak sekali ini. Bukan hanya mereka menggadaikan nyawa, tetapi yang menjadi hadiahnya bukan wang ringgit lagi, tetapi seorang wanita, sama ada rakyat asing atau tidak asing, saya tidak tahu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perkara yang lebih merujuk kepada kawasan saya sendiri. Saya minta kalau boleh kepada Kementerian Kesihatan. Saya ada beberapa buah kampung di pesisiran Sungai Tembeling. Kalau saya hendak pergi, daripada kawasan saya Bandar Jerantut hendak pergi ke kampung hujung sekali, saya terpaksa naik bot selama 8 jam, dan pesisiran Sungai Tembeling di negeri Pahang mempunyai beberapa buah kampung. Ada di antaranya mempunyai lebih kurang 500-600 orang penduduk, tetapi bidan untuk mereka tidak ada. Jadi, kalau misal seseorang wanita hendak bersalin pada waktu malam, dia kena cari pula bidan, kalau pukul 2 pagi hendak bersalin, dia kena naik bot pada waktu malam,

kena pergi satu kampung lebih kurang 2 jam, naik bot pada waktu malam untuk mencari bidan itu. Fikirkan oleh kerana naik bot sudah satu hal, tetapi ada jeram. Dia terpaksa menggadai nyawa oleh kerana isterinya boleh jadi hendak bersalin pada pukul 2 atau 3 pagi.

Saya berharap kepada Kementerian Kesihatan, oleh kerana tidak ada cara jalan lain, kecuali dengan bot, saya berharap kepada Kementerian Kesihatan agar menengok masalah ini dan menempatkan seorang bidang di kampung-kampung di pesisiran Sungai Tembeling, lebih kurang 5-6 buah kampung yang ada.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, di Bandar Jerantut juga saya ingin secara khusus, kita ada jalan kereta api melalui Bandar Jerantut. Ada cadangan kerajaan untuk membuat satu jejambat. Semasa pilihan raya, saya pernah melihat bahawa ada sebuah ambulan di sebelah sini, ini jalan kereta api, di sini atas bukit ada hospital. Ambulans ini dengan izin, 'with siren waining' cuba hendak cross. Tetapi oleh kerana ada jalan kereta api maka terpaksa berhenti. Lebih kurang 20 minit. Lepas itu kiranya sudah lepas sahaja kereta api lalu, barulah dia boleh pergi ke hospital. Bayangkan kalaulah misalnya orang di dalam ambulans itu begitu sakit tenat ataupun di dalam proses hendak bersalin, tiba-tiba dia meninggal dunia, siapakah yang bersalah? Oleh kerana tidak ada jejambat yang boleh digunakan untuk pergi ke hospital secara terus-menerus, tetapi terpaksa menerusi jalan kereta api. Ini bukan kali yang pertama, tetapi baru terjumpa lagi ambulans yang lain, maknanya situasi yang sama. Saya berharap kepada Kementerian Kerja Raya supaya mendirikan, membina jejambat ini secepat yang mungkin sebelum satu nyawa kiranya meninggal dunia oleh kerana kita tidak membina jejambat ini untuk membolehkan pesakit-pesakit khususnya ambulans membawa pesakit ke hospital.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menyuarakan ini pada tahun yang lalu - ada sebuah kampung di Jerantut yang didiami oleh 40 keluarga India dan 10 keluarga Melayu. Mereka telah memohon letrik. Kampung ini lebih kurang 2 kilometer daripada Bandar Jerantut, telah memohon letrik, dan hampir dua-tiga tahun yang lalu. Tetapi tidak dapat lagi bekalan letrik ini. Saya telah berkali-kali meminta kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos supaya Kampung Muhibah ini dibekalkan letrik. Saya tak nampak apa sebab, kalau misalannya squatters ataupun pendatang tanpa izin ataupun pendatang haram dapat letrik di kawasan-kawasan setinggan, saya tak nampak mengapa rakyat Malaysia di kampung 2 kilometer sahaja daripada Jerantut walaupun tanahnya tidaklah kepunyaan mereka, tetapi masih lagih belum lagi mendapat kuasa letrik? Bandingkan pendatang-pendatang tanpa izin yang duduk atas tanah-tanah squatters, maknanya mereka dapat letrik, mereka dapat bekalan air. Saya minta kalau boleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mengambil tindakan segera, sebab telah meminta perkara ini beberapa kali. Dalam Dewan yang mulia ini pun saya telah minta.

Akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Yang di-Pertua: Minta gulung, ya.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, jalan di antara Kuala Lumpur ke Besut, saya telah bawa perkara ini kepada mesyuarat ini menerusi satu soalan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa kerajaan sedang berunding dengan MMC untuk memastikan jalan di antara Kuala Lumpur ke Besut ini dibuat ataupun dilaksanakan mulai tahun depan. Sebenarnya MMC, MTD dan juga UEM telah banyak kali hampir satu tahun setengah berunding dengan kerajaan, tetapi belum ada keputusan lagi. Saya hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan kalaulah pihak MMC, MTD dan juga UEM tidak dapat satu formula yang membolehkan mereka melaksanakan pembinaan jalan raya, lebuh raya antara Kuala Lumpur dan Besut, saya hendak mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang boleh melalui 4 syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, kita boleh buat. Kalau MMC tak hendak, oleh kerana dia tidak ada social responsibility, dia memikirkan bahawa hanya pentingkan keuntungan, Kerajaan Negeri Pahang melalui 4 buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, kita boleh buat satu konsortium, kita boleh melaksanakan jalan itu dari Kuala Lumpur sampai ke Besut, kita boleh buat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ledang.

7.10 mlm.

Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama dengan rakan-

rakan yang lain, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana lagi sekali berjaya membentangkan satu belanjawan yang melegakan, selesa dan pragmatik. Satu belanjawan yang menjurus ke arah matlamat sustainable development, dengan izin, dengan cara mengimbangi pembangunan material yang berterusan dengan pembangunan sosial dan pembangunan insan serta pemuliharaan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, kita lebih-lebih lagi berbangga kerana kerajaan juga memperlihatkan kesungguhannya yang konsisten dalam menangani dan meletakkan agenda pendidikan di tempat yang paling penting dan utama kerana peri pentingnya pendidikan dan pelajaran kepada tamadun dan peradaban umat manusia. Memang telah diakui oleh manusia sejagat semenjak awal peradaban dunia lagi, misalannya di zaman Tamadun Greek Purba telah terdapat kata-kata ini iaitu, dengan izin, "*the foundation of every society is education of its youth*". Di kalangan para ulama dan ilmuan Islam juga terdapat kata-kata popular ini, iaitu "*agama ataupun agama Islam dan ilmu pengetahuan adalah dua saudara kandung, bukannya dua musuh yang bertentangan*".

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat inilah, maka kerajaan kita dalam Belanjawan kali ini telah memperuntukkan sebanyak RM13.2 bilion untuk sektor pendidikan. Dari jumlah tersebut, hampir RM10 bilion adalah untuk keperluan sekolah-sekolah. Pelaksanaan program komputer dalam pendidikan dan pembiayaan institusi pengajian tinggi. Satu jumlah yang cukup besar berbanding dengan lain-lain kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, dalam keghairahan kita berbicara tentang pendidikan, pendidikan bertaraf dunia, pendidikan bersifat futuristik, tentang IPTS/ IPTA, tentang ledakan maklumat dan ilmu pengetahuan dan lain-lain lagi yang besar-besar dan hebat-hebat, jikalau kita menjenguk ke bawah, ke sekolah-sekolah di luar bandar, terutama sekali, khususnya tentang pelajar-pelajar Melayu, ketahuilah bahawa kita masih dan sedang bergelut dengan banyak masalah yang juga besar-besar dan hebat-hebat. Kita masih bergelut dengan masalah pelajar-pelajar kita yang lemah penguasaannya dalam mata pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Inggeris dan lain-lain. Kita masih bergelut dengan masalah krisis daya saing dengan pelajar-pelajar bukan Melayu. Kita masih bergelut dengan sikap pelajar-pelajar yang kurang berminat dalam mata-mata pelajaran ini. Kita juga masih bergelut dengan sikap ibu-bapa yang tidak acuh dan tidak ambil peduli tentang soal pendidikan dan pelajaran anak-anak mereka. Masalah pengurusan masa untuk anak-anak tidak dilakukan dengan sempurna dan lain-lain masalah, yang jika tidak ditangani segera dan bersungguh-sungguh, akan menjadi penghalang besar untuk kita mencapai tahap kecemerlangan yang kita harap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, krisis daya saing yang amat merunsingkan ini bukan sahaja berlaku di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, tetapi juga berlaku di peringkat pengajian tinggi, misalannya, mengikut laporan akhbar *Utusan Malaysia* yang disiarkan pada awal bulan Oktober, 1996 yang lalu di bawah tajuk "*Pelajar Melayu Gagal Bersaing*" telah melaporkan begini - di Majlis Konvokesyen UKM baru-baru ini, kira-kira 51 orang pelajar telah mendapat ijazah Kelas Pertama. Daripada jumlah itu hanya 9 orang adalah pelajar Melayu, manakala di Universiti Malaya pula, seramai 202 orang yang telah dianugerahkan Ijazah Kelas Pertama. Daripada jumlah itu hanya 36 orang adalah pelajar Melayu. Ini bermakna hanya kira-kira 5%-10% sahaja pelajar Melayu yang mendapat Ijazah Kelas Pertama, bakinya sekadar berpuas hati dengan Kelas Kedua dan Kelas Ketiga. Yang lebih mengaibkan pelajar-pelajar bukan Melayu menunjukkan penguasaannya walaupun mereka berada di tengah-tengah kelompok anak-anak Melayu yang terpilih (cream student).

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya, bagaimana kita mampu mencapai kecemerlangan dan kegemilangan bertaraf 'world class' di peringkat international jika di peringkat nasional pun, kita gagal bersaing, lemah longlai tidak bermaya dan kecundang. Kita berharap dapat pihak kementerian memperjelaskan kedudukan ini. Kita bukannya jealous dengan pencapaian pelajar-pelajar bukan Melayu, kerana jika mereka belajar lebih tekun, lebih bersungguh-sungguh, mereka berhak mendapat keputusan yang baik dan cemerlang, tetapi dalam masa yang sama kita mahu pelajar-pelajar Melayu juga punyai kemampuan dan daya saing yang tinggi yang

sihat bersama-sama dengan pelajar-pelajar bukan Melayu dan bersama-sama mengejar dan meraih kejayaan dan kecemerlangan sebagai anak-anak Malaysia yang "Yakin Boleh" dan membanggakan. Oleh itu kita ingin mencadangkan supaya program gerak-gempur matematik, sains dan bahasa Inggeris dilaksanakan dengan segera dan bersungguh-sungguh, bersepadu dan menyeluruh.

Kementerian Pendidikan hendaklah segera mengenal pasti dan berusaha melahirkan lebih ramai guru-guru yang pakar dan cemerlang dalam mata-mata pelajaran ini tanpa mengira kaum. Minta jasa baik mereka mengajar di kelas-kelas tambahan dan berikan mereka elaun tambahan sebagai insentif terhadap khidmat 'extra' mereka ini dan kalau perlu kurangkan masa penglibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan kokurikulum yang lain untuk mengelakkan beban kerja yang terlalu membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berharap Dasar Penyiaran Negara, sama ada media elektronik atau media cetak diberikan satu reformasi yang radikal, mempunyai satu garis panduan yang jelas dan tegas supaya aspek hiburan dan unsur-unsur pendidikan benar-benar seimbang. Radio dan TV yang dikatakan lebuh raya maklumat dan hiburan hendaklah benar-benar menepati hasrat yang tersurat dan yang tersirat agar tidak seperti selalunya, nilai-nilai maklumat dan pendidikan tenggelam dan hanyut oleh keghairahan terhadap hiburan yang mengasyikkan.

Tumpuan dan kegilaan terhadap hiburan yang keterlaluan perlu dibendung dan disederhanakan, kerana di samping mengakibatkan gejala keruntuhan moral dan akhlak, di samping mengakibatkan remaja kita khayal dan leka dicandui oleh hiburan yang keterlaluan, terdapat satu kaitan yang cukup rapat di antara kelemahan menguasai mata-mata pelajaran sains, matematik dan lain-lain dengan kegilaan terhadap hiburan ini.

Fenomena lemah dalam mata pelajaran matematik dan sains ini pernah juga menjadi kebimbangan kepada masyarakat Barat. Misalannya di Amerika, semenjak tahun 1970-an lagi, terdapat sebuah buku yang ditulis oleh Sheila Tobias berjudul "*Overcoming Maths Anxiety*" atau mengatasi kekhuatiran dalam matematik, beliau berpendapat punca yang menyebabkan pelajar-pelajar gagal menguasai matematik ialah kecenderungan para remaja mencari kepuasan segera ataupun immediate satisfaction, kerana pendidikan atau proses pembelajaran adalah satu proses yang perlahan, lambat dan menjemukan serta tidak menjanjikan ganjaran dan kepuasan segera kepada mereka.

Oleh yang demikian, dalam konteks negara kita, kebanyakan mereka mencari kepuasan segera yang boleh didapati dalam bentuk hiburan dan keseronokan yang terdapat di mana-mana sekarang ini, diantaranya seperti TV, radio, majalah-majalah hiburan, filem, lepak, dadah, pemujaan yang keterlaluan terhadap muzik, lumba haram dan lain-lain, adalah di antara kepuasan segera yang amat menyeronokkan, mengkhayalkan tetapi akhirnya memusnahkan.

Pendapat Sheila Tobias ini disokong oleh seorang tokoh akademik tempatan iaitu Dr. Ali Abdul Rahman, Jabatan Matematik, Fakulti Sains, UTM yang menyatakan tabiat menonton TV dan hiburan yang keterlaluan menyemai sikap pasif dalam diri seseorang itu terutama sekali kanak-kanak dan para remaja. Mereka dapat menghiburkan diri tanpa melakukan sebarang aktiviti. Ini bertentangan dengan tabii matematik, sains dan mata pelajaran yang lain, yang memerlukan pembelajaran secara aktif, serius dan penuh konsentrasi.

Suasana yang ada dimeriahkan lagi dengan persembahan-persembahan konsert yang menggegarkan, yang sering dianjur, sama ada yang menampilkan artis-artis dalam negeri atau pun yang diimport dari luar, maka bergegarlah juga iman remaja-remaja kita, asyik dan khayallah mereka. Inilah bentuk kepuasan segera yang mereka cari, bukannya membaca buku-buku ilmu, mengkaji mata pelajaran matematik, sains, bahasa Inggeris dan lain-lain, ataupun mengikuti program-program dan ceramah-ceramah agama yang menjemukan dan membosankan dan tidak menjanjikan apa-apa kepuasan kepada mereka. Suasana mencari kepuasan segera itu terdapat di mana-mana dan tumbuh dengan suburnya di negara kita ini. Jika ada konsert dan persembahan-persembahan pentas, kita dapat melihat dengan jelas, kaum mana yang membanjirinya, kemudian asyik dan khayal. Kesemuanya ini menjawab soalan yang amat menyedihkan dan mengharukan kita, iaitu mengapa anak Melayu lemah dan gagal bersaing dalam pelajaran.

Oleh yang demikian, tidak syak lagi wujudnya satu kaitan yang amat rapat di antara fenomena lemah dalam penguasaan mata pelajaran ini dengan pemujaan yang keterlaluan terhadap aspek hiburan oleh para remaja kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berharap supaya agensi-agensi kerajaan yang berhubung secara langsung dengan orang ramai seperti guru-guru Kemas, pegawai-pegawai penerangan luar melalui aktiviti-aktiviti seperti kursus-kursus sivik, PIBG, JKKK digemblengkan secara bersepadu untuk memberikan penerangan kepada ibu bapa tentang pentingnya mereka melibatkan diri secara serius dan memberikan perhatian yang sempurna kepada anak-anak mereka di rumah supaya anak-anak mereka memberikan tumpuan yang secukupnya terhadap pelajaran mereka, tidak bersikap sambil lewa, ambil mudah dan tidak acuh terhadap pelajaran masing-masing.

Ibu bapa harus diingatkan dan diberikan penerangan tentang cara-cara menguruskan masa dan jadual harian anak mereka, supaya kebanyakan masa terutama di hari-hari cuti tidak dipersia-siakan dengan kerja-kerja dan kegiatan yang tidak memberi faedah kepada anak-anak mereka. Pendedahan dan penerangan tentang tanggungjawab keibubapaan dan 'time management' ini cukup penting dalam usaha kita memastikan keseluruhan mekanisme pendidikan iaitu guru, murid dan ibu bapa berfungsi dengan sempurna dan di semaksimum mungkin. Hanya jika seluruh mekanisme ini berjalan dengan baik dan berperanan di peringkat masing-masing sahajalah maka harapan kita untuk memastikan pencapaian yang cemerlang oleh pelajar-pelajar kita dapat dijadikan kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jumlah yang begitu besar diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan ini, kita berharap isu yang besar dan basic seperti ini dapat dicarikan penyelesaian yang benar-benar mujarab dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks mempertingkatkan kefahaman Islam, kita seharusnya amat berbangga dengan komitmen kerajaan membiayai sepenuhnya kelas-kelas Fardu 'Ain dan Al-Quran (KAFA) dengan peruntukan sebanyak RM125.7 juta. Manakala RM1 bilion diperuntukkan untuk pendidikan dan pengajian Islam di sekolah-sekolah, maktab, universiti termasuk UIA. Kita berpendapat rata-rata para pelajar kita mempunyai sedikit sebanyak asas didikan agama. Di peringkat sekolah rendah 6 tahun mereka mendapat didikan agama, di tambah 5 tahun lagi jikalau mereka menamatkan persekolahannya hingga ke peringkat SPM. Ini bererti selama 11 tahun sekurang-kurangnya mereka mendapat asuhan dan didikan agama. Mereka mempunyai asas agama yang cukup untuk membezakan di antara yang buruk dengan yang baik, di antara yang makruf dengan yang mungkar. Apa yang kurang ialah penghayatan terhadap ajaran dan ilmu yang mereka miliki.

Oleh itu, kita amat bersetuju kaedah pendidikan Islam harus diarah kepada kefahaman dan penghayatan. Untuk tujuan itu, usaha untuk melahirkan guru-guru agama yang benar-benar berkualiti dan cemerlang perlu dilakukan dengan segera dan bersungguh-sungguh. Mereka perlu diberikan kursus dan kemahiran perguruan yang tinggi, yang bukan sahaja setakat dapat menyampaikan ilmunya kepada murid-murid tetapi juga mampu menerapkan kefahaman dan penghayatan dalam erti kata yang sebenarnya kepada murid-murid mereka.

Dalam zaman yang penuh cabaran dan pancaroba ini, kita amat memerlukan guru-guru agama yang berkemahiran tinggi dan berketrampilan dalam tugas dan profesion mereka, bukan setakat diambil secara tangkap muat, sambil lewa dan untuk memenuhi syarat semata-mata. Kita wajar mempunyai lebih banyak maktab perguruan agama di seluruh negara, dengan tenaga pengajar yang benar-benar pakar dan profesional. Sesungguhnya semasa kita sedang berhadapan dengan landaan kemelut sosial yang gawat ini, benteng petahanan yang bersandarkan kepada kekuatan dan penghayatan terhadap ajaran agama amat perlu dirancang dengan penuh teliti dan penuh prihatin.

Suasana kebejatan sosial yang sedang melanda sekarang ini, tidak syak lagi memaksa kita meletakkan pendidikan agama sebagai agenda yang cukup penting dan utama jikalau kita mahu benar-benar memastikan pembangunan material berjalan seiring dengan pembangunan insan.

Kita perlu membina kekuatan dalaman yang benar-benar utuh di kalangan generasi muda kita, supaya mereka mampu menyaring di antara

nilai-nilai yang positif dengan nilai-nilai yang negatif. Jikalau kita tidak mampu menutup pintu negara kita daripada kemasukan pengaruh-pengaruh dan nilai-nilai luar yang negatif, kita perlu memperkukuhkan benteng pertahanan generasi kita dengan kekuatan dalaman dan keteguhan iman, seperti yang pernah ditegaskan oleh Mahatma Ghandi, dengan izin: *"I do not want my house to be walled in all sides and my windows to be stuffed. I want cultures of all lands to be blown about my house as freely as possible, but I refuse to be blown of my feet by any".*

Walaupun kita sama sekali tidak menggalakkan budaya konsert dan pemujaan yang keterlaluan terhadap unsur-unsur hiburan yang melalaikan dan mengkhayalkan tetapi dalam masa yang sama, kita juga tidak perlu terlalu konservatif dalam menghadapi gelombang pengaruh luar yang melanda kita. Apa yang lebih penting segala usaha perlu dijuruskan ke arah memperkukuhkan pertahanan diri dan kekuatan dalaman dan keimanan generasi kita, bagi membolehkan mereka menerima hanya yang baik dan menangkis gejala-gejala yang merosakkan.

Di saat-saat kita sedang membina dan menjadikan diri kita sebagai satu bangsa yang mempunyai kekuatan dan keperibadian yang tinggi dan utuh, sudah tentu kita tidak mahu dikatakan sebagai terlalu lemah, konservatif dan takut berhadapan dengan kenyataan. Lebih-lebih lagi untuk dilabelkan sebagai dan seperti kata-kata E. Hewbert: *"Conservative is a man who is too cowardly to fight and too fat to run".*

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu kita tidak mahu dianggap sebagai bangsa yang 'too cowardly to fight and too fat to run' berhadapan dengan cabaran-cabaran ini. Oleh itu, para belia kita dan remaja kita perlu dilengkapkan dengan semangat dayajuang dan keimanan yang tinggi dan mampan melalui satu sistem pendidikan duniawi dan ukhrawi yang seimbang. Sistem pendidikan agama yang dirancang dengan penuh teliti dan kepakaran untuk menghadapi perubahan zaman yang amat mencabar ini. Dengan kekuatan itu, datanglah apa pun bentuk badai dan pesona dan datanglah macam manapun 'handsome'nya jejaka Bangladesh, sudah pasti kita tidak akan tergugat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan tentang program kerajaan untuk memantapkan sistem pendidikan agama ke arah merealisasikan kaedah kefahaman dan penghayatan seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan yang dibentangkan baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga amat menghargai sikap prihatin kerajaan dengan cadangan untuk memperketatkan garis panduan, agar pihak hospital swasta turut memikul tanggungjawab sosialnya terhadap golongan berpendapatan rendah. Kita sering mendengar rintihan pesakit-pesakit daripada golongan ini yang tidak berpeluang mendapat rawatan daripada doktor-doktor pakar di hospital-hospital swasta ini, semata-mata kerana mereka tidak mampu menampung bayaran yang tinggi, walaupun dalam kes-kes kecemasan.

Dalam konteks ini saya terpanggil untuk merujuk kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Sepang di Dewan yang mulia ini kepada Kementerian Kesihatan bertarikh 23hb. Oktober, 1996 hari Rabu yang lalu. Di antara lain beliau mengatakan: "Keadaan ini berlaku sehingga terdapat beberapa kes di mana pesakit-pesakit tersebut meninggal dunia kerana gagal mendapatkan rawatan kecemasan yang sepatutnya akibat diarahkan untuk dipindah ke hospital lain kerana pesakit tidak mampu membayar wang deposit yang begitu tinggi di hospital-hospital swasta".

Jika kes ini benar-benar berlaku, adalah amat malang sekali bagi rakyat Malaysia yang sedang menerapkan nilai-nilai masyarakat penyayang, terpaksa mati semata-mata kerana tidak mampu membayar wang deposit rawatan yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta ini yang begitu tinggi dan tidak ada sebarang tolak ansur, tidak ada budi bicara, jauh sekali nilai-nilai kemanusiaan.

Kita berharap kes-kes seperti ini dapat disiasat, didedahkan kepada umum sebagai pengajaran kepada pihak-pihak yang terlibat supaya tidak hanya memikirkan keuntungan dalam bentuk dollars and cents semata-mata dengan mengabaikan obligasi sosial terhadap rakyat dan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika garis panduan yang dicadangkan itu tidak cukup berkesan untuk mengubah sikap yang amat kita kesali dan menyedihkan ini, kita menyokong sepenuhnya agar ianya direalisasikan melalui satu peruntukan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon penjelasan daripada Kementerian Kesihatan untuk memaklumkan kepada Dewan ini tentang garis panduan yang telah diputuskan untuk diterima pakai oleh hospital-hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa sudah suntuk, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, saya rasa masa pun sudah cukup, dengan itu untuk memberi kesempatan kepada kawan-kawan yang lain, saya akhiri ucapan ini dengan lagi sekali mengucapkan terima kasih dan menyokong belanjawan yang dibentangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Seputeh.

Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara dijangka turun pada kadar 8.2% iaitu lebih rendah daripada 90.5% yang dicapai pada tahun lalu adalah amaran awal kepada kerajaan bahawa Belanjawan Negara 1997 mestilah dilaksanakan secara berhati-hati, berwaspada dan bercermat bagi menghadapi ambang abad ke-21. Ketakjuban ekonomi di atas kertas bukanlah mencerminkan keberkesanan secara amali kerana teori hanya sebagai garis panduan sahaja tetapi apa yang lebih penting ialah pelaksanaan secara bijaksana.

Kalau berdasarkan *World Bank at Large 1996,* purata kadar inflasi Malaysia di antara 1984 hingga 1994 ialah di bawah 3.1% dan KNK per kapita Malaysia ialah AS$3,520 (RM8,800) dan persamaan kuasa membeli pada tahun yang sama ialah AS$8,610 (RM21,525) tetapi dalam Belanjawan Negara 1997, Menteri Kewangan memberitahu inflasi dikawal pada paras rendah iaitu 3.6%. Per kapita rakyat pula dilaporkan meningkatkan RM10,058 kepada RM11,118 manakala PPP atau "Purchasing Power Parity" dengan izin, ialah AS$12,508 atau melebihi AS$3,898 dari apa yang dicatatkan di atas kertas oleh Bank Dunia dalam *World Bank at Large 1996.* Ini bermakna laporan di atas kertas juga boleh berubah-ubah mengikut situasi yang diperlukan dan amat berbeza dengan amalan amali yang tetap konsisten malah ia dirasakan sebagai satu hakikat.

Konvensyen DAP Negeri Wilayah Persekutuan berlangsung pada 21hb. Oktober 1996 telah meluluskan 7 resolusi yang amat relevan dengan Belanjawan 1997 yang dibahaskan di Dewan Rakyat sekarang. Kemantapan ekonomi yang dianggap mampan tidak akan bermakna kalau rakyat sekadar melihat permata di dalam cermin yang hanya boleh dipandang tetapi tidak boleh dicapai. Tujuh resolusi yang diluluskan oleh Konvensyen DAP Wilayah Persekutuan itu ialah :-

(i) mendesak kerajaan lebih bersikap transparent dalam dasar penswastaan dengan memberikan tender secara terbuka kepada semua projek pembangunan termasuk mengumumkan syarat-syarat perjanjian supaya tender yang diberikan bukan mengikut konsep 'anugerah' kepada syarikat-syarikat tertentu;

(ii) mengutuk Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu yang mengumumkan dalam tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang sebanyak 100 hingga 200 plaza tol akan dibina di seluruh Kuala Lumpur yang akan membebankan pengguna-pengguna jalan raya dan mendesak Kabinet memberi penjelasan sama ada ianya keputusan Kabinet atau keputusan Dato' Seri S. Samy Vellu sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, diingatkan jangan sebut nama ahli yang lain.

Tuan Liew Ah Kim: Maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau kawasan sahaja boleh.

Tuan Liew Ah Kim: Apa kawasan dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sungai Siput.

Tuan Liew Ah Kim: Sungai Siput.

(iii) mendesak kerajaan mengkaji semula kenaikan kadar kutipan tol dalam tiga fasa, bagi tempoh 3 tahun akan datang supaya bersikap adil kepada pengguna-pengguna jalan raya yang terlalu banyak dibebankan dengan masalah kesesakan lalu lintas. Gangguan pembinaan dan pembaikan jalan di lebuh raya yang tidak selesa dan tindakan-tindakan JPJ yang keterlaluan;

(iv) mendesak Datuk Bandar Kuala Lumpur mengkaji semula, meningkatkan tahap perkhidmatan pegawai-pegawai DBKL akibat karenah birokrasi supaya lebih bertanggungjawab, bertatasusila dan peka kepada masalah rakyat bagi menemui ciri-ciri pembangunan dan kemajuan sejagat atau proper;

(v) mendesak Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad memulihkan demokrasi dengan mengarahkan calon Barisan Nasional yang tewas meletakkan jawatan sebagai Ahli Parlimen dan mengadakan pilihan raya kecil di kawasan Parlimen Bukit Bintang supaya hak rakyat dikembalikan...

Dr. Lee Chong Meng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Tuan Liew Ah Kim: .. dan selaras dengan konsep serta prinsip demokrasi dari rakyat kepada rakyat untuk rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Bintang minta jalan.

Dr. Lee Chong Meng: Tadi, Yang Berhormat kata bahawa satu resolusi yang diluluskan oleh konvensyen DAP Wilayah Persekutuan berkaitan dengan dasar Belanjawan 1997 tetapi beliau telah berkata bahawa saya mestilah letak jawatan sahaja. Jadi, kesalahan calon bekas DAP di Bukit Bintang bukanlah kesalahan saya. Jadi, jikalau saya letak jawatan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak bagi penjelasan ke atau hendak soal?

Dr. Lee Chong Meng: Hendak soal dan penjelasan. Semua sekalilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hanya dibenarkan menyoal.

Dr. Lee Chong Meng: Jadi, saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan bahawa betulkah DAP hendak bertanding lagi kalau saya meletakkan jawatan dan saya tidak boleh bertanding lagi selepas 5 tahun? Ini adilkah kepada saya?

Tuan Liew Ah Kim: Ini satu hakikatlah. Keputusan diambil oleh mahkamah untuk mewakili penduduk-penduduk di kawasan Bukit Bintang. Ini bukan satu kenyataan yang sihat dari implikasi demokrasi yang kita amalkan. Itu adalah terpulang kepada penduduk ataupun pemilih-pemilih kawasan Bukit Bintang, mereka menetapkan siapa yang patut mewakili mereka. Maka inilah tuduhan saya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Gerik bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak ada masa.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia tidak ada masa, jangan cakap benda-benda yang menyakitkan hati orang. Saya hendak tanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Seputeh sama ada beliau percaya atau tidak kepada dasar bahawa mahkamah itu menjadi tunggak kepada keadilan? Ini bukan Parlimen yang memutuskan, ini bukan ahli dari Bukit Bintang putuskan dan ini bukan rakyat putuskan, tetapi mahkamah yang memutuskan. Kalau dia tidak puas hati, dia ada jalan yang boleh diambil seperti tindakan mahkamah dan sebagainya, pergi merayulah kepada mahkamah, kenapa hendak marah kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, minta dia letak jawatan?

Tuan Liew Ah Kim: Cukuplah! Selalunya Barisan Nasional ini memang sokong apa yang tidak patut sokonglah!

Dr. Lee Chong Meng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ya, Bukit Bintang bangun.

Tuan Liew Ah Kim: (vi) mendesak Perdana Menteri Dato'....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu!

Dr. Lee Chong Meng: Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak beri jalan?

Tuan Liew Ah Kim: Tidak beri. *[Ketawa]*

Dr. Lee Chong Meng: Jangan takutlah!

Tuan Liew Ah Kim: ... Dato' Seri menyusun semula pentadbiran DBKL dengan melantik semua Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan termasuk

anggota Pembangkang menjadi anggota penggubal taraf pelan induk Kuala Lumpur dan menjadi Ahli Jawatankuasa Penasihat Pendaftaran DBKL supaya perancangan bagi masa depan Kuala Lumpur lebih positif;

(vii) mendesak kerajaan meletakkan agensi Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang pada masa sekarang ini di bawah Jabatan Perdana Menteri kepada kuasa Parlimen bagi membolehkan BPR menjadi badan bebas sepenuhnya dan bertanggungjawab kepada Parlimen dan membentuk jawatankuasa khas Parlimen diketuai oleh Ketua Pembangkang Parlimen dalam menyelaraskan tugas-tugas BPR. Oleh itu, peruntukan yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bagi tahun 1997 sejumlah RM59.982 bilion iaitu RM42.713 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM17.269 bilion untuk perbelanjaan pembangunan akan merangkumi 7 resolusi yang diluluskan oleh Konvensyen DAP Wilayah Persekutuan pada 27hb. Oktober, 1996 yang lalu bagi membawa Malaysia lebih prihatin, menentukan keadilan sosial, kemakmuran rakyat dan persamaan hak terjamin dan agihan kejayaan negara boleh dinikmati bersama.

Tuan Yang di-Pertua, kemelut politik wang yang melanda UMNO menjelang Perhimpunan Agung parti itu awal Oktober lalu bukan masalah dalam parti atau rumahtangga UMNO sahaja, tetapi mencerminkan kemelut negara yang bergelumang dengan politik wang dan rasuah kuasa termasuk yang berlaku dalam pilihan raya di masa lalu.

Pilihan raya yang sepatutnya bersih, bebas dan adil telah hilang seri demokrasinya disebabkan politik wang dan rasuah kuasa ini. UMNO yang memimpin Barisan Nasional mencapai kemenangan dalam pilihan raya selama ini dengan mengongkong sepenuhnya kebebasan media, tiada rapat umum dan angkuh dengan sumber wang yang melimpah, sebenarnya mempunyai reputasi yang baik sebab sebagai pakar yang menyembunyikan isu politik wang, akhirnya 'sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga'. Maka, kemelut politik wang dan rasuah kuasa itu menular dalam badan tubuh UMNO sendiri sehingga tidak dapat lagi dibendung, menyebabkan pemimpin-pemimpin UMNO dalam keadaan 'ditelan mati emak, diluah mati bapa'. Bagi memastikan reformasi masyarakat dan budaya sebagai prasyarat membina jambatan ke ambang abad ke-21 lebih teguh, tangkas dan berfungsi seperti diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sekaligus Timbalan Perdana Menteri. Maka, asasnya hendaklah dipupuk dan dibaja iaitu dengan membanteras hingga ke akar umbi segala gejala rasuah yang menjadi barah dalam pembangunan dan kebangkitan negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Ketua Cawangan Unit Perancangan dan Koordinasi Dasar BPR - Abu Kassim Mohamad dalam kenyataan akhbar pada 3hb. Oktober, 1996 menyatakan bahawa, pihaknya meningkatkan tangkapan dari 1,913 antara tahun 1976-1986 kepada 2,910 antara tahun 1986-1995 sebagai membuktikan BPR telah bekerja lebih prihatin, tetapi ianya juga menggambarkan gejala rasuah seolah-olah mencabar kewibawaan kerajaan dalam menangani isu rasuah. Sepatutnya peruntukan diberikan lebih banyak kepada BPR dan dilantik di bawah kuasa Parlimen supaya rasuah yang membabitkan individu tertentu juga perlu dibawa ke muka pengadilan bagi membantu Peguam Negara yang terpaksa memansuhkan kes-kes tertentu bagi menyambut amaran keras Menteri Kewangan yang menyebut rasuah adalah ibarat 'api dalam sikam, selagi kecil ia merosakkan sikam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bukan 'sikam' itu 'sekam'.

Tuan Liew Ah Kim: Ya, 'sekam' ' s-e-k-a-m'. 'Apabila besar ia membakar alam'. Ini ialah amaran keras Nabi Muhammad s.a.w, apabila Menteri Kewangan memetik ungkapan 'pemikir agama abad ini' mengenai interpretasi demokrasi dalam memadukan keadilan, kesaksamaan dan keperkasaan rakyat - memang kita menerima hakikat bahawa perpaduan adalah teras kepada konsep demokrasi ini. Perpaduan rakyat Malaysia mestilah meliputi keadilan sosial, persamaan hak dan keikhlasan budi dalam menyuburkan demokrasi ini dengan mengambil kira semua kaum, tetapi membezakan warna kulit, budaya hidup, kepercayaan dan fitrah mereka.

Kelas masyarakat yang diwujudkan melalui kuasa politik ini menyebabkan keadilan sosial

amat jauh untuk dicapai, apabila kuasa politik boleh mendominasikan kuasa undang-undang. Sarawak yang berjaya mendapatkan hak mereka di mahkamah dalam isu empangan hidro Bakun, tetapi telah dinafikan hak mereka oleh kuasa politik.

Tumbuhan ekonomi yang menakjubkan di atas kertas ini kalau tidak direalisasikan kepada majoriti rakyat yang berpendapatan rendah di kalangan semua kaum sudah tentu mereka menghadapi ungkapan, "burung terbang dipipiskan lada".

Oleh itu, keadilan sosial persamaan hak dan kebebasan sejati mestilah dijadikan mauduk ataupun agenda dalam Belanjawan Negara 1997 - ke arah ambang abad ke-21 supaya kita tidak sekadar melihat Euthopia itu ekonomi pada masa akan datang tetapi gagal dengan realitinya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan guru siswazah kepada 58 peratus daripada jumlah guru sekolah menengah berbanding 36 peratus dalam tahun 1990, adalah membuka sinar gemerlapan kepada masa depan pendidikan generasi kita. Tetapi para sarjana kita sering mengingatkan bahawa mereka yang memberi jasa mempunyai perbezaan dengan mereka yang berilmu, oleh itu demi kehebatan masa depan pendidikan negara kita, maka guru-guru siswazah ini juga perlu diorientasikan menjadi guru-guru terlatih yang mampu melonjakkan tahap pembelajaran di sekolah-sekolah.

Peruntukan RM100 juta yang disediakan bagi pelancaran dana pendidikan tinggi sebagai langkah ke arah pengkorporatan universiti-universiti tempatan adalah gambaran yang tepat sejak beberapa tahun lalu bahawa universiti-universiti tempatan tidak dapat dielakkan untuk diswastakan. Pengkorporatan institusi....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Liew Ah Kim: Saya cubalah. Pengajian tinggi ini sepatutnya membenarkan kebebasan intelektual untuk menghapuskan prasangka bahawa kaum-kaum tertentu perlu diberi subsidi sementara kaum-kaum lain dianggap berkemampuan dan dibiarkan terumbang-ambing. Penubuhan Universiti Merdeka dua dekad lalu telah ditentang hebat dan sebagai tolak ansur, maka dibenarkan penubuhan Kolej Tuanku Abdul Rahman, merupakan satu nostalgia. Perjuangan dalam pendidikan yang tidak kesampaian tetapi prasangka demikian harus dihapuskan bagi memeriahkan institusi pendidikan di negara ini dalam mencapai kebebasan intelektual menjelang abad ke-21 akan datang.

Penubuhan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina ataupun Tamil wajar diberi perhatian di kawasan yang penduduknya ramai dan majoritinya masyarakat Cina dan India. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Johor Bahru.

7.55 mlm.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana berpeluang mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan bagi tahun 1997 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan beberapa minggu yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, seperti tiap-tiap tahun sebelum daripada ini, sektor pendidikan mendapat peruntukan yang terbesar dalam belanjawan negara. Pada tahun ini, jumlah yang diperuntukkan bagi sektor pendidikan temasuk latihan tenaga kerja ialah sebanyak RM13.2 bilion. Sememangnya pendidikan perlu diberikan keutamaan kerana ia merupakan prasyarat yang penting dalam menentukan kejayaan wawasan negara.

Melalui pendidikan, rakyat dapat diberi ilmu pengetahuan dan latihan dan rakyat yang mempunyai sifat-sifat tersebut mempunyai kelebihan dibandingkan dengan mereka yang tiada. Keadaan rakyat yang memiliki sifat sedemikian akan menyumbang kepada kelahiran sebuah bangsa yang kuat dan dihormati. Walaupun peruntukan untuk sektor pendidikan adalah yang terbesar pada setiap tahun, itu bukanlah bermakna semua rakyat akan berjaya mendapat pendidikan sempurna dan berterusan seperti yang diharapkan.

Sememangnya peruntukan yang besar menyumbang kepada penyediaan dan peningkatan infrastruktur pendidikan dan peralatannya. Peruntukan yang sebesar itu membantu untuk membina sekolah baru, menambah bilik darjah, membekal komputer dan keperluan pembelajaran yang lain. Tetapi

bergantung kepada itu sahaja, tidak mencukupi untuk melahirkan pelajar yang berjaya, yang seterusnya berperanan untuk memajukan negara.

Pendek kata, kejayaan usaha untuk memberi ilmu pengetahuan kepada rakyat jelata tidak bergantung semata-mata kepada jumlah peruntukan yang tinggi. Pada masa yang sama, kejayaan memberi ilmu pengetahuan kepada rakyat bergantung juga kepada sistem yang digunakan bagi menyalur ilmu pengetahuan tersebut. Itu bermakna sistem pendidikan juga perlu diberikan perhatian supaya matlamat dan peruntukan yang dikeluarkan sebegitu banyak mencapai maksudnya.

Matlamat kita ialah sebagaimana tinggi perbelanjaan dan peruntukan yang diberikan untuk memberi pendidikan kepada rakyat, maka pelajar yang dihasilkan daripada sistem juga mestilah sama tinggi dari segi jumlah dan kualitinya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memikirkan mengenai perkara inilah, kita dapati bahawa prestasi kita dalam pendidikan masih lagi belum memuaskan. Hari ini jumlah pelajar yang gagal di peringkat UPSR, PMR dan SPM tidak kurang ramainya. Daripada yang gagal itu, ada yang terpaksa berhenti daripada sekolah. Mereka ini tergolong dalam kumpulan yang tercicir daripada sisitem pendidikan negara dan jumlah mereka itu adalah tinggi. Kita tidak nafikan ada pelajar yang gagal kerana sekolah tidak sempurna, guru tiada, guru tidak sesuai, bilik darjah terlalu padat dan sebagainya. Manakala ada juga yang gagal kerana sistem pembelajaran seperti kaedah mengajar, mutu dan kesesuaian buku teks dan seterusnya.

Semuanya ini memerlukan pihak kerajaan mengambil satu tindakan yang segera dan berkesan. Kita mesti berani mengakui bahawa perkara ini wujud. Jika kita menafikannya, yang rugi ialah bangsa kita kerana yang bermasalah majoritinya adalah terdiri daripada orang Melayu. Soal pembaharuan seperti Sekolah Bistari dan reformasi bagi menghadapi cabaran kedatangan alaf baru memang kita mengalu-alukan. Tetapi kita tidak boleh menutup kelemahan yang masih perlu kita perbaiki.

Dalam hal ini, saya setuju dengan pandangan yang telah diluahkan oleh Tan Sri Awang Had Salleh, bekas Penasihat Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan yang menyarankan antara lain, agar kerajaan mengadakan satu agenda bagi membuat penyelidikan mengenai Orang Melayu Dalam Pendidikan yang meliputi jenis mikro dan juga makro. Dan seterusnya membuat cadangan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada. Semua pihak yang terlibat mesti turut disertakan.

Saya difahamkan selama ini pihak kementerian tidak pernah bertanyakan kepada guru sebab-sebab pencapaian yang lemah atau kegagalan pelajar dalam peperiksaan atau bertanya bagaimana mengatasi kelemahan dan keciciran mereka. Sekolah-sekolah hanya diminta mengulas secara umum dan memberi angka-angka lulus dan gagal sahaja. Walhal guru-gurulah yang terdekat dengan murid dan sebagai orang yang terpenting melaksanakan sistem pendidikan, mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan "onside", dengan izin, dan "first hand information", mengapa perkara ini berlaku.

Jika penyelidikan ini dibuat, ianya hendaklah dilakukan oleh satu jawatankuasa bebas supaya semua pihak dapat memberi maklumat secara terus terang dan juga secara jujur.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, kerajaan mestilah melihat juga kepada soal-soal pelajar yang terkeluar daripada sistem pendidikan di peringkat umur yang muda. Jika mereka terus bekerja, mereka merupakan golongan buruh yang tidak mempunyai kemahiran, apatah lagi pelajaran. Keadaan mereka sedemikian merupakan satu pembaziran tenaga. Oleh itu, mereka perlu diberi peluang meneruskan pendidikan dalam aliran yang dibentuk khas untuk pelajar yang tercicir sebegini.

Mungkin berdasarkan kepada konsep community college atau dalam masa bekerja mereka diberi latihan supaya mereka menjadi pekerja yang mahir. Jika aliran yang dibentuk khas untuk menampung pelajar yang tercicir bagi meningkatkan kemahiran mereka melibatkan pembukaan community college, institut latihan, pusat kemahiran dan sekolah vokasional, maka semuanya itu hendaklah dibuka di merata tempat, baik di bandar mahupun di luar bandar. Kita mahu peluang yang seluas-luasnya disediakan untuk pelajar yang tercicir ini mendapat kemahiran. Hari ini peluang tersebut tidak meluas.

Dalam hal ini, saya mengalu-alukan usaha Proton mengambil alih Institut Kemahiran di Pekan yang akan memberi latihan kemahiran dalam bidang mekanikal. Usaha sebegini perlu dijadikan contoh teladan oleh syarikat besar yang lain seperti Telekom, Petronas, Tenaga Nasional, MAS ataupun syarikat gergasi swasta seperti YTL, UEM dan sebagainya.

Mereka perlu digalakkan bukan sahaja membuka universiti ataupun institusi pengajian tinggi, tetapi membuka dan mengendalikan pusat kemahiran dan latihan mereka sendiri yang mana sasaran mereka ialah untuk memberi latihan dan kemahiran secara apprentice kepada pelajar-pelajar yang tercicir. Dengan cara ini, mereka bukan sahaja memberi nilai tambahan kepada pelajar tersebut, tetapi dapat menentukan mereka sendiri mendapat jaminan bekalan tenaga pekerja mahir.

Kerajaan perlu menggalakkan mereka membuka institut atau pusat kemahiran yang baru dan tidak mengambil alih pusat yang sedia dikendalikan oleh kerajaan kerana kita masih kekurangan pusat-pusat sedemikian. Ini kerana pengambilalihan pusat sedia ada tidak menambah jumlah pusat-pusat tersebut. Ia hanya sekadar menukar pengurusan sahaja.

Dalam hal yang sama, adalah diharapkan MARA dapat menambah pusat giat kelolaannya yang hari ini sepatutnya sudah dibuka di setiap kawasan Parlimen. Ini kerana konsep pusat giat ini sedikit sebanyak dapat memenuhi keperluan memberi latihan kemahiran kepada anak-anak muda kita yang tercicir dari sistem persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kebimbangan yang perlu difikirkan oleh kita semua ialah kurangnya pelajar yang mengambil mata pelajaran atau jurusan yang boleh menyumbang dan mengukuhkan bidang sains dan teknologi dalam negara kita. Masalah kekurangan pelajar sains di kalangan bangsa Melayu, khususnya di Universiti Malaya sudah menjadi satu perbualan umum. Jumlah pelajar yang ada hanya dapat memenuhi kuota antara 15% hingga 20%, sedangkan kuota yang perlu dipenuhi adalah sebanyak 60%.

Kita semua sedia maklum bahawa bidang sains dan teknologi merupakan alat bagi mengekalkan kadar pertumbuhan yang tinggi dan sebagai alat untuk meningkatkan kualiti hidup. Keadaan kekurangan yang sedemikian boleh menjejaskan usaha kita untuk mencapai cabaran keenam dalam Wawasan 2020, iaitu 'untuk melahirkan sebuah masyarakat yang saintifik dan progresif'.

Antara kesan yang tidak dapat diketepikan juga ialah usaha untuk membuka industri yang berasaskan kepada teknologi tinggi tidak mungkin boleh dilakukan. Ini bermakna industri yang ada ataupun industri yang baru akan terus berasaskan kepada industri buruh. Jika ini keadaannya, tenaga buruh tempatan sentiasa tidak cukup untuk memenuhi permintaan sektor industri yang berasaskan kepada industri buruh. Akhirnya, kita terpaksa terus mengimport buruh asing untuk menggerakkan kilang kita.

Tanpa sains dan teknologi, kita juga tidak akan dapat mengembangkan industri kerana tidak mampu untuk memindahkan teknologi. Negara kita akan terus menjadi sebuah negara yang meminjam atau membeli teknologi daripada negara asing dan ini bukanlah sesuatu yang murah. Atas sebab itulah, kita tidak hairan mengapa industri kecil dan sederhana kita tidak menunjukkan sebarang kemajuan sehingga sebahagian besar komponen dalam industri tersebut masih lagi diimport.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan dapat mengenal pasti mengapa pelajar kita lemah ataupun tidak tertarik dalam bidang sains dan teknologi. Kita mahu rakyat kita celik sains dan mempunyai sikap yang positif terhadap sains dengan meluaskan kefahaman rakyat mengenai kepentingannya. Lebih-lebih lagi kepada masyarakat Islam, kita mesti tekankan bahawa penguasaan kita terhadapnya adalah sebagai satu ibadah.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menyatakan bahawa kejayaan Islam ialah berlakunya pembahagian tugas kerja di kalangan umatnya. Jika semua umat Islam menumpukan kepada bidang agama dan mengetepikan soal sosial, ekonomi dan sebagainya, maka kita akan mundur dan orang Islam tidak akan dapat bersaing dengan penganut agama lain.

Usaha menarik minat dan perhatian rakyat terhadap sains dapat dilakukan jika kita mempertingkatkan literasi sains dan dapat mengadakan pameran sains di merata tempat. Saya berharap exploratorium ataupun pusat

sains dapat juga diwujudkan di setiap ibu negeri dan tidak hanya berpusat di Kuala Lumpur sahaja. Kita jangan pentingkan sangat atau membelanjakan wang yang banyak untuk membuat bangunan bagi menempatkan pusat sains ini. Yang penting, bahan-bahan yang terdapat di dalamnya mestilah mampu menarik minat pengunjung. Kita juga perlu melambakkan bahan bacaan saintifik dalam pasaran. Lebih-lebih lagi di dalam bahasa Malaysia. Mereka yang telah berjaya di dalam bidang in perlu juga diketengahkan sebagai role model supaya mereka dapat menarik minat anak-anak kita untuk menjejak langkah mereka.

Hari ini, saintis Malaysia tidak diberikan publisiti yang sewajarnya. Role model yang sentiasa dipaparkan kepada masyarakat ialah mereka yang berjaya dan yang berlatar belakangkan bidang perniagaan. Perkara ini perlulah diseimbangkan oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, soal sains dan teknologi ini juga berkait rapat dengan budaya penyelidikan dan pembangunan. Kelemahan menguasai soal sains dan teknologi ini boleh menjejaskan usaha kita untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam negara. Di samping itu, pendekatan negara dalam soal penyelidikan dan pembangunan ini juga perlu difikirkan kerana hari ini bukan sahaja peruntukan untuknya kecil dengan penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang terhad, tetapi penyelidikan yang digalakkan adalah yang berkait rapat dengan soal strategik negara sahaja.

Kita sedar bahawa peruntukan yang kecil atau kemudahan yang terhad tidak mungkin boleh menambah jumlah penyelidik. Ini menghalang perkembangan penyelidikan dan pembangunan itu sendiri. Pada masa yang sama, negara juga perlu mengkaji soal penekanan penyelidikan dalam sains asas yang begitu kurang sekali.

Mengikut Gune Oquis, Ketua Setiausaha The Swedish Natural Sciences Research Council, beliau telah menyatakan:

"*Hanya sains asas yang boleh menciptakan kemungkinan-kemungkinan baru untuk masa hadapan. Fungsi ini tidak boleh diganti oleh penyelidikan gunaan atau teknologi, walaupun dari segi sosial dan ekonomi semasa, penyelidikan gunaan dan teknologi adalah kegiatan yang paling menarik.*"

Tuan Yang di-Pertua, adalah difahamkan penyelidikan dalam negara adalah untuk tujuan khusus iaitu penyelidikan mengikut agenda yang telah ditetapkan yang ada kaitan dengan objektif-objektif strategik nasional yang bertujuan untuk meningkatkan perkembangan ekonomi negara. Ini berbeza dengan negara Amerika ataupun Jepun yang mana baru-baru ini mengeluarkan peruntukan untuk penyelidikan asas sebanyak US$155 bilion untuk tempoh lima tahun yang akan datang.

Sudah sampai masanya negara kita di samping mengekalkan penyelidikan sedia ada, memberi kemudahan untuk penyelidikan asas. Kelebihannya adalah seperti yang dikatakan oleh Gurna Q'Quist iaitu kemampuan dalam penyelidikan asas akan menentu kejayaan penyelidikan gunaan di samping kemungkinan mencipta produk-produk baru.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat memaju dan membangunkan negara tidak semestinya terhad kepada sektor ekonomi sahaja. Kita perlu memberi renungan yang mendalam kepada ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengenai perlunya kita mengamalkan nilai yang baik supaya dalam kita mencapai pembangunan dan kemajuan, ia tidak hanya meliputi bidang ekonomi tetapi termasuk juga pembangunan dan kemajuan, nilai dan budaya kita.

Kita terima baik gesaan beliau kerana kita menyedari masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat yang mana jika kita tidak memberikan perhatian, ia boleh merosakkan bangsa dan negara. Ianya juga selari dengan matlamat kita untuk melahirkan masyarakat seimbang yang berpijak kepada kesedaran bahawa tafsiran pembangunan dan kemajuan tidak terhad kepada bidang ekonomi semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, atas sebab itulah, kita mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi menjamin pemeliharaan institusi keluarga. Ia merupakan satu pendekatan baru di mana usaha mengatasi masalah sosial dilakukan melalui pengukuhan unit keluarga. Tetapi dalam kita meluluskan peruntukan ini kita dapati bahawa peruntukan untuk Rakan Muda pula dikurangkan.

Saya bersetuju dengan ahli dari Parit Sulong yang telah berucap beberapa hari yang lepas yang telah membangkitkan mengenai

kekurangan peruntukan untuk program ini yang mana kita kira amat penting dalam usaha untuk melahirkan satu gaya hidup yang positif untuk golongan muda kita. Walaupun, Kementerian Belia dan Sukan baru-baru ini ada mengumumkan satu program baru iaitu Program Khidmat Sosial, tetapi kita harus sedari bahawa matlamat Rakan Muda lebih berbentuk jangka panjang. Ia mahu melahirkan gaya hidup yang hanya boleh menjadi satu budaya dan amalan jika ia digerakkan secara berulang kali dan dilakukan secara menyeluruh oleh semua lapisan masyarakat belia kita. Manakala Program Khidmat Sosial lebih untuk mengisi masa lapang pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan. Mungkin semasa menghadiri program ini mereka tidak terlibat dalam gejala sosial negatif tetapi selepas daripada itu, tiada jaminan yang mereka akan selamat. Oleh itu, walaupun program baru ini dialu-alukan, kita berharap program dan peruntukan Rakan Muda dapat ditambah dan dipergiatkan.

Tuan Yang di-Pertua, media juga boleh memainkan peranan dalam usaha untuk melahirkan nilai dan membina budaya bangsa. Mereka mempunyai tanggungjawab sosial dalam menentukan matlamat ini dapat dijayakan. Kita terima hakikat bahawa tamadun, budaya dan nilai tidak lahir secara semulajadi. Ia merupakan perlakuan yang berlaku secara berulang dan meluas sehingga ia menjadi amalan biasa. Begitu juga sesuatu yang dibaca, didengar dan ditonton boleh mempengaruhi rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Dalam hal ini media berperanan menyumbangkan kepada proses tersebut. Ini boleh dilakukan melalui penyediaan pelbagai program, rencana atau penulisan sama ada yang bersifat informatif dan mendidik atau yang mengupas isu semasa atau yang dapat memenuhi naluri 'critical enquiry' sambil mempertajamkan aspek intelek. Melalui media juga tradisi berfikiran kritis di kalangan masyarakat akan dapat dilahirkan melalui rencana yang memuatkan pertembungan dan pandangan dan pendapat. Ini semua merupakan nilai dan amalan yang baik yang boleh diterapkan dalam masyarakat kita.

Jika ini semua dilakukan oleh media kita, tahap pendidikan masyarakat akan dapat dipertingkatkan kerana semua program, rencana dan penulisan yang terdapat dalam media tersebut sebenarnya merupakan peluang pendidikan yang berterusan iaitu pendidikan seumur hidup kepada rakyat yang menjadi penonton atau pembaca. Malangnya hari ini yang kita lihat banyak dipaparkan kepada masyarakat ialah bidang hiburan semata-mata. Kita dapati di pasaran lebih banyak majalah hiburan daripada majalah yang berbentuk ilmu. Walaupun kerajaan telah mengurangkan cukai yang berkaitan dengan percetakan, bahan bertulis masih mahal harganya yang mungkin menyumbang kepada tabiat membaca yang masih pada tahap yang rendah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Ya. Begitu juga dengan pertambahan saluran TV kita dapati semakin banyak saluran yang menambahkan hiburan untuk rakyat.

Dengan memandangkan kepada masa yang suntuk, maka dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Bintulu.

8.15 mlm.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pilihanraya Umum Negeri Sarawak berlangsung pada 7hb. dan 8hb. September, 1996. Buat pertama kali dalam sejarah, rakyat dan para pengundi Sarawak memilih selepas 18 tahun tiga orang calon DAP menjadi ADUN Sarawak. Dalam suasana atau iklim pilihan raya yang mana Barisan Nasional Negeri dijangka memenangi kesemua 62 kerusi berasaskan selama penggal yang lalu mereka telah menguasai Dewan Undangan Negeri tanpa seorang pun anggota pembangkang di dalamnya.

Tiba-tiba keputusan pilihan raya menghantar satu message mengejut bahawa rakyat Sarawak walaupun masih mahukan Kerajaan Barisan Nasional memerintah lagi tetapi dalam masa yang sama mereka mahukan anggota pembangkang berada di dalamnya bagi memberi

check and balance kepada kerajaan. Rakyat Sarawak berkata kepada parti pemerintah bahawa benar mereka mahukan pembangunan tetapi mereka juga mahukan demokrasi diamalkan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal yang sangat tidak menyenangkan yang berlaku selama ini dalam politik Sarawak ialah politik wang. Politik wang telah memusnahkan api demokrasi pilihan raya kepada hanya satu urusan business menjual dan membeli sahaja. Amalan jual beli undi, jual beli calon secara langsung bagi membolehkan seseorang tidak jadi bertanding sebagai calon ataupun menerusi cara tidak langsung yang mana seseorang itu sengaja melakukan kesalahan kecil dalam borang pencalonan. Amalan membeli dan menjual pencadang dan penyokong calon yang mana mereka dipastikan tidak muncul pada hari penamaan ataupun menarik diri di pusat penamaan, amalan membeli dan menjual pemakaian alamat dalam sesebuah kawasan pilihan raya bertambah teruk lagi mereka melakukan apa jua amalan buruk untuk membeli dan menjual pencalonan, termasuk penculikan, sabotaj atau mungkin pada suatu hari pembunuhan.

Semua ini berpunca kerana sikaya dan segelintir mereka yang berkuasa sudah menjadi gila kuasa sehingga sanggup apa juga cara untuk memenangi sama ada ianya salah atau betul, bermoral atau tidak bukan menjadi perhitungan mereka. Nampaknya semasa Pilihanraya Umum Negeri Sarawak yang lalu, tidaklah cukup untuk mereka menang tetapi lebih bergaya lagi apabila mereka boleh menang tanpa bertanding. Mereka terlupa bahawa pilihan raya ialah satu proses dalam sistem demokrasi bagi rakyat menilai seseorang calon yang bertanding dan memilih hanya mereka yang sesuai sahaja untuk menjadi pemimpin. Dalam pilihan raya lepas sebahagian kawasan pilihan raya, para pengundi tidak memilih ADUN mereka sebaliknya bakal ADUN itu memilih mereka sendiri. Saya hendak memberi amaran bahawa jika amalan politik wang ini dibiarkan berterusan, maka pada akhirnya ia boleh memusnahkan sistem demokrasi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberitahu Dewan mengenai politik wang yang mengambil tempat dalam kerusi Parlimen Bintulu atau tiga kerusi negeri iaitu Kidurong, Kemina dan Jepak dalam pilihan raya lepas.

Di kawasan Kidurong, apabila calon DAP Wong Sing Hai bertanding mencabar anggota SUPP yang mempertahankan kawasan itu, pada awal pagi hari penamaan, calon DAP telah didatangi di rumahnya seorang wakil Barisan Nasional. Beliau memberitahu calon supaya membuat sedikit kesalahan dalam borang penamaan calon, dan sebagai balasan wakil Barisan Nasional itu akan membayar semua perbelanjaan yang dituntut oleh calon. Oleh kerana calon itu adalah manusia yang takutkan Tuhan, dan Ahli Parti DAP yang sangat setia, beliau tetap dengan pendiriannya dan meminta wakil itu beredar. Tiga hari selepas penamaan calon, seorang lagi financial broker dan bekas Ahli Parlimen datang dan menawarkan beliau RM220,000 supaya beliau menarik diri dari bertanding di depan Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang akan datang ke Bintulu pada Hari Kebangsaan. Sekali lagi calon DAP menolak politik wang dan pada akhirnya rakyat menghormati pendirian beliau dan beliau telah memenangi kerusi dengan majoriti 22 undi, meskipun beliau telah ditawarkan kerana beliau seorang penjaja.

Di kawasan Jepak, calon Barisan Nasional ialah antara ketua SEDC dan seorang calon bebas yang berasal dari Kampung Jepak. Selepas sehari penamaan calon Bebas menghilangkan diri dan tidak berkempen di Jepa. Sebaliknya, beliau kelihatan berada di tempat lain di Sarawak dan di Kuala Lumpur. Beliau hanya pulang ke kawasan beberapa minggu selepas hari mengundi. Wakil calonnya telah membuat laporan polis atas kehilangannya.

Kemudian di kawasan Kemina yang saya berdiri untuk menentang calon Barisan Nasional, sejak bertahun-tahun lalu pusat penamaan ialah di Pejabat Residen, Bintulu. Tetapi kali ini dipindahkan ke pekan kecil Sepauh lebih kurang 30 batu dari Bandar Bintulu menerusi jalan darat dan memakan masa setengah jam jika menggunakan bot ekspress. Bilik penamaannya dalam changing room, sebuah dewan orang ramai Sepauh untuk dijadikan pusat penamaan calon. Dewan terbuka digunakan untuk menjadi tempat duduk calon-calon dan para penyokong dan pencadang mereka. Masih segar dalam ingatan saya bagaimana kesempatan itu dipergunakan sepenuhnya oleh pencadang dan penyokong calon Barisan Nasional memujuk pencadang dan penyokong pencalonan saya supaya mereka menarik diri, dan sebagai balasan mereka akan mendapat RM50,000 setiap orang.

Tuan Yang di-Pertua, pencadang saya, Encik Eman, seorang Kayan dari Tubau dan penyokong saya pula tuai rumah Usah, seorang Iban dari Sebongan yang merupakan pekebun kecil tidak berpelajaran tinggi, tetapi mereka adalah manusia yang jujur, bermoral dan berhemah tinggi, lebih baik dari kawan-kawan mereka dari Barisan Nasional. Setelah pujukan tidak mendatangkan apa-apa hasil dan pertandingan nampaknya tidak dapat dielakkan, maka pada pukul 12.45 tengah hari, iaitu 15 minit selepas masa bantahan, pegawai pilihan raya memanggil saya ke pejabatnya untuk memberitahu saya calon Barisan Nasional telah buat protes kerana pemilik alamat dalam kawasan pilihan raya yang saya gunakan telah menulis untuk memprotes alamat digunakan sebagai alamat dalam kawasan pilihan raya oleh saya. Surat beliau tidak bertarikh dan tidak beralamat dan tidak pula ditandatangani. Saya kemudian menunjukkan sepucuk surat yang ditandatangani oleh beliau mengenai persetujuan menggunakan alamatnya oleh saya kepada pegawai pilihan raya. Pegawai itu yang sama Pegawai Daerah di Bintulu, Wilfred Jolly, dia berkata, beliau telah membuat keputusan untuk menolak pencalonan saya dan jika saya tidak setuju boleh membuat rayuan. Apa yang berlaku kepada pemilik kedai yang telah membenarkan saya menggunakan alamatnya pada 26hb. Ogos yang mana beberapa jam kemudian membantah pula. Macam mana returning officer boleh menggunakan sepucuk surat yang tidak bertarikh dan tidak beralamat dan tidak ada signature untuk menolak pencalonan saya.

Tuan Yang di-Pertua, proses pilihan raya tidak memberi apa-apa makna jika kita menafikan hak rakyat untuk mengundi, sebaliknya, kita berusaha mencari jalan dan cara sama ada benar atau salah moral atau tidak bermoral hanyalah semata-mata hendak memenangi pilihan raya tanpa bertanding. Terdapat sejumlah 19 calon yang menang tanpa bertanding di Sarawak pada hari penamaan calon. Bagaimanakah ini boleh berlaku - 19 orang? Saya tahu dan faham apa yang berlaku di Kidurong, di Jepak dan Kemina. Jangan pula kita lupa bahawa mereka yang memenangi pilihan raya ini menjadi para pemimpin negara kita. Jika mereka menjadi pemimpin, melalui hasil usaha dan cara yang menimbulkan keraguan dan politik wang dan moraliti, begitu juga cara yang mereka gunakan untuk memerintah dan mentadbir negara dan negeri akan juga menggunakan politik wang, rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Oleh kerana kita sedang berada di akhir abad ke-20, marilah kita kebumikan atau hapuskan semua amalan buruk dan keji politik wang, dan marilah kita mara menuju ke abad ke-21 untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih beradab dan penuh kebebasan bagi mencapai ketinggian moral dan akhlak di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya suka bangkitkan di Dewan ini ialah mengenai syarikat perladangan untuk tanaman kelapa sawit yang mana ibu pejabatnya berpengkalan di Semenanjung. Apa yang terjadi ialah kerap berlaku syarikat-syarikat seperti ini membuka tanah yang telah pun dikerjakan dan ditanami dengan tanaman oleh kaum peribumi di Sarawak yang mana kebanyakan mereka terdiri dari orang-orang Iban. Menurut adat tradisi dan undang-undang adat kaum peribumi ini, tanah-tanah tersebut yang telah dicucuk tanam adalah tanah termuda mereka. Saya tidak nampak mengapa syarikat-syarikat Semenanjung tidak boleh menghormati adat tradisi undang-undang adat kaum peribumi dengan mengenal pasti atau mengiktiraf hak sempadan tanah mereka serta membenarkan mereka tinggal dan mengusahakan terus bercucuk tanam di atas tanah tersebut. Bukannya menggunakan jentolak untuk membersihkan apa juga tanaman yang telah ditanam oleh kaum tersebut selama ini seperti sayur-sayuran, pokok buah-buahan, merobohkan rumah mereka, memusnahkan kehidupan mereka supaya syarikat berkenaan boleh menanam kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat Semenanjung ini bukan sahaja menolak dan menebang pokok-pokok buah-buahan atau kebun sayuran, tetapi mereka juga menolak ke tepi adat kaum peribumi, menolak budaya sebahagian kaum terbesar di Sarawak. Mengapakah syarikat-syarikat di Semenanjung ini mempunyai lebih hak menduduki tanah tersebut, sedangkan mereka tidak pernah berada di bumi Sarawak? Manakala kaum peribumi yang menjadi bumiputera Sarawak tidak berhak tinggal di atas tanah mereka yang diwarisi menurut adat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk di sini kes sebuah syarikat perladangan terbesar di Semenanjung, Astro Enterprise Bhd. yang menanam kira-kira 41,100 hektar tanah dengan

kelapa sawit di Bahagian Bintulu dan Miri, iaitu di sepanjang Jalan Bintulu-Miri. Kebanyakan tanah ini dimilikki oleh kaum peribumi. Misalnya, di ladang Rajawali terdapat lebih kurang 1,600 hektar tanah telah diteroka dan menjadi pendapatan kaum Iban menurut adat mereka sejak awal tahun 1980-an. Di atasnya terdapat 18 buah rumah panjang dan lebih kurang 1,500 penduduk yang enggan berpindah kerana mereka berhak ke atas tanah tersebut sebagai kaum peribumi dan bumiputera Sarawak.

Mereka telah membangunkan sebaiknya tanah tersebut dengan bercucuk tanam seperti padi, pokok buah-buahan, sayur-sayuran, mengutip hasil hutan - cukup untuk sara hidup diri dan keluarga mereka, malah mereka boleh menanam sendiri kelapa sawit jika mereka boleh mendapat harga lebih baik berbanding dengan tanaman kontan (cash crops). Mereka mengangkut semua hasil tanaman tersebut ke bandar Bintulu untuk jualan harian di pasar. Saya berbangga di atas sikap kaum pribumi ini yang bergantung kepada diri sendiri dan mempunyai cukup wang untuk menanggung keluarga mereka. Pendapatan ini pada bila-bila masa pun jauh lebih baik berbanding dengan gaji yang mereka perolehi sebagai buruh syarikat-syarikat perladangan.

Astro Enterprise Bhd. telah menawarkan untuk menempatkan mereka semula di tapak baru dan memberikan tanah seluas 3 ekar untuk setiap keluarga, akan tetapi, persoalannya di sini bukannya hal tanah 3 ekar, tetapi merupakan hal adat dan budaya, cara hidup mereka, hak mereka ke atas tanah yang telah diwarisi secara adat sejak 100 tahun lalu, mengapakah patut kita menukarkannya, sedangkan ia terbukti baik dan boleh diterimapakai. Mengapakah kita menggantikannya dengan satu lagi bentuk undang-undang dan peraturan yang hanya menyebabkan kaum pribumi kehilangan lebih banyak hak ke atas tanah-tanah yang jatuh ke dalam tangan syarikat gergasi dan tauke-tauke besar. Tuan-tuan rumah 18 buah rumah panjang dan penduduk-penduduk rumah panjang telah beberapa kali menemui pengurus pejabat Astro Enterprise Bhd. di Bintulu tetapi Syarikat Astro memilih untuk mendakwa mereka di mahkamah. Syarikat tersebut langsung tidak menghormati dan menghargai adat resam dan tradisi kaum pribumi Sarawak.

Pada 5hb. September lalu, tuan-tuan rumah telah terbang ke Kuala Lumpur untuk menemui Pengerusi Astro Enterprise Bhd. - Dato' Mohd. Shariff Ariffin bagi menyerahkan satu memorandum supaya beliau boleh memahami masalah dan kehendak kaum pribumi Sarawak. Tuan-tuan rumah sungguh kecewa kerana selepas berjalan begitu jauh dan membelanjakan wang hasil jualan sayur yang diusahakan menerusi titik peluh mereka, tetapi tidak dibenarkan memasuki bangunan pejabat Astro Enterprise untuk berjumpa dengan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi amaran kepada syarikat-syarikat Semenanjung yang membuka tanah untuk skim perladangan besar-besaran di Sarawak supaya jangan bersikap menentang adat resam kaum pribumi Sarawak sehingga sanggup mencabar hak adat istiadat yang telah turun-temurun ke atas tanah mereka. Sebaliknya hendaklah menghormati dan menerima sempadan tanah kemudahan mereka serta mengiktiraf hak mereka ke atas tanah tersebut yang telah diwarisi secara tradisi sejak zaman berzaman.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya negeri Sarawak pada 7hb. dan 8hb. September 1996, walau apa pun kekuatan Barisan Nasional, rakyat telah menghantar perutusan mereka, negeri Sarawak memerlukan pembangkang yang berupaya mengenengahkan dan membela nasib dan masalah mereka. Contoh terbesar dakwaan saya ini ialah peningkatan jumlah undi yang diterima oleh calon-calon pembangkang dan bebas serta kemenangan calon pembangkang dan bebas dalam 5 kawasan. Contoh kedua ialah undi yang diterima oleh 5 orang calon bebas dalam kawasan N.51 - Belaga sebanyak 2,551 undi berbanding undi yang diterima oleh calon Barisan Nasional sebanyak 1,646 undi sahaja.

Di kawasan N.59 - Telan Usang, calon bebas berjaya meraih 3,554 undi berbanding calon Barisan Nasional sebanyak 3,037 undi. Kedua-dua kawasan ini merupakan tapak projek haidro-elektrik Bakun dan skim kelapa sawit atas tanah NCR yang selama ini mendapat tentangan rakyat dan masyarakat luar. Bolehkah kita menafikan bahawa rakyat telah menunjukkan protes mereka terhadap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Chiew Chiu Sing: Ya. .....protes mereka terhadap projek Bakun dan pengambilan tanah NCR untuk skim kelapa sawit menerusi kertas undi yang dibuang. Kerajaan pasti mencari alasan untuk menjawab soalan yang saya bangkitkan ini yang bertujuan untuk menunjukkan kekuatan mereka dan mengelirukan orang ramai. Mereka sudah pasti akan mengatakan undi-undi yang diterima oleh calon-calon pembangkang dan calon-calon bebas tidak ada kena-mengena dengan projek raksasa Bakun atau pengambilan tanah NCR untuk skim kelapa sawit. Tindakan rakyat dan para pengundi Sarawak memecah tradisi atau ruyung adalah petanda yang mereka sudah muak dengan tipu-daya dan muslihat kerajaan Barisan Nasional semasa memerintah negeri tersebut.

Sebagai wakil rakyat yang mewakili sebahagian besar rakyat dan golongan bawahan, saya merasai betapa pulihnya hati nurani mereka bahawa selama ini mereka telah diperalatkan untuk kepentingan golongan atasan (elit) yang memerintah. Ini juga satu petanda bahawa kerajaan Barisan Nasional Negeri Sarawak tidak boleh mempermain-mainkan aspirasi dan keinginan rakyat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Chiew Chiu Sing: ....rakyat bawahan dan pedalaman untuk kepentingan peribadi mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan.

8.37 mlm.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Terima kasih banyak-banyak *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, belanjawan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat hendak berucap atau hendak ketawa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan, bukan, kerana kena tunggu dan berebut. Tuan Yang di-Pertua.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Penjelasan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, okay.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu kenapa Tuan Yang di-Pertua beri kepada Yan? *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Itu rahsia, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu kira rezekilah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan tahun ini bolehlah dikatakan belanjawan yang paling baik. Lima tahun berturut-turut kita mempunyai belanjawan yang seimbang, malah 'tiada kata secantik bahasa, tiada manisan semanis gula', tiada bahasa yang kita boleh kata tentang belanjawan, tiada belanjawan semantap, semampan seperti belanjawan negara pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai kerajaan - Alhamdulillah, pada tahun ini telah diberi bonus dan semalam apabila saya menonton televisyen, kebanyakan pegawai-pegawai kerajaan mengatakan bonus ini akan mereka belanjakan untuk membeli buku anak-anak, mereka akan berbelanja untuk membeli baju sekolah anak-anak dan mereka akan belanja untuk membeli kasut demi pendidikan anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, di sini menunjukkan bahawa kerajaan juga memahami masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai kerajaan untuk mendidik anak-anak mereka di dalam bidang pelajaran. Jadi, saya berharap bonus yang dikeluarkan ini akan dapat dibelanjakan ke jalan yang baik supaya ia tidak akan menambahkan inflasi ataupun kita belanja dengan tidak tentu arah dan ini akan merugikan kita sendiri. Memanglah, kadang-kadang kalau kita ambil pendapat seorang demi seorang, ada yang menyatakan bahawa hanya sebulan gaji, tetapi kalau merangkumi kesemua kos untuk membayar bonus itu - ia adalah begitu besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya pegawai-pegawai kerajaan harus bersyukur atas nikmat yang mereka dapat dan akan memberi terus sokongan kepada kerajaan dengan memberi tugas semaksimum yang mereka mampu untuk kita memperkemaskan lagi pentadbiran dan juga harapan rakyat terutama sekali bagi rakyat yang masih mengharapkan bantuan dari kerajaan, dari segi pembangunan, dari segi pendidikan, dari segi kemajuan masyarakat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menghadapi masalah apabila pegawai-pegawai kerajaan mendapat bonus, pegawai-pegawai dari syarikat-syarikat mendapat bonus, rintihan yang kita terima daripada kampung ialah, apakah nasib kami ini tidak ada bonus, tidak ada ganjaran, tidak ada tambahan subsidi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selalunya apabila kerajaan ingin mencadangkan memberi bonus, harga barang-barang meningkat naik. Inilah yang dikatakan 'meneguk di air yang jernih'. Sudah mereka tahu bahawa kerajaan akan memberi bonus kepada pegawai-pegawai kerajaan, maka dengan sendirinya orang-orang yang berniaga ini akan menaikkan harga barang. Dan yang menanggung kesusahan ialah rakyat yang berada di kampung, rakyat yang mencari pendapatannya sendiri, kita kata yang membuat kerja sendiri. Apatah lagi pesawah-pesawah di mana kos untuk mereka menanam padi telah meningkat, sedangkan hasil jualan mereka tidak ditambah. Walaupun Kementerian Pertanian diberi peruntukan yang kita nampak begitu banyak, tetapi separuh daripada peruntukan itu adalah untuk subsidi dan subsidi itu adalah patut kita beri kerana mereka membanting tulang untuk menahan import beras daripada luar negeri.

Kalau hari ini semua petani-petani tidak mahu menanam padi, dia 'bebai', dia merajuk, dia tak mahu tanam padi, dia dok melengkak atas rumah, maka kerajaan terpaksa mengimport beras daripada luar Malaysia. Maka ini akan menambah lagi pengaliran wang kita ke negara asing, menambahkan lagi defisit negara. Jadi, saya berharap sangatlah kerajaan dapat mempertimbangkan semula supaya 'petani-petani' ini diberi sama ada kalau kita tidak boleh beri subsidi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya subsidi ini, saya biasa seorang menteri wanita, Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zaleha, biasa kata bila saya menyuarakan kita perlu menambah dan mempertingkatkan untuk orang-orang 'welfare' ini, bantuan kepada orang-orang miskin ini, orang-orang marhain, daripada RM50 saya mintalah naik RM100. Menteri biasa jawab dengan mudah, dia kata: "Kita kena ubah pemikiran mereka, jangan jadi pemikiran subsidi".

Tuan Yang di-Pertua, kubur sudah hendak panggil depa, kita hendak ubah lagi mentaliti depa? Depa pun tidak ada upaya lagi hendak berfikir dah? *[Ketawa]* Hendak pi dah pak ini! Biarlah sisa-sisa hidup dia itu, kita berilah sedikit, biar dia pejam pi dengan seronok dengan kerajaan!

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita bukan meminta subsidi, ini adalah hak kita. Petani-petani menanam padi, hasil padi kurang, kerajaan tahan jangan naik harga padi, tetapi harga beras naik!

Tuan Yang di-Pertua, jadi, bila benda macam ini berlaku dan orang-orang kampung ini pula adalah orang yang menentukan kerajaan pada hari ini!

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila, sila! *[Ketawa]*

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, Ahli dari Yan berucap menyebut nama seorang menteri, tetapi nampaknya menteri tidak ada seorang pun di dalam Dewan ini. Apa pandangan saudara dari Yan?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, inilah perkaranya, tadi kita terima surat dah! Timbalan Perdana Menteri beri 'warning'! Itu saya tidak beri 'warning' lagi, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Jadi, depa kena mailah! Ini surat ini! *[Sambil menunjukkan sepucuk surat]*. Salinan kepada wakil rakyat dihantar kepada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan sebagainya. Bagus jugalah dok ada kawan-kawan ini, depa pun jaga juga perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, hak ini yang dok ada ini dari dahulu tunggu! Yang Berhormat Dato' Mohd. Tajol Rosli pula hari ini kenduri nasi di luar. Alhamdulillah!

Seorang Ahli: Masa cukup!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa untuk hari ini sudah cukup!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa untuk hari ini sudah cukup. Yang Berhormat kena sambung esok!

Seorang Ahli: Sambung 10 minit sahaja!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: 13 minit!

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta Tuan Yang di-Pertua jangan catat sudah 13 minit! Kata sambung sahaja! *[Ketawa]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.